'Pemulihan Ekonomi Global Semakin Kukuh'



(Sumber: Prospek Ekonomi Dunia IMF 22 Januari 2018)

Pertumbuhan Ekonomi Global



- i. 'Pemulihan Ekonomi Global Semakin Kukuh'. Aktiviti ekonomi kekal berkembang dengan peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 3.7% pada tahun 2017 (2016: 3.2%). Peningkatan pertumbuhan adalah menyeluruh, diiringi dengan kejutan positif kepada ekonomi di Eropah dan Asia. Perdagangan dunia telah berkembang dengan pesat dalam beberapa bulan kebelakangan ini, didorong oleh peningkatan aktiviti pelaburan, terutamanya di kalangan ekonomi yang maju, dan peningkatan pengeluaran perkilangan di Asia bagi menampung permintaan bagi pelancaran model-model telefon pintar baharu.
- ii. Ekonomi Global: 'Pertumbuhan Global Dijangka Terus Meningkat pada 2018 dan 2019'. Momentum pertumbuhan yang dialami pada tahun 2017 dijangka akan diteruskan pada tahun 2018 dan 2019, dengan menyemak naik pertumbuhan global diunjurkan untuk meningkat sehingga 3.9% bagi kedua-dua tahun. Bagi unjuran pertumbuhan KDNK untuk kedua-dua tahun, semakin menaik dipacu oleh ekonomi-ekonomi maju, di mana pertumbuhan dijangka melebihi 2.0% pada tahun 2018 dan 2019. Ekonomi yang sedang pesat membangun dari Asia, menyaksikan pertumbuhan sekitar 6.5% sepanjang 2018 dan 2019, hampir menyamai kadar pertumbuhan pada tahun 2017.

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017


Prestasi dan Prospek Pasaran Ekonomi (sambungan)



PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI DOMESTIK



(Sumber: Laporan Tahunan BNM 2017, Buletin Suku Tahunan BNM – S4 2017 dan KDNK S4 2017 MARC Malaysia – Satu lagi Prestasi Yang Kukuh Bagi Suku Tahunan dan Prospek Ekonomi Malaysia 2018 oleh MARC: Sejauh manakah pengukuhannya?)



- i. Pertumbuhan KDNK yang kukuh sebanyak 5.9% dicatatkan. Pertumbuhan ini juga lebih tinggi berbanding kebanyakan negara ASEAN-5 kecuali Filipina pada tahun 2017 (Indonesia: 5.1%; Singapura: 3.6%, Thailand (anggaran): 3.8%; Filipina: 6.7%). Pertumbuhan akan disokong oleh pengembangan yang berterusan dalam permintaan dalam negeri merentasi kebanyakan sektor ekonomi. Permintaan sektor swasta kekal sebagai pemacu pertumbuhan utama yang juga akan disokong oleh sektor luaran. Lonjakan eksport adalah seiring dengan pemulihan harga minyak mentah secara mendadak dan komoditi utama yang lain. Dari sudut penawaran, sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama bagi pertumbuhan.
- ii. KDNK Malaysia diunjurkan berkembang sebanyak 5.5% – 6.0% menurut BNM pada tahun 2018. Penggunaan swasta, yang mencatatkan kadar purata pertumbuhan yang selaras dengan trend jangka masa panjangnya sebanyak 7% tiga suku berturut-turut sejak S1 2017 akan terus diperkukuh. Momentum perbelanjaan pengguna juga terserlah menerusi jumlah Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dikumpul pada tahun 2017. Menjelang tahun 2018, kami menjangka penggunaan swasta untuk kekal berdaya saing dan berkembang dengan purata sebanyak 7.2%. Ekonomi domestik juga akan didorong oleh jumlah pelaburan berterusan oleh kerajaan pada tahun 2018. Projek infrastruktur besar yang sedang berjalan (MRT2, LRT3, Lebuhraya Pan Borneo, Menara Warisan dan lain-lain) akan terus menyokong momentum pelaburan. Bagi Malaysia, perdagangan luar merupakan penyumbang utama kepada prestasi ekonominya pada 2018. Eksport sebenar Malaysia dijangka meningkat sebanyak 4.5% pada tahun 2018.



PRESTASI DAN PROSPEK INDUSTRI PKS



(Sumber: KOMENTAR BAJET 2017 SME Corp Malaysia/
Laporan Tahunan SME Corp 2016/2017 oleh SME Corp./
Indeks Keadaan Perniagaan MIER/Kaji Selidik Perdagangan
Runcit/Pasaran Pelancongan/Indeks Sentimen Pengguna/)

Pertumbuhan KDNK PKS



i. Prestasi Tahunan

- Tahun 2017 telah diisytiharkan oleh kerajaan sebagai 'Startup and SME Promotion Year'. Bajet ini menggariskan pembangunan jangka panjang dan keperluan jangka pendek PKS bagi mengimbangi kesan cabaran ekonomi semasa. RM6.7 bilion telah diperuntukkan bagi pembangunan PKS, yang akan dilaksanakan oleh pelbagai pihak Kementerian dan Agensi Kerajaan.
- Pertumbuhan KDNK PKS dijangka mencatatkan pertumbuhan melebihi unjuran pertumbuhan awal antara 5.5% – 6.0% pada tahun 2017, berkemungkinan pada julat teratas sebanyak 6.0% atau lebih.
- Memandangkan prestasi PKS berkait rapat dengan permintaan domestik dan aktiviti pelancongan, jangkaan peningkatan dalam aktiviti penggunaan swasta dan peningkatan dalam aktiviti berkaitan pelancongan dijangka mendorong prestasi pertumbuhan PKS yang lebih kukuh pada tahun 2017. Ringgit yang lemah, peningkatan kos, kekurangan tenaga buruh dan perbelanjaan pengguna yang lemah adalah antara cabaran yang dihadapi oleh para peniaga.
- Menurut Indeks Keadaan Perniagaan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) S4 2017, tahap keyakinan peniaga termasuk PKS menurun sebanyak 1.6 mata kepada 101.5 mata tetapi masih melebihi penanda aras 100 yang ditetapkan. Perniagaan agak perlahan tetapi masih kekal positif. Indeks Perdagangan Runcit dan Indeks Pelancongan berakhir lebih rendah berbanding suku sebelumnya disebabkan oleh perbelanjaan pengguna yang lebih berhemah dan penurunan dalam jangkaan permintaan bagi tempahan hotel dan jangkaan kos perjalanan. Walau bagaimanapun, indeks sentimen pengguna meningkat sebanyak 5.5 mata walaupun kekal di bawah penanda aras. Isi rumah mengakhiri tahun 2017 dengan lebih baik tetapi lebih konservatif, dengan unjuran pendapatan, pekerjaan dan kewangan semasa yang memberangsangkan.
- Banci Ekonomi 2016 telah diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2017. Banci Ekonomi 2016 mencatatkan 903,818 buah pertubuhan yang beroperasi pada tahun 2015 dengan 76.5% PKS adalah bersaiz mikro. Bilangan pertubuhan di Malaysia meningkat berbanding 662,939 pada tahun 2010 (BE 2011) dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 6.4%. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada peratusan pertubuhan, iaitu 88.5%, diikuti oleh sektor Pembuatan (5.4%), sektor Pembinaan (4.5%), sektor Pertanian (1.3%), sektor Perlombongan dan Kuari (0.1%), sektor Bekalan Air, Pembentungan, Pengurusan Sisa dan Aktiviti Pemulihan (0.1%) serta sektor Elektrik, Gas, Wap dan Pendinginan Udara (0.03%).
- Pembangunan baharu bagi pihak PKS termasuk:
 - Pelancaran Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) yang pertama di dunia pada bulan Mac yang akan menyediakan zon fizikal dan maya bagi memudahkan PKS memanfaatkan pertumbuhan eksponensial ekonomi berasaskan internet dan e-dagang merentasi sempadan.
 - Pasaran Platform Pemecut Usahawan Utama (LEAP) yang dilancarkan pada 25 Julai, adalah merupakan pasaran baharu yang menawarkan saluran alternatif kepada PKS untuk meraih dana dan mengembangkan perniagaan menerusi pasaran modal.
 - Sistem Insentif PKS Berpusat (SCENIC) akan mengoptimalkan pengagihan sumber kepada PKS dan mengelakkan pertindihan bantuan yang sedia ada. SCENIC akan membantu penerima di bawah program pembangunan PKS. Menurut SME Corp Malaysia yang membangunkan SCENIC, ia berfungsi sebagai rujukan penting bagi mengelakkan pertindihan dan mengoptimalkan sumber.

Prestasi dan Prospek Pasaran Ekonomi (sambungan)



PRESTASI DAN PROSPEK INDUSTRI PKS



(Sumber: The Malaysian Insight: Anggaran pertumbuhan yang lebih tinggi bagi PKS pada tahun 2018/Presiden Persatuan PKS Malaysia Datuk Michael Kang: PKS perlu menyahut cabaran ini/NiagaTimes/Jabatan Perangkaan Malaysia/BERNAMA – Mustapa: PKS Menerima Rangsangan Besar dalam Bajet 2018/NST – MITI sasaran 10,000 syarikat e-dagang serta DFTZ)

Pertumbuhan KDNK PKS



ii. Prospek

- Pertumbuhan KDNK PKS dijangka berkisar antara 6.5% hingga 7.5% pada tahun 2018 menurut Perdana Menteri pada. Peruntukan sebanyak RM22.2 bilion untuk pembangunan PKS dalam Bajet 2018 akan membantu merangsang pertumbuhannya berbanding RM5.9 bilion pada 2016 yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.2%.
- Pada tahun 2018, sejumlah besar peruntukan bajet untuk PKS menunjukkan bahawa industri telah mendapat perhatian yang besar daripada kerajaan yang telah memperuntukkan RM22.2 bilion di bawah Bajet 2018 bagi tujuan pembangunan industri. Bajet tahun ini juga menggariskan pendekatan khas dalam mendorong pertumbuhan Malaysia selaras dengan Industri 4.0. Agensi Kerajaan dan Persatuan Perdagangan secara aktif menggesa peniaga dan peniaga kecil-kecilan untuk memanfaatkan lebih banyak penggunaan teknologi bagi meningkatkan kecekapan, menambahkan produktiviti dan menggalakkan jualan. Namun demikian, perkembangan pesat dalam e-dagang, robotik, kecerdasan buatan dan Internet saling berhubung (Internet of Things) adalah sesuatu yang sangat baharu bagi syarikat-syarikat kecil ini. Pemerhati industri mencatatkan bahawa PKS belum lagi melaksanakan automasi secara serius dan tidak memanfaatkan sepenuhnya ekonomi digital dan e-dagang oleh kerana kekurangan pekerja berkemahiran tinggi untuk memacu mereka ke hadapan selaras dengan perkembangan ini. Bajet 2018 juga positif bagi sektor penggunaan, infrastruktur, pelancongan dan kewangan yang memberangsangkan.
- Pada tahun 2018, PKS Malaysia juga harus memanfaatkan sepenuhnya inisiatif One Belt, One Road China bagi menambahbaik perniagaan dan menuju globalisasi. Inisiatif Belt dan Road China, prasarana yang luas dan inisiatif pembangunan pasaran bagi ekonomi kedua terbesar di dunia membuka peluang baharu bagi komuniti perniagaan di Malaysia. Menurut Forbes, Inisiatif Belt dan Road adalah bertujuan untuk menjangkau 68 buah negara di empat benua, mencapai lebih dari 60% penduduk dunia yang mewakili satu pertiga daripada KDNK dunia, dan satu perempat daripada seluruh perdagangan dunia.
- Peniaga memberikan reaksi positif, sekurang-kurangnya pada separuh pertama tahun ini, berdasarkan indeks keyakinan perniagaan yang kekal pada tahap positif. Penemuan dari Indeks Keyakinan Perniagaan RAM (RAM BCI) baru-baru ini menunjukkan bacaan sentimen yang menggalakkan dalam indeks korporat dan PKS masing-masing sebanyak 55.6 dan 52.4 untuk separuh pertama 2018. Penanda aras bagi indeks tersebut adalah 50 dan angka yang melebihinya dianggap sebagai petunjuk positif. Catatan yang memberangsangkan juga direkodkan dalam Indeks Optimisme Perniagaan Suku Tahun (BOI) Dun & Bradstreet (D&B) Malaysia yang menunjukkan optimisme perniagaan di kalangan perusahaan tempatan memuncak kepada +7.3 mata peratusan pada suku pertama 2018 berbanding +5.5 mata peratusan pada suku keempat 2017. Meskipun laporan-laporan ekonomi mencatatkan gambaran yang baik, peserta industri PKS kekal kurang yakin berhadapan tahun akan datang. Presiden Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia berkata bahawa sentimen PKS untuk separuh pertama 2018 secara amnya baik tetapi mereka menjangkakan beberapa pergolakan selepas pilihan raya umum ke-14. PRU14 yang amat dinanti-nantikan dan dijangka berlaku dalam separuh pertama adalah merupakan topik yang hangat diperbincangkan di kalangan PKS dan sentimen pasaran pada umumnya adalah perlahan, bagi tempoh selepas pilihan raya.
- FinTech merupakan trend industri pada masa hadapan di mana pengawal selia iaitu Suruhanjaya Sekuriti dan BNM bertanggungjawab untuk mengawal selia pasaran FinTech sebagai langkah inovatif di dalam pelbagai bidang pembayaran dan bil, pembiayaan/pinjaman pasaran, keterangkuman kewangan, teknologi pengawalseliaan dan lain-lain. Terdapat 12 platform pembiayaan kumpulan ekuiti (ECF) dan pembiayaan perangkai padan (P2P) berlesen sebagai pengendali pasaran berdaftar. Pada hujung Mei tahun lepas, Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan bahawa empat syarikat FinTech telah diluluskan sebagai perintis dalam Sandbox Pengawalseliaan Teknologi Kewangan.
- Projek perintis DFTZ yang dilancarkan telah menarik minat yang mendalam di kalangan pemain e-Dagang tempatan dan antarabangsa. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mensasarkan untuk meningkatkan penyertaan kepada kira-kira 10,000 buah syarikat dalam platform e-dagang Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) menjelang akhir tahun berbanding 1,998 pada bulan November tahun lalu.

STRATEGI KAMI: RANCANGAN STRATEGIK 5-TAHUN (5SP) 2016-2020


DISOKONG OLEH KEDUA-DUA KENYATAAN VISI DAN MISI KAMI

CGC berhasrat untuk **Pilihan Utama bagi PKS Menjelang 2020** dengan mempromosikan jenamanya dengan lebih berkesan bagi meningkatkan kehadirannya di kalangan PKS. Dalam merealisasikan aspirasi ini, CGC telah mengenal pasti empat (4) objektif strategik utama.

Rancangan Strategik 5 Tahun ini akan menyaksikan CGC bersiap sedia untuk memperkukuhkan kehadiran jenama di kalangan masyarakat awam dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS) sambil memantapkan Modal Insan, Proses dan Teknologinya. Di bawah tonggak Transformasi rancangan tersebut, CGC akan membangunkan kakitangan untuk lebih berdaya saing dengan memupuk budaya prestasi yang tinggi bagi memastikan proses kami dipertingkatkan untuk penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.

Kakitangan dikehendaki mendukung dan menyokong Nilai-nilai Teras CGC "THiNK" dengan tahap komitmen yang tertinggi. Sebagai imbasan semula, "THiNK" (mewakili Teamwork, Hardworking, Integrity, Nurturing dan Knowledgeable – Usahasama, Ketekunan, Berwibawa, Mendidik dan Berpengetahuan) bertindak sebagai teras bagi semua kakitangan CGC.

INSTITUSI CGC



Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

4 Objektif Strategik

OS #1	OS #2	OS #3	OS #4
Penyusunan semula CGC untuk menjadi lebih proaktif dan relevan	Memastikan pertumbuhan yang mampan	Mempertingkatkan modal insan	Mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi

Sasaran Utama bagi tahun 2020

Jaminan dan Pembiayaan RM14.5 bilion	Nisbah Rizab Jaminan 4 kali	Keuntungan Sebelum Cukai RM160 juta	Kos kepada Pendapatan dihadkan 35%	Kadar Graduasi 50%	Kesedaran Jenama 80%
--------------------------------------	-----------------------------	-------------------------------------	------------------------------------	--------------------	----------------------

Strategi Kami: Rancangan Strategik 5-Tahun (5SP) 2016-2020 (sambungan)

OBJEKTIF STRATEGIK

Untuk merealisasikan aspirasi kami, kami telah mengenal pasti empat (4) Objektif Strategik (OS) dengan 15 strategi dan 31 inisiatif:

1. Menyusun semula CGC untuk menjadi lebih proaktif dan relevan

Inisiatif yang dikenal pasti akan membantu CGC meneroka pelbagai peluang baharu dan khusus bagi membantu perubahan persepsi terhadap CGC dalam pasaran iaitu PKS, Institusi Kewangan dan rakan kongsi yang lain.

2. Memastikan pertumbuhan yang mampan

Inisiatif yang dikenal pasti akan membantu CGC mengekalkan pertumbuhan yang mampan dengan mempertingkatkan serta memanfaatkan pelbagai aktiviti teras semasa, serta selaras dengan peranan kami yang telah dimandatkan dan saling melengkapi dalam ekosistem pembiayaan PKS secara menyeluruh.

3. Mempertingkatkan modal insan

Inisiatif yang dikenal pasti akan membantu CGC memastikan modal insan diselaraskan dengan strategi utama melalui peningkatan keupayaan serta usaha untuk menarik, membangun dan mengekalkan bakat.

4. Mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi

Inisiatif yang dikenal pasti akan membantu CGC mempertingkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan operasi secara berterusan dengan memastikan penggerak utama termasuk modal insan, proses dan teknologi sedia tersusun.

Rancangan terperinci atau 'rancangan hala tuju' ini terdiri daripada **15 strategi, 31 inisiatif, dan pengenalan garis masa pelaksanaan masing-masing dengan pemilik inisiatif yang berdedikasi**. (Sebelum memperkenalkan objektif strategik kelima kami: Pendigitalan yang terhasil daripada Kajian Jangka Pertengahan 5SP kami.)

Objektif-objektif strategik	Bilangan inisiatif	Bilangan inisiatif yang dilaksanakan	Inisiatif masih berjalan dan akan dilaksanakan pada tahun 2018 dan seterusnya
O.S.1. Menyusun semula CGC untuk menjadi lebih proaktif dan relevan	13	3	10
O.S.2. Memastikan pertumbuhan yang mampan	8	5	3
O.S.3. Mempertingkatkan modal insan	8	7	1
O.S.4. Mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi	2	1	1
Jumlah	31	16	15

Ini menggambarkan perjalanan transformasi yang telah dilancarkan oleh CGC bagi membolehkan kami melaksanakan peranan pembangunan secara berkesan dalam ekosistem pembiayaan PKS. Menerusi penetapan hala tuju strategik dan sasaran utama yang ditetapkan dengan jelas, kami akan terus melaksanakan imperatif ini dengan teliti dan secara berperingkat serta meraih kemajuan yang baik dalam pelbagai bidang.

Hala tuju strategik kami ke arah 2020 menggariskan pelancaran inisiatif-inisiatif kami dalam tiga (3) peringkat sepanjang tempoh lima (5) tahun. Peringkat tersebut merangkumi:



Peringkat 1 (Tahun 2016)

"Membina Asas yang Kukuh"



Peringkat 2 (Tahun 2017-2018)

"Mewujudkan Pertumbuhan"



Peringkat 3 (Tahun 2019-2020)

"Mengekalkan Momentum"

BIDANG TUMPUAN BAGI TK2018

Tumpuan CGC bagi TK2018 adalah **“Memperhebatkan Jangkauan; Memacu Keterangan Kewangan”**.

i) Memperhebatkan Jangkauan

Dalam merealisasikan aspirasi CGC “Pilihan Utama bagi PKS Menjelang 2020”, CGC telah mengenal pasti objektif strategik yang pertama dalam menyusun semula CGC untuk menjadi lebih proaktif dan relevan. Salah satu inisiatif ini adalah untuk memperhebatkan jangkauan bagi mengembangkan pembiayaan mikro dan kerjasama supaya pencapaian dapat ditingkatkan ke atas segmen yang kurang diberi perhatian.

ii) Keterangan Kewangan

Keterangan kewangan bermaksud menyediakan individu dan perniagaan dengan akses terhadap kemudahan produk dan perkhidmatan kewangan yang berguna dan berpatutan yang memenuhi keperluan mereka. Ini merangkumi urus niaga, pembayaran, simpanan, kredit dan insurans, yang disampaikan dengan cara yang bertanggungjawab dan mampan.

STRATEGI LUAS BAGI TK2018

Selaras dengan tema bajet, CGC telah mengenal pasti empat (4) strategi luas bagi TK2018 yang merangkumi:

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

Keutamaan Strategik 2018	Rancangan Tindakan
Memperhebatkan Jangkauan	Strategi Bertumpukan Segmen • Cadangan mekanisme jaminan bagi institusi pembiayaan mikro dan atau organisasi pembangunan usahawan • Kerjasama dengan platform pinjaman perangkai padan (P2P) melalui mekanisme jaminan • Pembangunan baharu/lanjutan produk sedia ada bagi menyetempatan risiko. Strategi Pertumbuhan Produk • Produk baharu/model jaminan seperti produk pengurusan modal dan penssekuritan • Mempertingkatkan produk jaminan portfolio sedia ada dengan menyediakan kemudahan/model baharu. Ini termasuk jaminan portfolio yang menawarkan kemudahan barisan perdagangan. Rujukan PKS Dalam Talian (imSME) • Rujukan PKS Dalam Talian (imSME) merupakan model perniagaan berasaskan platform yang bertujuan untuk memadankan keperluan PKS Malaysia dengan maklumat lengkap berkenaan pilihan pinjaman/pembiayaan yang sesuai untuk perniagaan mereka.
Meningkatkan Kecekapan Operasi	• Usaha berterusan dalam memantapkan infrastruktur IT menerusi projek <i>Rangka Tindakan IT (ITBP)</i> • Meningkatkan kecekapan operasi secara berterusan menerusi <i>Rekayasa semula Proses Perniagaan (BPR)</i> dan Rancangan Strategik 5 Tahun • Mengukur proses hujung-ke-hujung secara lengkap (Piagam Hujung-ke-Hujung)

Strategi Kami: Rancangan Strategik 5-Tahun (5SP) 2016-2020 (sambungan)

STRATEGI LUAS BAGI TK2018 (SAMBUNGAN)

Keutamaan Strategik 2018	Rancangan Tindakan
Meningkatkan Kesedaran Jenama	Kesedaran Jenama Pada tahun 2014, CGC telah mengubah slogannya daripada “Membantu Mengembangkan Perniagaan Anda” kepada “Memperkasakan PKS Malaysia” sejajar dengan strategi untuk menampilkan kehadiran CGC sebagai pusat jaminan bagi mengembangkan perniagaan PKS. Kaji selidik kesedaran jenama dijalankan setiap tahun untuk mengukur tahap kesedaran di kalangan PKS di seluruh negara. Sejak 2014, keputusan menunjukkan peningkatan berterusan yang meningkat daripada 44.3% kepada 54.5% pada akhir 2016. Keputusan kajian 2017 sedang disemak semula dan dianalisa pada masa percetakan Laporan Tahunan ini. Selaras dengan aspirasi CGC “Pilihan Utama bagi PKS Menjelang 2020”, CGC akan meneruskan strategi medianya dengan kaedah yang lebih cekap dan berkesan. Strategi Media Digital Merancang untuk mewujudkan dan mengekalkan kehadiran jenama dalam talian yang kukuh dan memberikan impak yang lebih besar di kalangan pengguna sasaran kami menggunakan saluran digital seperti berikut: • Media sosial (Facebook dan YouTube) • Laman dalam talian yang popular, SEO, Google AdWords, laman web dan sebagainya. Pengiklanan Luas: Untuk terus meningkatkan Kesedaran Jenama, rancangan yang dicadangkan untuk 2018 adalah seperti berikut: • Pengiklanan luar (papan iklan): korporat dan produk/perkhidmatan • Pengiklanan Media Cetak • Pengiklanan Media Elektronik (TV & Radio) • Media sosial: Video YouTube dan FB mengenai kisah kejayaan • Aktiviti PR: memanfaatkan acara korporat dan rangkaian media bagi mendapatkan liputan media yang tetap Kehadiran CGC dalam media semakin diperkukuhkan sejak tahun 2015 ekoran liputan media yang ketara yang diperolehi melalui kerjasama dengan institusi kewangan tempatan, dan inisiatif tanggungjawab korporat (CR), antara lain. Selain itu, usaha dan inisiatif memupuk hubungan dengan media melalui aktiviti rangkaian seperti jamuan tengah hari media dan lawatan media turut dianjurkan.
Memantapkan Pengurusan Risiko dan Kredit	Peningkatan berterusan dalam kualiti aset adalah sejajar dengan segmen tumpuan yang baharu dan ekonomi mencabar pada masa hadapan. Rancangan tindakan yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti aset termasuklah: • Mempertingkatkan Kriteria Kelayakan bagi Institusi Kewangan untuk mengurangkan akaun mungkir yang lebih tinggi seperti mana-mana akaun yang mencatatkan lebih daripada 3 MIA selama 12 bulan untuk dikecualikan dari tranche PG/WG • Mengurangkan kesan peruntukan akibat penerimaan MFRS9 pada tahun 2018 dengan aktiviti pengawasan yang ketat dan berstruktur berterusan terutamanya bagi Institusi Kewangan • Untuk membangunkan campuran produk jangka pendek dan jangka sederhana (1-5 Tahun)

RANGKA TINDAKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KAMI (ITBP):

2017-2019

Selaras dengan pembangunan di dalam industri Perkhidmatan Kewangan, bank dan institusi-institusi kewangan diselubungi cabaran bagi memastikan perbelanjaan pelaburan yang berkesan, mengisi jurang di antara pucuk kepimpinan dan tenaga kerja, menjalankan penaikan taraf infrastruktur, mengikuti perkembangan teknologi baharu yang bermanfaat serta peluang pasaran, dan memenuhi keperluan pengawalseliaan dan sebarang perkara yang menjadi perhatian di kalangan pelanggan dan pemegang saham. Dalam menangani cabaran utama dan keperluan masa depan CGC, enam (6) keputusan strategik telah dikenal pasti. Keputusan-keputusan ini turut dianggap sebagai teknologi sedang muncul/disruptif yang dapat diguna pakai sebagai sebahagian daripada langkah untuk maju ke hadapan, bagi hala tuju digital CGC.

RANGKA TINDAKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT CGC ADALAH DISASARKAN UNTUK MENGHASILKAN KEPUTUSAN STRATEGIK YANG BERIKUT



PENGLIBATAN PELANGGAN

Semua titik sentuh pelanggan yang boleh dilaksanakan secara dalam talian menggunakan peranti mudah alih yang bercirikan antara muka yang komprehensif, interaktif, dan menarik.



PEMROSESAN/AUTOMASI DENGAN LEBIH CEKAP

Pengurangan dalam masa yang diambil oleh beberapa proses teras yang menerajui piawaian pasaran melalui automasi dan integrasi (contohnya tempoh permohonan daripada hari/jam kepada minit.)



KETANGKASAN, KELAJUAN, KECEKAPAN

Menggunakan teknologi untuk bergerak seiring dengan perkembangan pesat pasaran dan pengguna, seperti pengenalan ciri-ciri baharu, kempen pemasaran, dan perkhidmatan yang baharu keseluruhannya.



DATA DAN KEPUTUSAN

Menerapkan ciri-ciri analitik ke dalam semua aspek perniagaan yang menyampaikan nilai dalam konteks dan kadangkala dalam mod yang boleh dijangkakan (mengetahui siapa diri anda, apa yang anda mahukan, di mana anda, apa yang anda bakal perlukan dan sebagainya).



JENIS PERKHIDMATAN BAHARU

Juga berpotensi untuk menerima pakai model operasi digital, contohnya menyediakan rangkaian produk kewangan yang lebih baharu seperti pembayaran mudah alih yang inovatif melalui FinTech, pemindahan wang berasaskan DLT dan sebagainya.



PERKONGSIAN PERNIAGAAN

Dengan berhubung rapat dalam perkongsian dengan perniagaan, Teknologi Maklumat mampu memacu inovasi serta pemahaman yang mendalam melalui perkongsian rapat dengan bahagian perniagaan.

■ PERKARA-PERKARA MATERIAL

SESUATU PERKARA ADALAH DIANGGAP MATERIAL APABILA IA MEMPUNYAI KEUPAYAAN UNTUK MEMPENGARUHI PRESTASI KEWANGAN KAMI, REPUTASI ATAU KESAN TERHADAP LESEN UNTUK KAMI BEROPERASI DAN SETERUSNYA MEMPENGARUHI KEMAMPAHAN JANGKA PANJANG KAMI.

Perkara-perkara material dan konteks persekitaran memainkan peranan yang besar dalam merangka strategi kami dalam mengatur kemaraan ke hadapan, kerana ia melambangkan risiko dan peluang utama kami. Mengenal pasti dan menentukan faktor-faktor yang penting bagi Kumpulan dan pihak berkepentingan kami merupakan proses yang berterusan selagi pembangunan baharu memberi kesan terhadap persekitaran operasi kami.

BAGAIMANA KAMI
MENENTUKAN PERKARA-
PERKARA MATERIAL:



► MENGENAL PASTI DAN MENILAI

Kami **mengenal pasti** dan menilai perkara-perkara yang mempunyai potensi untuk memberi kesan kepada strategi dan kemampuhan perniagaan kami. Ia merupakan sebuah usaha kerjasama kumpulan yang melibatkan perbincangan dalaman, penyelidikan bebas, memantau persekitaran luaran, input daripada semua unit perniagaan, bahagian sokongan kami serta maklum balas daripada semua pihak berkepentingan kami.



► KEUTAMAAN DAN PENARAFAN

Isu-isu yang dikenal pasti **diutamakan** menurut tahap perkaitannya dan kesan terbesar terhadap perniagaan kami, hubungan dengan pihak berkepentingan dan kemampuhan kami.



► INTEGRASI DAN TINDAK BALAS

Perkara-perkara penting yang telah dikenal pasti dan diutamakan memaklumkan strategi perniagaan jangka panjang kami serta rancangan perniagaan berjangka pendek-ke-sederhana dan kemudian **diintegrasikan** ke dalam kad skor seimbang kami.

Perkara-perkara Material	Penentuan Kepentingan	Strategi CGC
Segmen yang Kurang Diberi Perhatian dalam Pasaran PKS	- Perusahaan mikro memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat dalam negara-negara membangun. - Perusahaan mikro akan lazimnya beroperasi dengan bilangan kakitangan yang kurang daripada 10 orang dan dimulakan dengan modal yang kecil. - PKS mikro terdiri daripada 77% keseluruhan penubuhan PKS.	- Memperkenalkan produk baru bagi segmen Perusahaan Mikro. - Merangka strategi pembangunan penetapan harga bagi segmen ini. - Kerjasama dengan rakan kongsi bukan tradisional seperti TEKUN, MARA dan AIM bagi merencanakan aliran masuk kewangan.
Ledakan Digital	Mengadaptasi penggunaan teknologi yang diguna pakai industri kewangan bagi meningkatkan kecekapan operasi Kebergantungan terhadap proses perniagaan manual.	Memaksimumkan penambahbaikan teknologi sedia ada CGC untuk mempertingkatkan Teknologi Komunikasi Informasi (ICT) bagi memanfaatkan pendigitalan bagi menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan dan meningkatkan kecekapan operasi.
	FinTech dalam perkhidmatan kewangan Inovasi digital yang berkembang di kalangan Bank dan bukan Bank meningkatkan daya persaingan dan kepentingan peranan pembiayaan CGC dalam pasaran.	Inisiatif FinTech CGC CGC sedang melancarkan beberapa inisiatif FinTech pada tahun 2018 dan seterusnya yang melibatkan Makmal Inovasi FinTech dan menerapkan FinTech sebagai agenda yang tetap dalam Lembaga Maklumat Teknologi.
Dasar Pengawalseliaan dan Kewangan	Persekitaran operasi yang lebih mencabar adalah dijangka berikutan dasar pengawalseliaan dan kewangan yang lebih ketat berikutan penguatkuasaan MFRS9 pada 1 Januari 2018.	- Pengurangan bagi kesan peruntukan berikutan penguatkuasaan MFRS9 pada tahun 2018 melalui aktiviti pemantauan teliti dan berstruktur yang berterusan terutamanya bagi Institusi Kewangan. - Untuk mewujudkan campuran produk bagi tempoh perkhidmatan pendek ke sederhana (1-5 Tahun).
Pembinaan Jenama	Peranan Pembangunan Penambahbaikan dalam peranan perkembangan untuk mencapai dan membantu lebih ramai ahli PKS.	Melancarkan platform dalam talian "imSME" untuk menyediakan PKS Malaysia dengan maklumat lengkap berkenaan pilihan pinjaman/ pembiayaan yang sesuai untuk perniagaan mereka.
	Kesedaran Jenama Keputusan kaji selidik kesedaran jenama berada di bawah sasaran yang ditetapkan.	Aspirasi CGC "Pilihan Utama bagi PKS Menjelang 2020" akan meneruskan strategi media digitalnya dan juga pengiklanan secara meluas.

KAD SKOR PRESTASI DAN PENUNJUK PRESTASI UTAMA

Pelaksanaan inisiatif strategik yang berjaya menghasilkan pencapaian berikut dalam 6 Sasaran Utama kami:

6 Sasaran Utama	Pencapaian TK2017	Sasaran TK2018
Asas Jaminan dan Pembiayaan	RM11.1 bilion	RM13.7 bilion
Nisbah Rizab Jaminan ¹	2.5 kali	2.9 kali
Keuntungan Sebelum Cukai	RM167.8 juta	RM204.5 juta
Nisbah Kos kepada Pendapatan ²	31.2%	26.3%
Kadar Graduasi ³	43.8%	44.7%
Kesedaran Jenama	55.0%	71.0%

¹ Pengukuran kecukupan modal

² Pengukuran kecekapan operasi

³ Kadar pelanggan PKS yang tidak lagi memerlukan bantuan CGC untuk mendapatkan pembiayaan

Sebagai tambahan kepada Sasaran Utama di atas, kami juga memantau prestasi kami dengan lebih dekat berhubung **JANGKAUAN PKS** dan **PIAGAM KECEKAPAN** kami seperti yang ditunjukkan di bawah:

JANGKAUAN PKS	TK2017				Sasaran TK2018
	Sasaran	Sebenar	Pencapaian*		
1 Bilangan Jaminan dan Kelulusan Pembiayaan	9,500	8,637	90.9%		9,000
2 Nilai Jaminan dan Kelulusan Pembiayaan (RM juta)	4,700	3,380	71.9%		4,900
3 Bilangan Jaminan dan Kelulusan Pembiayaan Bumiputera	2,850	3,511	123.2%		3,400
4 Nilai Jaminan dan Kelulusan Pembiayaan Bumiputera (RM juta)	1,175	1,392	118.5%		1,280

PIAGAM KECEKAPAN				
5 Pemprosesan Pinjaman untuk PG (%)	48.0%	43.8%	91.3%	90.0% dalam masa 2 hari
6 Pembayaran Tuntutan (%)	67.0%	55.0%	82.1%	90.0% dalam masa 5 hari

Keuntungan Sebelum Cukai	>
RM 167.8 juta	

Nisbah Kos kepada Pendapatan	>
31.2 %	

Kesedaran Jenama	>
55.0 %	

* Pencapaian jangkaun dikira menggunakan formula berikut (Sebenar/Sasaran x 100)

RISIKO UTAMA DAN PENGURANGAN

JENIS RISIKO	PRESTASI KAMI DALAM BIDANG RISIKO TERSEBUT
1 RISIKO KREDIT	Matlamat utama pengurusan risiko kredit adalah untuk memaksimumkan kadar pulangan terlaras risiko CGC dengan mengekalkan pendedahan terhadap risiko kredit dalam lingkungan had parameter yang boleh diterima. CGC menguruskan risiko kredit yang sedia wujud dalam keseluruhan portfolio serta risiko dalam urus niaga kredit secara individu. Garis panduan dan had pengurusan risiko diwujudkan untuk mentadbir pengurusan harian pendedahan CGC seperti Penetapan Harga Berperingkat dan Berkadar, Kerugian Tersukat, Penetapan Portfolio, Penetapan Sektor Berisiko Tinggi, Had Tertumpu, Had Pendedahan Timbalawan Tunggal (SCEL). Model Pemarkahan Kredit Dalaman dan Model Penilaian Risiko Dalaman digunakan untuk menilai kelayakan kredit peminjam dengan menggunakan analisis pemarkahan berdasarkan statistik dan pertimbangan. Model-model ini dikaji dan disahkan secara berkala bagi memastikan keseragaman antara selera risiko dan kadar toleransi risiko CGC. CGC juga menerima pakai kuasa meluluskan kredit berbilang peringkat yang bertujuan untuk memudahkan aliran kerja untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan kerja, untuk menggalakkan pemerksaan terhadap pihak Pengurusan peringkat pertengahan/ rendah serta di mana proses keputusan dapat dipercepatkan dengan pengurangan titik hubungan.
2 RISIKO PASARAN	Bagi memudahkan pengurusan risiko pasaran, CGC memantau dan mengkaji secara bebas had risiko dan tahap risiko dalam lingkungan kadar toleransi risiko CGC yang dipersetujui. Risiko kadar faedah dipantau dalam Jawatankuasa Pengurusan Liabiliti Aset dan analisis kepekaan kadar faedah dilaksanakan pada setiap suku tahun. Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kecairan telah diwujudkan untuk memantau dan mengawal pendedahan risiko kecairan dan keperluan pembiayaan bagi memastikan supaya obligasi kewangannya sentiasa dapat dipenuhi. Nisbah Perlindungan Kecairan dipantau dalam Jawatankuasa Pengurusan Liabiliti Aset bagi memastikan aset boleh cair yang berkualiti tinggi dapat dikekalkan untuk memenuhi keperluan kecairan CGC.

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

Risiko Utama dan Pengurangan (sambungan)

JENIS RISIKO	PRESTASI KAMI DALAM BIDANG RISIKO TERSEBUT										
3 RISIKO OPERASI	Pengurusan Risiko Operasi CGC ditadbir oleh rangka kerja Pengurusan Risiko Perusahaan berserta dasar dan tatacara risiko operasi. Selaras dengan amalan terbaik, kaedah berikut dilaksanakan bagi pengurusan risiko operasi: <table> <tr> <th>Kaedah</th><th>Penerangan</th></tr> <tr> <td>Penilaian Kendiri Risiko (RCSA)</td><td>Penilaian sendiri ke atas risiko dan kawalan sedia ada dalam CGC oleh pemilik risiko.</td></tr> <tr> <td>Penilaian Kendiri (CSA)</td><td>Pengesahan keberkesanan kawalan yang diisytiharkan dalam RCSA. Juga dikenali sebagai 'ujian terkawal'.</td></tr> <tr> <td>Petunjuk Risiko Utama (KRI)</td><td>Memberi isyarat amaran awal kepada CGC mengenai bidang risiko operasi kritikal dengan tahap pendedahan yang berkemungkinan melebihi had risiko boleh diterima yang ditetapkan.</td></tr> <tr> <td>Pengurusan Insiden (IM)</td><td>Mencatatkan peristiwa yang berkaitan dengan risiko dan kesan berkaitan peristiwa tersebut, seperti kesan kewangan (kerugian), kesan bukan kewangan, pemulihan langsung, pemulihan insurans, punca kejadian dan kegagalan kawalan.</td></tr> </table> Sesi kesedaran risiko dijalankan secara berkala untuk memupuk dan mengukuhkan pengurusan risiko operasi yang mantap di kalangan kakitangan. Latihan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM), seperti ujian Rancangan Kesenambungan Perniagaan dan Rancangan Pemulihan Bencana dijalankan bagi memastikan keberkesanan BCM dalam menyediakan senarai perkhidmatan penting yang minimum yang ditentukan semasa gangguan perniagaan.	Kaedah	Penerangan	Penilaian Kendiri Risiko (RCSA)	Penilaian sendiri ke atas risiko dan kawalan sedia ada dalam CGC oleh pemilik risiko.	Penilaian Kendiri (CSA)	Pengesahan keberkesanan kawalan yang diisytiharkan dalam RCSA. Juga dikenali sebagai 'ujian terkawal'.	Petunjuk Risiko Utama (KRI)	Memberi isyarat amaran awal kepada CGC mengenai bidang risiko operasi kritikal dengan tahap pendedahan yang berkemungkinan melebihi had risiko boleh diterima yang ditetapkan.	Pengurusan Insiden (IM)	Mencatatkan peristiwa yang berkaitan dengan risiko dan kesan berkaitan peristiwa tersebut, seperti kesan kewangan (kerugian), kesan bukan kewangan, pemulihan langsung, pemulihan insurans, punca kejadian dan kegagalan kawalan.
Kaedah	Penerangan										
Penilaian Kendiri Risiko (RCSA)	Penilaian sendiri ke atas risiko dan kawalan sedia ada dalam CGC oleh pemilik risiko.										
Penilaian Kendiri (CSA)	Pengesahan keberkesanan kawalan yang diisytiharkan dalam RCSA. Juga dikenali sebagai 'ujian terkawal'.										
Petunjuk Risiko Utama (KRI)	Memberi isyarat amaran awal kepada CGC mengenai bidang risiko operasi kritikal dengan tahap pendedahan yang berkemungkinan melebihi had risiko boleh diterima yang ditetapkan.										
Pengurusan Insiden (IM)	Mencatatkan peristiwa yang berkaitan dengan risiko dan kesan berkaitan peristiwa tersebut, seperti kesan kewangan (kerugian), kesan bukan kewangan, pemulihan langsung, pemulihan insurans, punca kejadian dan kegagalan kawalan.										
4 RISIKO PEMATUHAN	Pematuhan sentiasa berkomunikasi dengan pihak Pengurusan Kanan dan semua Pegawai Pematuhan yang Dilantik (DCO) dalam memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan berkaitan yang mentadbir perniagaan CGC. Mengkaji dan menguji proses-proses utama yang dipilih berdasarkan Matriks Pematuhan dan Kajian Kendiri (CSTM) yang dikeluarkan kepada DCO. CSTM merupakan kaedah yang diguna pakai untuk memantau semua undang-undang berkaitan yang boleh menjejaskan CGC. Berhubung Anti-Pengubahan Wang Haram/Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT), CGC telah mengautomatiskan penilaian risiko dan menerapkan Modul Penipuan ke dalam sistem AML/CFT.										
5 RISIKO STRATEGIK	CGC memantau risiko strategik bagi memastikan rancangan strategik dilaksanakan dengan mengambil kira risiko yang berpotensi menghalang CGC daripada mencapai objektif strategiknya.										
6 RISIKO REPUTASI	Dalam menguruskan risiko reputasi secara lebih berkesan, faktor-faktor risiko reputasi digabungkan bersama pengurusan risiko strategik, risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi dan risiko pematuhan. Semua pendedahan kepada pihak berkepentingan turut dibentangkan secara jelas, tepat dan telus.										

PENGURUSAN MODAL

CGC telah melaksanakan Rangka Kerja Kecukupan Modal yang mentakrif mekanisme untuk menentukan kecukupan modal berserta dengan rancangan tindakan pemulihan bagi menangani masalah kekurangan modal. Ia bertujuan untuk memastikan agar modal yang secukupnya tersedia untuk menyokong profil risiko dan strategi pertumbuhan CGC.

Rangka kerja ini diterima pakai oleh CGC ke atas pendekatan untuk mematuhi keperluan modal seperti yang dinyatakan di bawah Garis Panduan BNM berkenaan Kecukupan Modal. Penyelenggaraan modal pengawalseliaan adalah berdasarkan tiga komponen risiko utama iaitu risiko kredit, risiko operasi dan risiko pasaran.

CGC telah menerima pakai tiga nisbah yang berbeza iaitu Nisbah Kecukupan Modal, Nisbah Rizab Jaminan dan Nisbah Perlindungan Kecairan. Nisbah-nisbah tersebut dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan secara berkala:

Nisbah	Rasional
Nisbah Kecukupan Modal	Untuk mengukur kebersediaan dan keupayaan CGC untuk menghadapi kerugian yang dijangka yang berpunca daripada peristiwa-peristiwa kredit, pasaran dan operasi yang buruk.
Nisbah Rizab Jaminan	Untuk memastikan supaya CGC beroperasi secara berhemat dan cekap dari segi modal, untuk mengurangkan kemungkinan penarikan balik modal daripada pemegang saham.
Nisbah Perlindungan Kecairan	Untuk memastikan supaya perbadanan mempunyai stok aset cair berkualiti tinggi (HQLA) tidak dihalang yang mencukupi yang boleh ditukar dengan mudah dan segera kepada tunai dalam pasaran persendirian untuk memenuhi keperluan kecairan bagi senario tekanan kecairan selama 30 hari. Ini adalah selaras dengan piawaian BASEL.

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

UJIAN TEKANAN

Ujian tekanan merupakan kaedah pengurusan risiko penting yang bertindak sebagai amaran terhadap akibat buruk yang tidak dijangka berkaitan dengan pelbagai risiko dan untuk mengenal pasti peristiwa yang mungkin berlaku atau perubahan keadaan kewangan dan ekonomi pada masa hadapan yang boleh memberi kesan buruk terhadap pendedahan yang dialami oleh CGC. Ia merupakan suatu penilaian terhadap keupayaan CGC untuk menghadapi perubahan tersebut, biasanya berkaitan keupayaan modal dan pendapatannya untuk menyerap potensi kerugian besar.

Ujian tekanan bertujuan untuk mengenal pasti dan mengurangkan bidang-bidang yang membimbangkan bagi mencegah atau mengurangkan kesan daripada keadaan buruk yang mungkin memberi kesan kepada Pulangan Atas Pelaburan (ROI) CGC, Pendapatan Jaminan dan Nisbah Kecukupan Modal CGC.

Ujian tekanan dijalankan secara berkala dan keputusan ujian tekanan tersebut dimaklumkan kepada Lembaga dan Pengurusan. Pengurusan akan mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya untuk menangani risiko yang telah dikenal pasti jika keputusan tersebut boleh memberi kesan yang besar ke atas strategi CGC. Penilaian bebas terhadap tatacara dan proses ujian tekanan dijalankan secara berkala bagi memastikan kualiti dan keberkesanan ujian tekanan tersebut.

ULASAN KEWANGAN




- 52 Ringkasan dan Sorotan Kewangan 5 Tahun Kumpulan
- 56 Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan
- 58 Lembaran Imbangan




■ RINGKASAN DAN SOROTAN KEWANGAN 5 TAHUN KUMPULAN

KUMPULAN	2017 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Hasil	411,018	379,913	325,390	304,671	275,031
Keuntungan Sebelum Cukai	221,658	236,664	190,699	199,550	168,203
Keuntungan Selepas Cukai	222,008	236,284	190,699	198,505	169,243
Pengagihan Keuntungan kepada Pemegang Saham	222,497	237,191	192,221	200,606	168,957
Ekuiti Pemegang Saham	3,611,818	3,377,484	3,150,975	2,958,531	2,757,788
Jumlah Ekuiti	3,613,789	3,379,944	3,154,342	2,958,726	2,760,084
Jumlah Aset	5,091,909	4,841,083	4,767,381	4,563,430	4,465,398


HASIL



KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI




PENGAGIHAN KEUNTUNGAN KEPADA PEMEGANG SAHAM




Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017


EKUITI PEMEGANG SAHAM



JUMLAH EKUITI




JUMLAH ASET




Ringkasan dan Sorotan Kewangan 5 Tahun Kumpulan (sambungan)

SYARIKAT	2017 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Hasil	407,626	378,147	323,762	298,915	268,531
Keuntungan Sebelum Cukai	167,849	167,730	140,030	143,766	116,873
Keuntungan Selepas Cukai	167,849	167,730	140,030	143,766	116,873
Pengagihan Keuntungan kepada Pemegang Saham	167,849	167,730	140,030	143,766	116,873
Jumlah Ekuiti	3,266,715	3,088,604	2,932,565	2,790,375	2,646,197
Jumlah Aset	4,742,429	4,546,819	4,542,817	4,392,241	4,348,357


HASIL



KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI




PENGAGIHAN KEUNTUNGAN KEPADA PEMEGANG SAHAM




Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

JUMLAH EKUITI




JUMLAH ASET




RINGKASAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN

KUMPULAN



2017



2016

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

KUMPULAN

Hartanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara

Pelaburan kewangan

Deposit berjangka



Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Lain-lain

JUMLAH

2017		2016	
RM'000	%	RM'000	%
41,602	0.8	39,203	0.8
3,696,914	72.6	3,178,773	65.7
1,080,949	21.2	1,334,841	27.5
189,724	3.8	192,627	4.0
82,720	1.6	95,639	2.0
5,091,909	100	4,841,083	100

SYARIKAT



Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

SYARIKAT

Hartanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara

Pelaburan kewangan

Deposit berjangka

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Lain-lain

JUMLAH

2017		2016	
RM'000	%	RM'000	%
35,706	0.7	33,089	0.7
3,356,793	70.8	2,896,105	63.7
1,080,949	22.8	1,334,841	29.4
194,285	4.1	194,617	4.3
74,696	1.6	88,167	1.9
4,742,429	100	4,546,819	100


■ LEMBARAN IMBANGAN

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017


58

LEMBARAN IMBANGAN	Kumpulan		Syarikat	
	31.12.2017 RM'000	31.12.2016 RM'000	31.12.2017 RM'000	31.12.2016 RM'000
ASET				
Hartanah, loji dan peralatan	24,672	20,540	24,018	19,925
Aset tidak ketara	16,930	18,663	11,688	13,164
Pelaburan dalam subsidiari	—	—	—	5,182
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	840,321	788,050	500,200	500,200
Pelaburan berstruktur: Nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL")	147,061	143,868	147,061	143,868
Sekuriti pelaburan: AFS	1,762,312	1,491,345	1,762,312	1,491,345
Sekuriti pelaburan: Dipegang sehingga matang ("HTM")	172,575	90,574	172,575	90,574
Sekuriti pelaburan: Dipegang untuk dagangan ("HFT")	—	15,115	—	15,115
Sekuriti pelaburan: FVTPL	772,225	649,676	772,225	649,676
Aset kewangan derivatif	2,420	145	2,420	145
Deposit berjangka	1,080,949	1,334,841	1,080,949	1,334,841
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	189,724	192,627	189,724	192,627
Pinjaman belum berbayar daripada subsidiari	—	—	125	125
Jumlah belum berbayar daripada subsidiari	—	—	4,436	1,865
Penghutang perniagaan dan penghutang lain	18,388	29,739	16,174	28,197
Tunai dan setara tunai	64,332	65,900	58,522	59,970
JUMLAH ASET	5,091,909	4,841,083	4,742,429	4,546,819
Ekuiti yang Diagihkan kepada Pemegang Saham Syarikat				
Modal saham	1,585,600	1,585,600	1,585,600	1,585,600
Rizab	870,742	795,375	870,742	795,375
Keuntungan tertahan	1,141,435	994,305	797,836	705,354
Rizab sedia untuk jualan	14,041	2,204	12,537	2,275
	3,611,818	3,377,484	3,266,715	3,088,604
Kepentingan tidak dikawal	1,971	2,460	—	—
JUMLAH EKUITI	3,613,789	3,379,944	3,266,715	3,088,604
LIABILITI				
Jumlah belum berbayar kepada Bank Negara Malaysia ("BNM")	509	1,919	509	1,919
Dana daripada BNM	801,500	801,500	801,500	801,500
Skim Jaminan Usahawan Kecil	37,176	44,523	37,176	44,523
Tabung Usahawan Kecil	38,326	36,809	38,326	36,809
Dana kerajaan	150,342	150,342	150,342	150,342
Saham keutamaan	200,000	200,000	200,000	200,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	11,075	11,075	11,075	11,075
Liabiliti kewangan derivatif	228	1,014	228	1,014
Pinjaman belum berbayar kepada kepentingan tidak dikawal	38	38	—	—
Peruntukan bagi tuntutan di bawah skim jaminan	22,799	20,743	22,799	20,743
Tuntutan pemiutang	1,480	1,671	1,480	1,671
Pemiutang perniagaan dan pemiutang lain	214,647	191,125	212,279	188,619
Liabiliti cukai tertunda	—	380	—	—
JUMLAH LIABILITI	1,478,120	1,461,139	1,475,714	1,458,215
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	5,091,909	4,841,083	4,742,429	4,546,819


ASAS PINJAMAN (Bil.)



ASAS PINJAMAN (RM Billion)




JUMLAH PERUNTUKAN (RM'000)




Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

PEMULIHAN (RM'000)



ASET PEMBIAYAAN (RM'000)



61	Prestasi Bahagian-bahagian Utama
73	Statistik Prestasi dan Tinjauan Utama
	• Skim Jaminan/Pembiayaan
	• Kegunaan Perkhidmatan Jaminan Kredit
	• Pengagihan Jaminan dan Pembiayaan
	• Kelulusan Pembiayaan Terus dan Jaminan
	• Prestasi Operasi

TINJAUAN OPERASI



PRESTASI ■ BAHAGIAN-BAHAGIAN UTAMA



BAHAGIAN PERNIAGAAN

FUNGSI

- Memacu perniagaan jaminan dan pembiayaan secara langsung CGC.

- Menggalakkan dan mempertingkatkan penglibatan PKS Bumiputera.

PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2017

- CGC mencatatkan peningkatan sebanyak 14% atau 8,637 capaian perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS) pada tahun ini berbanding 7,568 capaian PKS pada tahun sebelumnya. Namun, nilai kelulusan yang lebih rendah iaitu RM3.4 bilion telah dicatatkan berbanding dengan pencapaian tahun lalu sebanyak RM4.2 bilion yang terutamanya disebabkan oleh saiz purata pembiayaan yang lebih rendah terhadap peningkatan penembusan ke dalam segmen pasaran PKS mikro.
- CGC telah melebihi angka capaian pembayaran pinjaman sebanyak 8,504 akaun berbanding sasaran 8,000 akaun dan turut melebihi nilai pembayaran sebanyak RM3.4 bilion berbanding sasaran RM3.4 bilion.

- CGC telah melangkaui capaian PKS Bumiputera dan sasaran nilai kelulusan seperti yang berikut:-

	Sasaran	Sebenar	%
Capaian	2,580	3,511	136
Nilai (RM'juta)	1,175	1,391	118

- Hubungan bersama Institusi-institusi Kewangan Pembangunan (DFI) telah diperkukuhkan dan dua DFI baharu telah turut serta iaitu Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) sebagai rakan kongsi dalam Skim Portfolio dan Jaminan Borong. Bank-bank ini adalah penting dalam menyediakan sokongan untuk mencapai lebih ramai PKS Bumiputera.
- Untuk meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan CGC di kalangan PKS Bumiputera, kempen pengiklanan untuk produk berkhususan Bumiputera pada tahun ini telah dijalankan sepenuhnya menggunakan platform media sosial buat kali pertama. Ini telah menghasilkan 18.7 juta penampilan, 4.3 juta tatapan dan 38 ribu pertanyaan.
- Hubungan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan termasuk Kementerian Kerajaan, Agensi, syarikat berkaitan kerajaan dan perniagaan persendirian Bumiputera yang diperkuat dengan pengukuhan kakitangan di Bahagian Pembangunan Bumiputera CGC.
- Bahagian Pembangunan Bumiputera telah menganjurkan pelbagai Taklimat Usahawan untuk mencapai PKS Bumiputera serta menyediakan khidmat nasihat kewangan asas. Sebahagian daripada Taklimat Usahawan ini dijalankan bersama dengan jabatan perdagangan termasuk Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPM) di pelbagai negeri serta Persatuan Pedagang dan Peniaga Melayu Malaysia (PERDASAMA). Taklimat Usahawan yang dianjurkan dengan PERDASAMA pada tahun ini adalah bersama Bahagian Wanitanya, PERDASAMA Wanita dan secara khusus mencapai para usahawan Bumiputera wanita dengan siri Taklimat Usahawan.

Prestasi Bahagian-bahagian Utama (sambungan)

BAHAGIAN PERNIAGAAN	
FUNGSI	PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2017
Memperkenalkan produk baharu dan mempertingkatkan ciri-ciri produk yang sedia ada melalui pembangunan produk.	- Sebanyak 19 Skim Jaminan Portfolio dan Skim Jaminan Borong baharu telah dilancarkan pada tahun 2017 (2016: 14). - Sepanjang tahun ini, konsep Jaminan Portfolio (PG) baharu telah dibangunkan dan diperkenalkan iaitu PG Sekuriti Bersama dengan AmBank (M) Berhad dan Kerjasama PG baharu dengan Malayan Banking Berhad yang menyasarkan Syarikat Permulaan baharu telah dilancarkan.
Pembangunan imSME – Platform Rujukan Pembiayaan/Pinjaman PKS Pertama Malaysia.	- Di bawah naungan Bank Negara Malaysia, Platform Rujukan Pembiayaan/ Pinjaman imSME telah dibangunkan. imSME memadankan keperluan pembiayaan para PKS dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Ahli-ahli Institusi Kewangan. - imSME dijangka menjadi peneraju bagi PKS yang mencari pembiayaan/ pinjaman yang sesuai dengan keperluan perniagaan mereka - cepat, tidak menyusahkan dan sangat mudah. - Majlis pelancaran rasmi telah diadakan di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, yang telah dirasmikan oleh Menteri Kewangan II, YBhg. Datuk Seri Johari Abdul Ghani pada 19 Januari 2018.
Menyelia dan memberi sokongan terhadap operasi harian dan prestasi cawangan secara keseluruhan.	- Sumbangan (T-ke-T) skim pembiayaan kontrak Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) daripada cawangan, meningkat sebanyak 45% daripada RM178 juta (2016) kepada RM258 juta (2017) dan jumlah akaun meningkat sebanyak 27% daripada 201 kes pada 2016 hingga 255 kes pada 2017. - Pelaksanaan Proses Langsung berkuat kuasa mulai 13 Oktober 2017 dan menghasilkan peningkatan dalam tempoh masa perkhidmatan untuk kelulusan.
Memastikan perkhidmatan dan pengalaman pelanggan yang cemerlang.	Pusat Khidmat Pelanggan terus mengekalkan pengalaman perkhidmatan pelanggan yang cemerlang di mana 99.98% daripada 17,203 pertanyaan melalui pelbagai saluran telah diselesaikan dalam lingkungan piagam.

BAHAGIAN PERNIAGAAN	
FUNGSI	PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2017
Peristiwa Penting menurut Bahagian.	- Majlis menandatangani bersama AmBank (M) Berhad untuk Jaminan Portfolio sebanyak RM200 juta telah diadakan pada 22 Mac 2017. - Majlis menandatangani bersama Bank Simpanan Nasional untuk Skim Mikro Jaminan Portfolio (Mikro PG) sebanyak RM50 Juta Konvensional dan Islam telah diadakan pada 15 Mei 2017. - Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara 4 pihak iaitu RHB Islamic Bank Bhd, SME Bank Bhd dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) pada 13 Ogos 2017 untuk memberi jaminan kewangan kepada subkontraktor domestik yang layak melalui skim Bizjamin dan Bizjamin-i CGC untuk Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. - Majlis menandatangani bersama RHB Islamic Bank Berhad untuk Jaminan Borong sebanyak RM50 juta telah diadakan pada 18 Ogos 2017. - Majlis menandatangani bersama Bank Pertanian Malaysia Berhad untuk Skim Jaminan Borong sebanyak RM50 juta telah diadakan pada 30 Ogos 2017. - Majlis menandatangani bersama AmBank (M) Berhad untuk Jaminan Portfolio sebanyak RM100 juta bagi SME Biz Property Extra pada 26 Oktober 2017.
Memperkayakan PKS melalui Program Pembangunan CGC, yang menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan PKS.	- Menganjurkan Bengkel Mentor mengenai topik seperti "Pemasaran Digital", "Memperoleh Akses Pasaran" dan "Mengoptimumkan Kos Perniagaan", di seluruh kawasan di Malaysia. Penceramah-penceramah jemputan terdiri daripada pakar industri daripada Grab, Air Asia, Digi Telecommunications, Mydin Wholesale, Human Resources Development Fund (HRDF), usahawan yang berjaya dan lebih lagi. Lebih daripada 1,100 PKS telah mendapat manfaat daripada Sesi Perkongsian Pengetahuan dan Sesi Perkongsian Perniagaan CGC di Bengkel yang dianjurkan. - Sejumlah lima belas (15) PKS telah memanfaatkan penyertaan mereka dalam kedua-dua ruang pasaran tempatan dan antarabangsa (iaitu Pasar raya di Malaysia dan pameran perdagangan luar negara).
Meningkatkan kesedaran mengenai peranan dan tanggungjawab CGC di kalangan PKS.	Sejumlah 172 taklimat, pameran dan jerayawara telah diadakan bagi mencapai PKS secara meluas.

Prestasi

Bahagian-bahagian Utama (sambungan)



BAHAGIAN KREDIT

FUNGSI

- Menjalankan penilaian kredit dan kelulusan di bawah Skim Jaminan serta kemudahan pembiayaan langsung CGC bagi memenuhi keperluan pembiayaan PKS.
- Peranan penasihat kredit kepada kedua-dua pihak luaran dan dalaman (iaitu Rakan Kongsi Perniagaan, agensi Kerajaan, Sektor Swasta dan lain-lain).
- Menyediakan input kredit dan maklum balas bagi skim produk baharu CGC serta kerjasama dengan rakan niaga dan pihak berkepentingan dalaman.
- Mengurus Sistem Asal Pembiayaan CGC.
- Menjalankan latihan kredit.

PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2017

- Peningkatan keseluruhan proses kredit dan kelulusan yang menjadikan tempoh masa yang lebih cepat.
- Memperkenalkan Pemprosesan Langsung yang menghasilkan kelulusan yang lebih cepat dalam purata tempoh 4 hari.
- Penambahbaikan Sistem Asal Pembiayaan.
- Mengekalkan kualiti aset yang baik untuk kemudahan Pembiayaan Langsung CGC.



BAHAGIAN OPERASI

FUNGSI

PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2017

i) Jabatan Tuntutan:

- Penambahbaikan Prestasi Masa Pemprosesan (TAT) kepada 5 hari bekerja, untuk pembayaran tuntutan kepada institusi-institusi kewangan dan institusi-institusi kewangan pembangunan (IKP).
- Pelancaran Fasa 2 Penambahbaikan CCRIS yang menepati masa.

i) Jabatan Tuntutan:

- Prestasi Masa Pemprosesan bayaran tuntutan disemak semula bagi Skim Risiko Penuh dan Risiko Dikongsi, daripada 80% kepada 90%, berkuat kuasa pada Januari 2017 (Pencapaian 101%).
- Berjaya menyelesaikan fasa ke-2 Penambahbaikan CCR berdasarkan keperluan Bank Negara Malaysia pada 23 Jun 2017, lebih awal daripada tarikh yang disasarkan pada 30 Jun 2017.

ii) Jabatan Laporan & Pengeluaran Bayaran:

- Pencapaian melebihi Prestasi Masa Pemprosesan (TAT) untuk proses laporan dan pembayaran, untuk skim Pembiayaan Langsung (BizMula-i/ BizWanita-i dan TPUB-i).
- Menyampaikan laporan yang adil, boleh dipercayai dan tepat pada masa pemprosesan untuk skim Pembiayaan Langsung (BizMula-i/ BizWanita-i dan TPUB-i).
- Penambahbaikan proses secara berterusan bagi memastikan kepuasan pelanggan yang baik.

ii) Jabatan Laporan & Pengeluaran Bayaran:

Laporan:

Prestasi: 90%	Pencapaian
BizMula-i (dalam masa 9 hari bekerja)	95%
BizWanita-i (dalam masa 9 hari bekerja)	96%
TPUB-i (dalam masa 9 hari bekerja)	97%

Pembayaran:

Prestasi: 90%	Pencapaian
BizMula-i (dalam masa 1 hari bekerja)	93%
BizWanita-i (dalam masa 1 hari bekerja)	96%
TPUB-i (dalam masa 5 hari bekerja)	92%

- Mengkategorikan laporan TAT untuk skim Pembiayaan Langsung kepada 2 komponen:
 - Di dalam Kawalan untuk pemprosesan dalaman.
 - Di luar Kawalan untuk proses yang mempunyai kebergantungan kepada pihak luar; iaitu, pelanggan, peniaga dan Pemberi Kontrak.

Prestasi Bahagian-bahagian Utama (sambungan)

BAHAGIAN OPERASI

FUNGSI

PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2017

iii) Jabatan Pengurusan Bil:

- Pengumpulan yuran jaminan yang tepat pada masanya dan lebih cepat.
- Melancarkan Sistem Bil PG (Fasa Kedua) tepat pada masanya.
- Strategi penambahbaikan berterusan untuk CGC yang lebih baik.

iii) Jabatan Pengurusan Bil:

- Berjaya mengumpul yuran jaminan yang lama tertangguh (sejak tahun 2013), berjumlah RM18.8 juta dalam tempoh tiga (3) bulan dari penerimaan pemberitahuan.
- Berjaya menyelesaikan fasa ke-2 automasi bil untuk skim Jaminan Portfolio lebih awal dari yang dijadualkan. Anggaran sebanyak 98% daripada invoice akan dihasilkan melalui Sistem Bil PG yang baharu mulai 2018 dan seterusnya.
- Menyelaraskan peranan dan fungsi jabatan, maka menghasilkan pencapaian yang ketara (iaitu kutipan kadar jaminan yang meningkat melebihi 90% dalam tempoh 30 hari dari tarikh invoice).

iv) Jabatan Pemantauan dan Pemulihan Pinjaman:

- Untuk menganalisis, mencadangkan dan menguatkuasakan pemantauan dan pemulihan portfolio keseluruhan yang telah diluluskan oleh CGC secara cekap dan berkesan.
- Untuk memastikan bahawa peruntukan berada dalam ambang yang ditetapkan.
- Untuk memastikan bahawa kadar Pinjaman Rosot Nilai Tidak Berbayar (NPIL)/Pinjaman Tidak Berbayar (NPL) berada di ambang yang ditetapkan.

iv) Jabatan Pemantauan dan Pemulihan Pinjaman:

- Unit Pusat Kutipan ditubuhkan dan beroperasi sepenuhnya pada bulan Jun 2017; di bawah inisiatif LMR untuk menyelaraskan proses-proses pemantauan, dengan pelaksanaan sistem SMS blast sebagai sebahagian usaha meningkatkan aktiviti kutipan.
- Penambahbaikan dan automasi sistem untuk CFM telah dilancarkan secara langsung pada Februari 2017; bagi aktiviti pengurusan akaun yang cekap.
- Penjimatan peruntukan sebanyak RM7 juta di bawah TPUB-i disebabkan oleh pemulihan yang dibuat daripada akaun-akaun yang bocor sebelum dipanggil balik. Ini dicapai dengan usaha pengawasan yang teliti dan susulan dengan pemberi kontrak. Begitu juga, terdapat penjimatan peruntukan sebanyak RM3.5 juta bagi skim R&C dan RM1.8 juta untuk skim BizWanita-i.
- Penyelesaian Dana Bank Negara Malaysia (LMR sebagai Pengurus Projek), di mana sistem itu dilancarkan secara langsung pada 13 Oktober 2017.

v) Jabatan Penyerahan dan Perolehan Semula:

- Memaksimumkan perolehan semula dan kutipan daripada akaun-akaun Risiko Penuh, Risiko Dikongsi dan Dipanggil Balik.

v) Jabatan Penyerahan dan Perolehan Semula:

- Jumlah pemulihan dan kutipan sebenar telah melebihi sasaran masing-masing untuk Risiko Penuh, Risiko Dikongsi dan akaun Dipanggil Balik:

	Sasaran (RM juta)	Sebenar (RM juta)
Pemulihan	48.55*	48.00
Kutipan	13.02	7.68

* Pemulihan sebenar berbeza jumlah pemulihan yang dilaporkan pada RM47.28 juta, dalam Penyata Kewangan berikutan pemulangan semula Perbadanan sebanyak RM1.27 juta, yang timbul daripada pengirisan wang salah FI kepada Perbadanan pada 2010-2014 yang FI menyedari kesilapan hanya pada 2017.

- Penambahbaikan sistem pada SRM untuk akaun-akaun hapus kira telah berjaya dilaksanakan pada 14 Mac 2017.
- Automasi CCRIS berjaya dilaksanakan pada 14 April 2017.

BAHAGIAN OPERASI	
FUNGSI	PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2017
vi) Jabatan Pentadbiran Am & Premis: Penyenggaraan & Penjagaan Bangunan	- Pemasangan papan tanda baharu yang menunjukkan logo baharu CGC, di Ibu Pejabat dan semua cawangan CGC. - Pemindahan/Pengubahsuaian 2 cawangan CGC: Seremban & Melaka. - Penggantian Paip Utama bekalan air sejuk di Ibu Pejabat.



Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

BAHAGIAN KEWANGAN	
FUNGSI	PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2017
	i) Jabatan Kewangan: - Membimbing projek MFRS 9 melalui tadbir urus yang berdedikasi, yang telah mendorong kepada definisi metodologi Kumpulan untuk model kemerosotan baharu. - Meneruskan pelaporan prestasi yang lebih terperinci kepada Lembaga, pihak Pengurusan dan pemegang kepentingan utama yang lain. - Menguruskan kecekapan kos CGC secara keseluruhan ii) Jabatan Pelaburan: - Memastikan bahawa amalan pelaburan terbaik telah dilaksanakan, dengan dasar dan garis panduan pelaburan yang disahkan. - Berjaya menyusun semula portfolio pelaburan yang seimbang dengan kualiti kredit yang teguh. - Mencapai pendapatan dan pulangan pelaburan yang mencecah rekod.

Prestasi Bahagian-bahagian Utama (sambungan)



BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

FUNGSI

- Pengurusan persekitaran Teknologi Maklumat dilaksanakan secara menyeluruh menerusi strategi Teknologi Maklumat yang terperinci untuk memenuhi keperluan perniagaan.

PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2017

- Memulakan perjalanan inisiatif Rangka Tindakan IT 3-Tahun (ITBP) dengan penubuhan Jawatankuasa IT Lembaga untuk menyelia pelaksanaan ITBP.
- Menstruktur semula Bahagian IT dan mempertingkatkan tenaga kerja sebagai asas sambil melangkah ke hadapan.
- Melengkapkan beberapa inisiatif Tadbir Urus IT termasuk mempertingkatkan kawalan keselamatan, dasar dan tatacara IT serta mewujudkan rangka kerja tadbir urus data.
- Penilaian terperinci mengenai aplikasi sistem teras CGC dan Pusat Data juga dijalankan untuk mengesahkan aplikasi IT dan strategi infrastruktur, bergerak ke hadapan.
- Memudahcarakan Bahagian Perniagaan sebagai rakan kongsi untuk penyelesaian teknologi Platform Rujukan Pembiayaan/Pinjaman imSME.



BAHAGIAN KORPORAT	
FUNGSI	PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2017
i) Jabatan Perancangan dan Penyelidikan: • Perancangan strategik, penyelidikan dan pembangunan. • Melaporkan prestasi kepada Lembaga Pengarah dan ahli pengurusan.	i) Jabatan Perancangan dan Penyelidikan: • Memudahkan dan memastikan penjajaran KPI Bahagian dan Jabatan selaras dengan KPI Korporat. • Melantik dua (2) Duta Kampus yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran jenama CGC di kalangan bakal graduan universiti. • Menganjurkan lawatan sambil belajar selama tiga (3) hari (9-11 Oktober 2017) untuk perwakilan daripada Reserve Bank of Zimbabwe ke CGC.

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

Prestasi Bahagian-bahagian Utama (sambungan)

BAHAGIAN KORPORAT	
FUNGSI	PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2017
ii) Jabatan Komunikasi Korporat: Jenama, Penglibatan Media dan Komunikasi.	ii) Jabatan Komunikasi Korporat: - Menjalankan pembangunan logo korporat baharu, untuk memberikan rupa dan penampilan baharu dan segar. Malahan, logo tersebut juga berjaya dilancarkan sempena Majlis Anugerah SME 2016 pada Mei 2017. - Berjaya memperoleh hak penamaan Stesen LRT 'Glenmarie' dan bagi meraikan kejayaan bida tersebut, menganjurkan majlis pelancaran penjenamaan baharu stesen LRT "CGC – Glenmarie". - Menjalankan kedua-dua kempen pengiklanan korporat dan produk melalui media cetak dan digital. - Penglibatan pihak berkepentingan dan kehadiran jenama yang dipertingkatkan melalui pelbagai tajaan: The Star Outstanding Business Awards (SOBA) 2017; Nanyang Siang Pau's Golden Eagle Awards (GEA2017) dan Siri Drama YouTube "Chor dan Chah" (Musim 2) SME Corporation Malaysia Berhad (SME Corp.); yang telah menunjukkan satu episod khas kepada CGC. - Peningkatan kehadiran media berikutan penglibatan dan liputan media secara berkala. Bagi tahun 2017, CGC telah menerima 210 sebutan dalam pelbagai media arus perdana, termasuk TV, Radio, surat khabar dan penerbitan dalam talian. - Sebanyak 35 aktiviti penglibatan media telah dianjurkan bersama pelbagai media. 24 Acara Korporat dan 18 Program Tanggungjawab Korporat telah berjaya dianjurkan dengan kerjasama FI dan pihak berkepentingan. - Penganjuran Program Latihan ACSIC ke-27 yang disertai oleh 46 perwakilan daripada 14 institusi anggota daripada 10 buah negara. - Menghasilkan Video Korporat CGC dan 15 Siri Video Pelanggan Berjaya, sebagai satu cara untuk mempromosikan peranan CGC dan kisah kejayaannya dengan lebih lanjut. - Mengeluarkan Laporan Tahunan 2016 dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia yang berlainan untuk kali pertama. (Dua (2) laporan diterbitkan berbanding satu laporan dwibahasa tunggal seperti pada tahun sebelumnya.)

BAHAGIAN KORPORAT

FUNGSI

PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2017

iii) Jabatan Modal Insan:

- Perancangan sumber manusia strategik untuk menarik, melibatkan, membangun dan memberi ganjaran kepada bakat produktif serta mencapai proses-proses HR yang cekap.

iii) Jabatan Modal Insan:

- Selaras dengan strategi modal insan untuk membina organisasi berprestasi tinggi dan interaktif menjelang 2020, Modal Insan telah merangka beberapa inisiatif strategik untuk menarik, melibatkan, membangun dan memberi ganjaran kepada bakat.
- Pengurusan Bakat sebagai komponen utama dalam proses perancangan penggantian CGC, kekal memastikan kebersediaan bakat dalaman yang berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong. Rangka kerja perancangan penggantian berstruktur telah diperkenalkan; di mana ia melibatkan proses mengenal pasti calon berpotensi dan menyediakan mereka dengan beberapa program pembangunan.
- CGC bermatlamat untuk memanfaatkan modal intelektual yang tepat yang berada di dalam tenaga kerja kami yang pelbagai, bagi memastikan kesinambungan perniagaan dan pemimpin yang bersiap sedia untuk penggantian Pengurusan. Sekumpulan bakat yang layak telah dicalonkan berdasarkan prestasi dan pencapaian, dinilai untuk potensi kepemimpinan/kepakaran peranan dan keperluan pembangunan, untuk memacu pembangunan dan kebersediaan untuk menjadi sebahagian daripada perancangan kepimpinan.
- Selain daripada Pengurusan Bakat, beberapa program pembelajaran dan pembangunan telah dijalankan. Program Dalaman Rasmi dan Kursus Luaran/Awam kekal memainkan peranan yang penting dalam membangun dan memupuk kakitangan CGC. 63 Program Latihan Dalaman dan 93 Kursus Awam yang meliputi Persijilan Fungsian hingga Profesional telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2017 dengan 100% jangkauan kakitangan.
- Bagi meningkatkan keberkesanan latihan, tumpuan utama diberikan kepada Kandungan Program Berkualiti Tinggi dan pengkhususan; serta, Penilaian Pasca-Latihan.
- CGC menyokong Metodologi Penilaian Latihan Kirk Patrick, maka berjaya menerima pakai 3 antara 4 peringkat Penilaian latihan Kirk Patrick.
- Bagi meningkat keberkesanan kepada 'Kualiti' Latihan, penilaian tambahan yang dipanggil 'Penilaian Tahap 1 Interim' ditubuhkan. Penekanan diberikan kepada isi kandungan untuk pengkhususan dan perkaitan selanjutnya semasa pelaksanaan program tersebut. 'Penilaian Tahap 1 Interim' ini yang telah dilaksanakan pada akhir hari latihan pertama, telah membuahkan hasil yang memberangsangkan terhadap kualiti program ini.
- Dengan penyediaan Rangka Tindakan Teknologi Maklumat, HCD secara berterusan dan secara proaktif mengkaji keperluan kecekapan semasa dan masa hadapan serta memberikan sokongan melalui peruntukan Program Profesional dan Persijilan. 11 Program Profesional dan Persijilan Teknologi Maklumat telah berjaya dilaksanakan oleh 13 kakitangan ITD.

Prestasi Bahagian-bahagian Utama (sambungan)

BAHAGIAN KORPORAT

FUNGSI

PENCAPAIAN UTAMA BAGI 2017

iii) Jabatan Modal Insan (sambungan):

iii) Jabatan Modal Insan (sambungan):

- CGC kekal giat bekerjasama dengan AICB dan ABS dalam melaksanakan Program Perdana 'ACE' CGC. Sehingga kini 335 kakitangan telah melengkapkan program ini sejak 2007 di mana 238 kakitangan masih bersama CGC.
- Sebagai ahli Persatuan Institusi Kewangan dan Pembangunan Malaysia (ADFIM), CGC telah menubuhkan hubungan kerja yang sangat baik dan sokongan berterusan untuk berganding tangan dalam pelbagai aktiviti.
- Sebagai 'Majikan Latihan yang Dibenarkan' (ATE) dengan 'Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales' (ICAEW), CGC kini menaja 3 kakitangan daripada Jabatan Kewangan untuk meneraju 'ACA', Kelayakan Profesional yang diiktiraf di seluruh dunia, sebahagian aspirasi CGC untuk membangunkan lebih banyak ahli profesional yang bekerja.
- Sebagai sebahagian daripada peningkatan penjenamaan majikan dan pengiktirafan pasaran, CGC telah terus mengambil bahagian dalam pelbagai pameran kerjaya dan telah mendaftar dalam Program Kembali Berkerjaya (Geran Pengkalan) yang dimulakan oleh Talent Corp. Bagi tahun 2017, CGC telah mengambil 6 wanita kembali berkerja. Pada bulan Mac 2018, CGC memenangi tempat ke-4 untuk TalentCorp Career Comeback ReIGNITE Award 2017/2018. Syarikat lain yang dikenalpasti oleh TalentCorp bagi anugerah ini juga termasuk Maybank, Key Sight Technology, Mydin dan PWC. Anugerah ini mengiktirafkan iltizam majikan untuk meraih kepelbagaian dan keterangkuman dengan mengamalkan dasar pengambilan yang memandang ke hadapan terhadap wanita yang tidak lagi berkerja.
- Selain itu, CGC memulakan program lain yang dipanggil Skim Perantis PKS CGC, yang melibatkan graduan Politeknik dan/atau Vokasional yang telah menganggur. Objektif skim ini adalah untuk membantu graduan Politeknik/Vokasional yang menganggur dalam mendapatkan pekerjaan sementara di PKS terpilih sebagai sebahagian daripada aktiviti CSR CGC; membantu membangunkan perkhidmatan tambah nilai kepada pelanggan yang sedia ada (PKS) dengan menyediakan sumber yang berkemahiran tinggi dalam menjalankan operasi harian mereka dan membangunkan graduan sebagai usahawan masa depan yang berpotensi melalui penerapan kemahiran dan pengalaman yang berkaitan sepanjang perkhidmatan mereka di PKS yang terpilih.
- Dalam bidang penglibatan kakitangan, CGC kekal melibatkan, memberi motivasi dan menunjukkan penghargaan kepada tenaga kerja CGC dengan menganjurkan acara Makan Malam Tahunan yang diadakan pada suku terakhir. Semua kakitangan CGC dan Lembaga Pengarah telah dijemput menghadiri acara tahunan yang sangat dinanti-nantikan. Upacara anugerah juga diadakan semasa majlis makan malam tersebut untuk menganugerahkan kakitangan yang layak menerima Anugerah Pencapaian Penjualan dan Anugerah Penghargaan Perkhidmatan.
- Satu lagi aktiviti penglibatan baharu juga telah dianjurkan pada suku terakhir iaitu acara dua hari yang dinamakan Hari Penghargaan CGC. Matlamat acara ini adalah untuk memupuk budaya memberi, menghargai satu sama lain, mewujudkan persekitaran kerja yang sesuai dan menggalakkan semangat kekitaan CGC.

STATISTIK PRESTASI DAN TINJAUAN UTAMA

SKIM JAMINAN/PEMBIAYAAN

Pada 2017, CGC menguruskan sejumlah 21 skim jaminan/pembiayaan; lapan (8) daripadanya berada di bawah kategori Skim Jaminan, empat (4) di bawah kategori Skim Pembiayaan Langsung, tujuh (7) di bawah kategori Skim Sokongan Kerajaan, Skim Jaminan Portfolio dan Skim Jaminan Borong.

Skim Jaminan/Pembiayaan CGC adalah seperti disenaraikan di bawah:

SKIM JAMINAN



BizJamin



BizJamin-i



BizJamin Bumi



BizJamin Bumi-i



BizMaju



BizSME



Skim Jaminan Anjal
(SME-Semua Sektor
Ekonomi)



Skim Jaminan Anjal-i
(SME-Semua Sektor
Ekonomi)

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

PEMBIAYAAN LANGSUNG



Tabung Projek Usahawan
Bumiputera-i (TPUB-i)



BizMula-i



BizWanita-i



BizBina-i

SKIM BERSANDARKAN KERAJAAN



Skim Pembiayaan
Francais (FFS)



Skim Pembiayaan
Teknologi Hijau (GTFS)



Skim Pembiayaan Teknologi
Hijau-i (GTFS-i)



Skim Pembiayaan Harta
Intelek (IPFS)



Skim Pembiayaan Harta
Intelek-i (IPFS-i)



Kemudahan Bantuan
Bencana 2017




Kemudahan Bantuan
Bencana-i 2017

SKIM JAMINAN PORTFOLIO

SKIM JAMINAN BORONG

Statistik Prestasi dan Tinjauan Utama (sambungan)

KEGUNAAN PERKHIDMATAN JAMINAN KREDIT



1

LEBIH DARIPADA 330,000 PKS TELAH DIBIYAI SEJAK 1972


Menurut Laporan Banci Ekonomi Negara 2016, Malaysia mencatatkan pendaftaran PKS sebanyak 907,065. Sejak penubuhannya pada 1972, CGC telah memberikan khidmat kepada lebih 330,000 PKS dan menyalurkan sebanyak 453,854 jaminan/pembiayaan yang bernilai lebih daripada RM67.1 bilion.

2

70% PELANGGAN KAMI ADALAH DARIPADA KONSTITUEN PERUSAHAAN SENDIRIAN BERHAD


* Jumlah PKS pada 31 Disember 2017

Konstituen	PKS	Nilai (RM'000)
Syarikat Sendirian Berhad (Sdn Bhd)	6,046	2,873.2
Milik Perseorangan	1,900	304.2
Rakan Kongsi	691	202.8
Jumlah Keseluruhan	8,637	3,380.2



KHIDMAT JAMINAN KREDIT KAMI DIBUAT BERDASARKAN KATEGORI BANK BERLAINAN

Pengkategorian Bank	Jumlah Institusi
Institusi-institusi Kewangan Konvensional	14
Institusi-institusi Kewangan Islam	14
Institusi-institusi Pembangunan Kewangan	6
Jumlah Keseluruhan	34



Statistik Prestasi dan Tinjauan Utama (sambungan)

PENGAGIHAN JAMINAN DAN PEMBIAYAAN

JAMINAN/PEMBIAYAAN – SEKTOR (3 TERATAS):

Sektor	Akaun	Jumlah Keseluruhan (RM Juta)
Pemasaran Borong & Runcit	3,611	1,368.5
Pembuatan	706	417.3
Pertanian	1,511	61.8

JAMINAN/PEMBIAYAAN – NEGERI (3 TERATAS):

Negeri-negeri	Akaun	Jumlah Keseluruhan (RM Juta)
Wilayah Persekutuan (14)	2,512	1,039.8
Selangor (12)	1,606	973.7
Johor (01)	671	473.7

JAMINAN/PEMBIAYAAN DILULUSKAN – KADAR PINJAMAN:

Nilai pinjaman	Akaun	Jumlah Keseluruhan (RM Juta)
RM100,000 & ke bawah	3,107	127.9
RM100,001 – RM500,000	3,811	1,223.8
RM500,001 – RM1,000,000	1,389	1,120.6
RM1,000,001 – RM2,000,000	225	339.7
RM2,000,001 & ke atas	105	897.9

JALIN KERJASAMA STRATEGIK PADA 2017

No.	Rakan Kongsi	Jenis Kerjasama	Jumlah
1.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	- Kerjasama pertama dengan BSN. - Perjanjian Jaminan Portfolio (PG) untuk sektor perusahaan mikro. - Ini adalah PG pertama di Malaysia yang menyokong segmen perniagaan mikro.	RM50 juta: i. Islam: RM15 juta ii. Konvensional: RM35 juta
2.	Ambank (M) Berhad	- Perjanjian Jaminan Portfolio PKS dengan Perbankan PKS Runcit Ambank. - Meneruskan kesinambungan dengan Ambank menerusi Perjanjian PG PKS (yang dilancarkan pada September 2016; di mana peruntukan sejumlah RM150 juta telah digunakan sepenuhnya dalam tempoh 5 bulan).	RM200 juta
3.	Lebuhraya Pan Borneo Sarawak	- Menyertai Memorandum Persefahaman membabitkan empat (4) pihak lain, untuk menyediakan jaminan pembiayaan bagi sub kontraktor yang layak menerusi produk BizJamin/i-BizJamin. - Pihak terbabit: CGC, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), SME Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP).	RM250 juta (RM50 juta/ syarikat)
4.	RHB Islamic Bank Berhad	- Perjanjian Jaminan Borong-i (WG-i Bumi) membolehkan bank terbabit menyediakan laluan tambahan untuk mengembangkan pakej pembiayaan kepada PKS Bumiputera yang layak. - Perbankan Islam pertama yang menyediakan skim WG-i di bawah Program Modul Pembiayaan (PFM).	72 pelanggan PKS Bumiputera Islam sedia ada di bawah portfolio PKS dijangka mendapat manfaat daripada skim ini.
5.	Ambank (M) Berhad	Kerjasama program "Hartanah PKS Biz Tambahan", penyelesaian pembiayaan bertujuan membantu PKS yang layak membeli hartanah (aset kewangan). Pada masa sama mendapatkan margin pembiayaan lebih tinggi bagi membiayai keperluan modal kerja (pembiayaan modal kerja) dengan menggunakan cagaran yang sama.	RM100 juta
6.	Bank Pertanian Malaysia (Agrobank)	- Kerjasama pertama dengan Agrobank selepas sekian lama. - Perjanjian Jaminan Borong (WG) untuk sektor perusahaan mikro. - WG pertama yang menyokong segmen perniagaan mikro.	RM24 juta
7.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	- Memorandum Persefahaman telah dimeterai dengan UKM untuk program Duta Kampus (CA) CGC. - Semasa tempoh lantikan sebagai CA selama enam (6) bulan, sesebuah Duta Kampus akan diberikan elaun bulanan kerana menyalurkan maklumat terkini berkaitan CGC, yang dipaparkan di laman sosial media mereka (seperti Facebook dan Instagram). - Menyasarkan untuk memperkenalkan dan mewujudkan kesedaran terhadap jenama CGC seawal yang mungkin di kalangan bakal graduan universiti.	Tidak berkaitan
8.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	- Memorandum Persefahaman dimeterai dengan UMK bagi membolehkan penuntutnya dilantik sebagai Duta Kampus (CA) CGC. - Semasa tempoh lantikan sebagai CA selama enam (6) bulan, sesebuah Duta Kampus akan diberikan elaun bulanan kerana menyalurkan maklumat penting berkaitan CGC, yang dipaparkan di laman sosial media mereka (seperti Facebook dan Instagram). - Sasaran untuk memperkenalkan dan mewujudkan kesedaran terhadap jenama CGC seawal yang mungkin di kalangan bakal graduan universiti.	Tidak berkaitan

Statistik Prestasi dan Tinjauan Utama (sambungan)

KELULUSAN PEMBIAYAAN TERUS DAN JAMINAN

Skim	TK2017		TK2016		TK2015	
	Jumlah Akaun	Nilai (RM Juta)	Jumlah Akaun	Nilai (RM Juta)	Jumlah Akaun	Nilai (RM Juta)
SKIM JAMINAN						
Enhancer	321	96.2	357	99.3	436	123.1
Enhancer-i	147	54.7	127	57.2	113	55.2
BizSME	66	8.7	56	8.5		
FGS/-i	449	219.2	601	310.4	323	141.4
BizMaju	114	16.6	170	29.0	258	47.9
*Lain-lain	45	13.0	101	32.2	89	25.7
**Jaminan Portfolio	5,449	1,850.0	3,680	2,705.0	2,997	1,680.0
**Jaminan Borong	1,487	74.0	1,815	440.0	2,075	450.0
SBE	—	—	37	1.1	86	3.1
Jumlah	8,078	2,332.6	6,944	3,682.7	6,377	2,526.4
SKIM PEMBIAYAAN LANGSUNG						
TPUB-i	286	282.2	201	178.0	190	172.4
BizMula-i	116	9.2	230	19.6	587	46.8
BizWanita-i	48	2.7	143	12.6	76	10.0
Jumlah	450	294.1	574	210.2	853	229.3
SKIM BERSANDARKAN KERAJAAN						
FFS	1	0.2	2	0.2	4	4.2
GTFS	26	305.9	24	143.2	31	162.7
GTFS-i	25	430.5	23	186.1	24	287.7
IPFS	—	—	—	—	—	—
IPFS-i	—	—	1	1.5	3	6.5
***SRF					933	138.9
***DRF/-i	57	17.0				
Jumlah	109	753.6	50	331.0	995	600.0
Jumlah Keseluruhan	8,637	3,380.3	7,568	4,223.9	8,225	3,355.6

* Lain-lain: DAGS & Bizjamin Bumi


** Jumlah keseluruhan untuk PG & WG diperolehi berdasarkan perjanjian yang ditandatangani dengan FI

*** SRF & DRF – Dana bantuan kali pertama untuk kejadian bencana oleh BNM: [SRF: Jan 2015 – Jun 2015; DRF: Nov 2017 – Mei 2018]


PRESTASI OPERASI

BILANGAN DAN NILAI JAMINAN/PEMBIAYAAN DI BAWAH SEMUA SKIM

BILANGAN




NILAI (RM BILION)




Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

JAMINAN/PEMBIAYAAN (MENGIKUT BILANGAN DAN NILAI) DI BAWAH SEMUA SKIM

BILANGAN




NILAI (RM BILION)



KEPIMPINAN DAN PROFIL

81	Keseimbangan dan Komposisi Lembaga
82	Lembaga Pengarah
84	Profil Pengarah
94	Ahli Pengurusan
96	Profil Ahli Pengurusan
104	Struktur Organisasi



KESEIMBANGAN DAN KOMPOSISI LEMBAGA



■ LEMBAGA PENGARAH

■
Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017
■



Berdiri, dari kiri ke kanan:

1. Nadzirah Abd. Rashid
2. Teoh Kok Lin, CFA
3. Dato' Hj. Syed Moheeb Syed Kamarulzaman
4. Dato' Ong Eng Bin
5. Dato' Agil Natt



6. Datuk David Chua Kok Tee
7. Suresh Menon
8. Jessica Chew Cheng Lian

9. Choong Tuck Oon

10. Daeng Hafez Arafat Zuhud
Penasihat Perundangan dan Setiausaha Syarikat

■ PROFIL PENGARAH



DATO' AGIL NATT

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (Pengerusi)
- 66 tahun, Lelaki, Warganegara Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan

Dato' Agil Natt telah dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif CGC pada 18 Jun 2013.

Beliau kini berkhidmat sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Manulife Insurance Berhad dan Manulife Asset Management Services Berhad. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Eksport Import Bank of Malaysia Berhad dan Cagamas Berhad. Selain itu, beliau juga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Sogo (KL) Department Store Sdn Bhd dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Abdul Razak.

Beliau membawa pengalaman luas dalam bidang perbankan korporat, perbankan pelaburan serta kewangan Islam. Beliau memulakan kerjayanya dalam bidang Kewangan Korporat dengan Bumiputra Merchant Bankers Berhad pada tahun 1977 sebelum berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kanan dengan Island & Peninsular Berhad. Beliau juga merupakan Ketua Perwakilan Kleinwort Benson Limited sebelum menyertai Kumpulan Maybank pada tahun 1995 di mana beliau berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kanan, Perbankan Korporat, Ketua Pegawai Eksekutif Aseambankers Berhad (kini dikenali sebagai Maybank Investment Bank Berhad), dan Timbalan Presiden/Pengarah Eksekutif Maybank. Beliau meninggalkan Kumpulan Maybank untuk menyandang jawatan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif di Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF), Universiti Kewangan Islam Global yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.

Dato' Agil Natt memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Ekonomi (Kepujian) dari Brunel University, London dan Sarjana Sains dalam Kewangan dari Cass Business School, City, University of London. Beliau juga telah menghadiri Program Pengurusan Advance (AMP 163) di Harvard Business School di Amerika Syarikat.

Beliau telah menghadiri kesemua 9 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Beliau tidak mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan atau hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama CGC. Beliau tidak pernah dituduh dan/atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan.



DATUK DAVID CHUA KOK TEE

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- 70 tahun, Lelaki, Warganegara Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera
- Ahli Jawatankuasa IT

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

Datuk David Chua Kok Tee telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 15 Februari 2013 dan juga merupakan Pengarah Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (CBM), sebuah anak syarikat CGC.

Beliau adalah Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat DC & A, yang terlibat dalam pembangunan perumahan dan hartanah, termasuk pusat peranginan percutian. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor perdagangan dan perindustrian.

Pada masa ini, beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Majlis Perniagaan Malaysia-China (MCBC) dan Penasihat Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCI). Beliau juga berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Kecil (SDRC) Bank Negara Malaysia, Ahli Lembaga Penasihat Anti Rasuah (ACAB) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Ahli Majlis Keusahawanan untuk Pengajian Tinggi Nasional, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bagi tempoh 2014-2017.

Datuk David Chua juga banyak terlibat dalam perkhidmatan sukarelawan dengan menyandang pelbagai jawatan penting dan kanan dalam Persatuan Perdagangan, Dewan Perdagangan dan Industri dan jawatan yang dilantik Kerajaan. Antara jawatan penting ialah Pengarah Lembaga Universiti Malaya bagi tempoh 2007-2015, Pengerusi UM Holdings Sdn Bhd (anak syarikat dalam bidang komersial dan pelaburan yang dimiliki sepenuhnya oleh Universiti Malaya bagi tempoh September 2009 – April 2015), Pengerusi dan kemudiannya kekal sebagai Ahli Lembaga Pengarah UM Specialist Centre Sdn Bhd (UMSC) bagi tempoh 2009-2015, Ahli Panel Perundangan dan Pencegahan SPRM dan Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Beliau telah dilantik ke Majlis Perundangan Ekonomi Nasional (MAPEN I 1990-1991) dan sekali lagi dilantik semula ke MAPEN II pada tahun 1999 dan berkhidmat sebagai Timbalan Pengerusi.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A. Hons) dari Universiti Malaya. Beliau telah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Perniagaan (Ph.D Hon) oleh Universiti Malaya pada tahun 2016.

Beliau telah menghadiri kesemua 9 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Beliau tidak mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan atau hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama CGC. Beliau tidak pernah dituduh dan/atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan.

Profil Pengarah (sambungan)



**DATO' HAJI SYED MOHEEB
SYED KAMARULZAMAN,**
FCII, Snr Assoc.

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- 64 tahun, Lelaki, Warganegara Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Ahli Jawatankuasa IT

Dato' Haji Syed Moheeb Syed Kamarulzaman telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 15 Januari 2014

Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Insurans Malaysia dan juga menganggotai Lembaga Pengarah Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (CBM) serta Lembaga Pemegang Amanah, ASEAN Insurance, Institut Latihan dan Penyelidikan. Beliau juga merupakan Adjunct Profesor di Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Teknologi MARA.

Kerjaya beliau dalam insurans konvensional, insurans semula dan industri Takaful merangkumi lebih 42 tahun, di mana beliau menerajui beberapa syarikat insurans, insurans semula dan syarikat Takaful secara langsung dan antarabangsa. Beliau adalah Bekas Pengerusi Persatuan Takaful Malaysia dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Persatuan Insurans Am Malaysia.

Dato' Haji Syed Moheeb merupakan Fellow Institut Insurans Malaysia serta Ahli Bersekutu Kanan CIP Institut Insurans dan Kewangan Australia dan New Zealand. Beliau juga merupakan ahli Institut Profesional Kewangan Islam Bertauliah.

Beliau telah menghadiri 8 daripada 9 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Beliau tidak mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan atau hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama CGC. Beliau tidak pernah dituduh dan/atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan.



TEOH KOK LIN, CFA

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- 54 tahun, Lelaki, Warganegara Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Ahli Jawatankuasa IT

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

Teoh Kok Lin telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 27 Jun 2014.

Beliau adalah Pengasas dan Ketua Pegawai Pelaburan Singular Asset Management Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan dana yang ditubuhkan pada tahun 2002 dan dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga merupakan Pengasas dan Ketua Pegawai Pelaburan Singular Asset Management (Singapore) Ltd, pengurus dana berdaftar dengan Monetary Authority of Singapore.

Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Ekonomi Digital dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan Sosioekonomi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan Fiskal dan Ekonomi untuk Dewan Perniagaan dan Perindustrian China di Kuala Lumpur dan Selangor.

Teoh Kok Lin mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam bidang perbankan, kredit dan pelaburan di institusi kewangan, memulakan kerjayanya dengan Citicorp Citibank Malaysia pada tahun 1987. Beliau kemudian menyertai Barings Malaysia, HSBC Research Malaysia dan UOB Kay Hian Singapore. Beliau sentiasa mengunjungi negara-negara di seluruh ASEAN dan Asia Utara bagi tujuan penyelidikan dan lawatan syarikat sambil menguruskan dana untuk institusi dan pelanggan bernilai tinggi.

Beliau menamatkan pengajian dengan kedudukan terbaik dalam kelasnya dan memperoleh Ijazah Sarjana Sains dalam Pentadbiran Industri (setara MBA) dari Purdue University di Amerika Syarikat. Sebelum itu, beliau memperoleh dua ijazah sarjana muda dalam Kejuruteraan Elektrik dan Perdagangan. Beliau adalah salah seorang Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA) yang terawal di Malaysia dan merupakan bekas Presiden Persatuan CFA Malaysia.

Beliau telah menghadiri kesemua 9 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Beliau tidak mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan atau hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama CGC. Beliau tidak pernah dituduh dan/atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan.

Profil Pengarah (sambungan)



SURESH MENON

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- 60 tahun, Lelaki, Warganegara Malaysia
- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit

Suresh Menon telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 17 Julai 2014. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (CBM), anak syarikat CGC berkuat kuasa 17 Julai 2014. Beliau juga menganggotai Lembaga Danajamin Nasional Berhad.

Sejak 2010, beliau telah menjadi Perunding Pasaran Modal Bebas yang menyediakan khidmat perundingan dan latihan kepada agensi kewangan dan pihak berkuasa di pelbagai negara.

Beliau mempunyai hampir 38 tahun pengalaman dalam pelbagai sektor dinamik seperti pengeluaran dan pasaran kewangan dan hutang di peringkat antarabangsa. Kepakaran beliau meliputi analisis kredit dan metodologi penarafan, panduan industri dan amalan terbaik proses penarafan, penulisan laporan kredit, perancangan dan pembangunan strategik, analisis korporat dan kewangan, kakitangan dan pembangunan kemahiran, operasi dan pengurusan pengeluaran, serta pengurusan dan pentauliahan projek.

Suresh Menon memainkan peranan penting dalam penubuhan RAM Holdings Berhad (dahulunya dikenali sebagai Rating Agency Malaysia Berhad). Selama 18 tahun, beliau telah memudahcara pelbagai perkhidmatan dan menerajui agensi tersebut sehingga berjaya ke kemuncak yang tinggi. Beliau adalah Ahli Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa Penarafan RAM. Jawatan terakhir beliau dengan RAM adalah sebagai Pengarah Eksekutif.

Beliau turut mengambil bahagian dalam projek pembangunan bersama badan-badan antarabangsa iaitu Bank Pembangunan Asia (ADB), Majlis Penasihat Perniagaan APEC dan Persatuan Agensi Penarafan Kredit di Asia (ACRAA). Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Latihan ACRAA. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Utama Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia 2009, 2010 dan 2011 untuk Kumpulan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG).

Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi, jurusan Kejuruteraan Kimia dari University of Madras pada tahun 1979. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Asian Institute of Management Philippines pada tahun 1985.

Beliau telah menghadiri kesemua 9 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Beliau tidak mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan atau hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama CGC. Beliau tidak pernah dituduh dan/atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan.



DATO' ONG ENG BIN

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- 55 tahun, Lelaki, Warganegara Malaysia
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Ahli Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

Dato' Ong Eng Bin telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 14 Oktober 2014.

Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (OCBC) OCBC Bank Malaysia Berhad (OCBC) dan telah dilantik menyandang jawatan tersebut pada Ogos 2014. Selain daripada peranannya dalam OCBC, beliau juga merupakan Ahli Majlis di Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) dan Association of Banks in Malaysia (ABM). Beliau juga merupakan Pengarah Asian Banking School (ABS) dan kini berkhidmat sebagai Pengerusi Pac Lease Sdn Bhd.

Dato' Ong Eng Bin mempunyai pengalaman luas dalam bidang perbankan korporat. Kerjaya beliau selama 30 tahun dalam perbankan korporat bermula di OCBC pada tahun 1988. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Perbankan Korporat pada tahun 2004, dan kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Ketua Perbankan Perniagaan pada tahun 2012, bagi menggalas tanggungjawab yang meliputi perbankan korporat dan komersial, perniagaan baru muncul dan perbankan urusniaga.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan dari University of Manchester, United Kingdom.

Beliau telah menghadiri kesemua 9 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Beliau tidak mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan atau hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama CGC. Beliau tidak pernah dituduh dan/atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan.

Profil Pengarah (sambungan)



NADZIRAH ABD. RASHID

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- 55 tahun, Perempuan, Warganegara Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera

Nadzirah Abd. Rashid telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 22 Oktober 2015.

Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif CIMB Investment Bank Berhad dan merupakan Kaunselor Bahagian CPA Australia, Bahagian Malaysia. Beliau juga merupakan Fellow CPA Australia dan ahli Institut Akauntan Malaysia.

Beliau mempunyai lebih daripada 28 tahun pengalaman profesional dalam bidang pasaran sekuriti dan industri perbankan. Beliau memulakan kerjayanya di Bank Negara Malaysia sebagai pemeriksa bank dan kemudiannya mengetuai jabatan kewangan sebuah institusi kewangan. Beliau menyertai Kumpulan Bursa Malaysia pada tahun 1999, dan telah memegang pelbagai jawatan dalam Bahagian Kewangan dan Pentadbiran di beberapa syarikat dalam Kumpulan tersebut. Beliau memegang jawatan Ketua Pegawai Kewangan Bursa Malaysia Berhad dari tahun 2006 hingga awal tahun 2014.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari University of South Australia, Australia.

Beliau telah menghadiri kesemua 9 mesyuarat Lembaga CGC yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Beliau tidak mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan atau hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama CGC. Beliau tidak dituduh dan/atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan.



CHOONG TUCK OON

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- 59 tahun, Lelaki, Warganegara Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa IT
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

Choong Tuck Oon dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 20 Januari 2017.

Beliau kini merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dalam Forum Lembaga FIDE Malaysia dan Koperasi Insurans Pendapatan NTUC Singapura. Beliau juga dilantik sebagai Pengarah Star Media Group Berhad pada 1 Jun 2017.

Choong Tuck Oon memiliki kepakaran dalam bidang teknologi, strategi dan transformasi untuk perbankan dan insurans. Beliau juga aktif dalam ekosistem permulaan digital di ASEAN di mana beliau sering diminta untuk memberi khidmat nasihat mengenai program digital dan Fintech.

Beliau berkhidmat dengan Accenture selama 25 tahun, di mana beliau bersara sebagai Rakan Kongsi Kanan dalam amalan Perkhidmatan Kewangan Asia-Pasifik. Beliau telah mengetuai inisiatif strategik bersama lebih daripada 20 bank dan penginsurans terkemuka tempatan dan global di Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, China, Hong Kong dan Taiwan, termasuk projek pembayaran nasional di Malaysia dan Singapura. Beliau juga terlibat secara aktif dalam inisiatif sukarelawan NGO di mana beliau memberi khidmat nasihat kepada sebuah konsortium agensi bantuan antarabangsa mengenai sistem teras bagi pelancaran bank-bank untuk institusi kewangan mikro di Indonesia dan menasihati agensi hidupan liar/alam global mengenai strategi pertumbuhan baru untuk 11 buah negara di Asia. Beliau memulakan kerjayanya di Petronas di mana beliau memegang jawatan eksekutif dalam pelbagai fungsi hulu dan hiliran selama lebih dari 7 tahun.

Beliau pernah menjadi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Lembaga RHB Bank, RHB Islamic Bank, RHB Indochina Bank, RHB Indochina Securities dan RHB Private Equity.

Choong Tuck Oon memegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Kelas Pertama) dalam Matematik dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Sains dalam Aplikasi Komputer dari Asian Institute of Technology dan Diploma Eksekutif Kepengarahannya dari Singapore Management University.

Beliau telah menghadiri kesemua 9 mesyuarat Lembaga CGC yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Beliau tidak mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan atau hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama CGC. Beliau tidak dituduh dan/atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan.

Profil Pengarah (sambungan)



JESSICA CHEW CHENG LIAN

- Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
- 48 tahun, Perempuan, Warganegara Malaysia
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jessica Chew Cheng Lian telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah CGC pada 16 Ogos 2017.

Beliau adalah Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), yang bertanggungjawab terhadap kestabilan kewangan dan pembangunan sektor kewangan, serta pembangunan organisasi dan perkhidmatan perkongsian berpusat bagi bank pusat. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Dasar Monetari BNM dan Jawatankuasa Kestabilan Kewangan.

Beliau kini berkhidmat sebagai Pengerusi Agensi Akreditasi Kewangan (Malaysia) yang mewakili BNM, ahli Lembaga Pengarah Agensi Pengurusan Kaunseling dan Pengurusan Hutang (AKPK) dan penasihat kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Jessica mempunyai pengalaman melebihi 25 tahun dalam pengawalseliaan dan penyeliaan sektor kewangan di mana dia bekerja dalam dasar, pengawasan kewangan dan pemeriksaan institusi kewangan. Beliau berkhidmat dalam peranan utama yang menyokong beberapa inisiatif strategik BNM, termasuk pembangunan Pelan Induk Sektor Kewangan (2001-2010), Rangka Tindakan Sektor Kewangan (2011-2020), penubuhan sistem insurans deposit untuk Malaysia, enakmen Akta Perkhidmatan Kewangan (FSA) 2013 dan pembaharuan dalam sektor perniagaan insurans dan perkhidmatan wang. Tanggungjawabnya sekarang termasuk mempromosikan akses inklusif kepada perkhidmatan kewangan, menyediakan persekitaran kawal selia yang sesuai yang memupuk inovasi fintech, dan pengawasan institusi kewangan pembangunan. Jessica juga terlibat secara aktif dalam pembangunan pelbagai strategi pembangunan modal insan bagi sektor kewangan Malaysia.

Beliau menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dengan pengkhususan dalam bidang perakaunan dan kewangan dari University of Melbourne, Australia. Beliau memiliki kelayakan Jurubank Bertauliah dari Institut Chartered Banker (Scotland) dan merupakan Ahli Bersekutu CPA Australia.

Sejak pelantikannya, beliau menghadiri 3 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Beliau tidak mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan atau hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama CGC, kecuali sebagai wakil BNM. Dia tidak pernah dituduh dan/atau disabitkan kesalahan atas sebarang kesalahan.



DAENG HAFEZ ARAFAT ZUHUD

- Penasihat Perundangan dan Setiausaha Syarikat
- 46 tahun, Lelaki, Warganegara Malaysia

Daeng Hafez Arafat Zuhud adalah Penasihat Perundangan dan Setiausaha Syarikat CGC, yang menyelia fungsi perundangan, kesetiausahaan syarikat dan tadbir urus korporat.

Pada bulan Mei 2015, beliau menyertai CGC sebagai Ketua Jabatan Perundangan dan Kesetiausahaan Syarikat. Beliau berkelulusan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dan diiktiraf sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada 18 Mac 1995. Beliau dilesenkan sebagai Setiausaha Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia sejak tahun 1998.

Daeng mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam bidang undang-undang, kesetiausahaan syarikat dan sumber manusia; telah bekerja di jabatan korporat, perundangan dan kesetiausahaan untuk beberapa syarikat tersenarai swasta dan awam di Malaysia. Jawatan terakhir beliau sebelum menyertai CGC adalah dengan Malayan Banking Berhad sebagai Penolong Naib Presiden Setiausaha Korporat Kumpulan. Beliau juga merupakan bekas Setiausaha Syarikat Kumpulan Syarikat Maybank Asset Management dan Maybank (Cambodia) Plc.

AHLI PENGURUSAN

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017



Berdiri, dari kiri ke kanan:

• **Sum Leng Kuang**
Ketua, Pelaburan

• **K. Perbagaran**
Ketua Pegawai Risiko

• **Mohamed Azman Mohamed Taufik**
Naib Presiden Kanan,
Pembangunan Bumiputera dan Produk

• **Daeng Hafez Arafat Zuhud**
Penasihat Perundangan dan Setiausaha Syarikat

• **Shazmeer Mokhtar**
Pengawal Kewangan

• **Nazleena Nordin**
Ketua Pegawai Operasi

• **Rahim Raduan**
Ketua Pegawai Korporat

• **Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak**
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif



Berdiri, dari kiri ke kanan:

- **Yushida Husin**
Ketua Pegawai Maklumat

- **Leong Weng Choong**
Ketua Pegawai Perniagaan

- **Zarina Osman**
Ketua Pegawai Kredit

- **Noraishah Jamaludin**
Ketua Juruaudit Dalaman

- **Mohd Sukeri Ismail**
Naib Presiden Kanan, Pengurusan Aset

- **Wong Keet Loong**
Naib Presiden Kanan, Pemasaran dan Jualan

- **Mohd Reza Mohd Hatta**
Naib Presiden Kanan, Perancangan Strategik

■ PROFIL AHLI PENGURUSAN



Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

DATUK MOHD ZAMREE MOHD ISHAK
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif

Pemegang saham diberitahu mengenai AGM dan disediakan satu salinan Laporan Tahunan CGC sebelum mesyuarat. Notis AGM diedarkan sekurang-kurangnya dua puluh lapan (28) hari sebelum tarikh mesyuarat untuk membolehkan pemegang saham mempunyai masa mencukupi untuk membaca Laporan Tahunan dan kertas kerja yang menyokong resolusi yang dicadangkan.

Semua Pengarah menghadiri AGM yang dijadualkan dan diluluskan terlebih dahulu oleh Lembaga Pengarah. Apabila tarikh mesyuarat telah ditetapkan, para Pengarah akan memberi komitmen untuk menghadiri AGM seperti yang dijadualkan, kecuali bagi alasan yang tidak dapat dijangka yang berada di luar kawalan mereka.

■ PIAGAM LEMBAGA PENGARAH

1. PENGENALAN

1.1 Gambaran Keseluruhan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap prestasi dan hal ehwal Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad ("Perbadanan"). Lembaga Pengarah diharapkan untuk menunjukkan kepimpinan terbaik dan bertindak secara profesional, serta menegakkan nilai-nilai teras integriti dan perniagaan dengan mengambil kira tugas-tugas fidusiari dan tanggungjawab mereka.

1.2 Tujuan

Tujuan Piagam Lembaga Pengarah ini adalah untuk menggalakkan piawaian urus tadbir korporat yang tertinggi di dalam Perbadanan dan menetapkan, antara lain, tanggungjawab dan fungsi Lembaga Pengarah mengikut prinsip urus tadbir korporat yang baik.

1.3 Kuasa

Lembaga Pengarah memperoleh kuasa untuk bertindak daripada Memorandum dan Tataurus Penubuhan (M&A) Perbadanan dan undang-undang Malaysia yang mentadbir perbadanan.

2. LEMBAGA PENGARAH

2.1 Komposisi dan Imbangan

- i) Bilangan Pengarah hendaklah tidak kurang daripada dua (2) orang dan tidak melebihi dua puluh (20) orang.
- ii) Lembaga Pengarah sebaik-baiknya hendaklah tidak melebihi sepuluh (10) Pengarah dengan minimum satu pertiga (1/3) daripada mereka adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan tidak melebihi seorang (1) Pengarah Eksekutif.
- iii) Lembaga Pengarah hendaklah diketuai oleh Pengerusi yang merupakan seorang Pengarah Bukan Eksekutif.
- iv) Jawatan Pengerusi dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah berbeza dan berasingan dengan pembahagian tanggungjawab yang jelas.
- v) Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada para Pengarah dengan gabungan kemahiran, latar belakang, kelayakan akademik dan pengalaman dalam bidang-bidang berikut:-
 - a) perbankan, kewangan, perakaunan, undang-undang, pengurusan perniagaan, teknologi maklumat dan pengurusan pelaburan; dan
 - b) keusahawanan, pengetahuan mengenai sasaran pasaran/sector dan perspektif sosio-ekonomi dan pembangunan perniagaan (termasuk perniagaan kecil dan sederhana).
- vi) Seorang wakil dari Persatuan Bank-bank di Malaysia dikehendaki menganggotai Lembaga Pengarah.
- vii) Para Pengarah hendaklah tidak menganggotai Lembaga Pengarah di lebih daripada lima (5) syarikat tersenarai awam, tidak termasuk anak syarikat tersenarai awam tersebut atau anak syarikat Perbadanan dan tidak melebihi sepuluh (10) syarikat yang tidak tersenarai awam, tidak termasuk syarikat milik keluarga.

2.2 Proses Pelantikan, Kriteria Kelayakan, Tempoh Memegang Jawatan dan Pelantikan Semula

Proses Pelantikan

- i) Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk melantik sesiapa sahaja menjadi Pengarah, sama ada untuk mengisi kekosongan biasa atau sebagai tambahan kepada Pengarah yang sedia ada. Pengarah yang baru dilantik akan memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Perbadanan yang seterusnya dan layak untuk pemilihan semula.
- ii) Pemegang saham boleh mencalonkan seseorang untuk dilantik sebagai Pengarah untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan ("BNRC").
- iii) BNRC bertanggungjawab menilai calon-calon jawatan Pengarah dan keahlian Jawatankuasa Permantauan Lembaga Pengarah. BNRC seterusnya akan mengemukakan cadangannya kepada Lembaga Pengarah bagi mendapatkan keputusan.
- iv) Bank Negara Malaysia hendaklah dimaklumkan secara wajarnya mengenai sebarang pelantikan seseorang Pengarah.

Kriteria Kelayakan

- i) Kriteria kelayakan untuk pelantikan Pengarah hendaklah tertakluk kepada Akta Syarikat 2016, Tataurus Penuhuan Perbadanan dan kriteria termaktub di bawah Garis Panduan Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan.

Tempoh

- i) Tempoh perkhidmatan untuk setiap penggal hendaklah tidak melebihi tiga (3) tahun dan para Pengarah boleh dilantik semula tertakluk kepada kelulusan para Pemegang Saham di Mesyuarat Agung.
- ii) Keseluruhan tempoh perkhidmatan bagi seorang Pengarah tidak boleh melebihi tiga (3) penggal atau sembilan (9) tahun. Syarat ini hanya dikenakan kepada Pengarah Bebas sahaja. Sekiranya perkhidmatan Pengarah Bebas perlu dilanjutkan lagi, pelantikan Pengarah tersebut hendaklah tertakluk kepada cadangan Lembaga Pengarah dan kelulusan para Pemegang Saham di Mesyuarat Agung.

Untuk mengelakkan kekeliruan, peruntukan ini tidak terpakai kepada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif.

Pemilihan Semula

- i) Pemilihan semula para Pengarah akan dilakukan setiap tahun pada Mesyuarat Agung Tahunan Perbadanan di mana satu pertiga (1/3) daripada para Pengarah, atau, sekiranya bukan bilangan tiga (3) atau gandaan tiga (3), maka bilangan yang paling hampir dengan satu pertiga (1/3) hendaklah bersara dari memegang jawatan dan para Pengarah yang bersara layak untuk pemilihan semula.

Lain-lain

- i) Lembaga Pengarah akan berpanduan kepada perkara-perkara lain yang berkaitan dengan para Pengarah sebagaimana termaktub di bawah Garis Panduan Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.

2.3 Program Latihan Pengarah

- i) Para Pengarah dikehendaki menghadiri Program Latihan Pengarah yang terdiri daripada:-
 - a) Sesi Induksi Dalam; dan
 - b) Program Pembelajaran dan Pembangunan Berterusan ("CLDP").

Piagam Lembaga Pengarah (sambungan)

- ii) Setiap Pengarah yang baru dilantik akan menjalani Sesi Induksi Dalaman yang bertujuan untuk menyampaikan kepada Pengarah yang baru dilantik, visi dan misi Perbadanan, falsafah dan sifat perniagaan, isu semasa dalam Perbadanan, strategi korporat dan harapan Perbadanan.
- iii) Semasa tempoh perkhidmatan pengarah, para Pengarah akan mengambil bahagian dalam CLDP yang bertujuan untuk memberi latihan berterusan kepada para Pengarah supaya mereka sentiasa mengikuti perkembangan terbaru dalam industri DFI.
- iv) Lembaga Pengarah akan menilai keperluan latihan seterusnya bagi para Pengarah yang selanjutnya secara berterusan.

2.4 Penilaian Keberkesanan

- i) BNRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menilai prestasi tahunan setiap Pengarah.
- ii) Keputusan penilaian BNRC akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan sebarang cadangan BNRC akan diambil kira oleh Lembaga Pengarah dalam menilai para Pengarah untuk kelayakkan mereka mendapat dilantik/dipilih semula pada Mesyuarat Agung yang akan datang.

2.5 Imbuan

- i) Imbuan yang sesuai untuk para Pengarah hendaklah dinilai dan disyorkan oleh BNRC.
- ii) Para Pengarah berhak ke atas perbelanjaan perjalanan, hotel dan perbelanjaan lain yang munasabah yang ditanggung oleh para Pengarah dalam melaksanakan tugas termasuk apa-apa perbelanjaan yang berkaitan dengan kehadiran para Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah.
- iii) Imbuan khas, sebagai tambahan kepada imbuan biasa Pengarah (melalui gaji, komisen, bahagian dalam keuntungan dan lain-lain) boleh diberi sekiranya Pengarah dikehendaki untuk melaksanakan atau bertugas atau perkhidmatan khas di luar tugas biasa beliau sebagai Pengarah.
- iv) Imbuan para Pengarah hendaklah dari semasa ke semasa ditetapkan oleh Perbadanan dalam Mesyuarat Agung.

3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

3.1 Lembaga Pengarah

- i) Menurut Tataurus Penubuhan, secara umumnya perniagaan Perbadanan hendaklah diurus oleh Lembaga Pengarah.
- ii) Kecuali bagi perkara-perkara yang memerlukan kelulusan Pemegang Saham Perbadanan, Lembaga Pengarah boleh mengaplikasi semua kuasa Perbadanan dan menjalankan bagi pihak Perbadanan atau apa-apa tindakan yang boleh dilaksanakan dan dilakukan oleh Perbadanan.
- iii) Tanggungjawab pengawasan Lembaga Pengarah hendaklah dilakukan berdasarkan peranan dan tanggungjawab berikut:-
 - a) Menyumbang dalam membangunkan strategi korporat dan penetapan sasaran;
 - b) Mempertahankan pendekatan pengurusan prestasi korporat yang kukuh;
 - c) Mengawas pembangunan kepimpinan masa hadapan Perbadanan dan modal insan;
 - d) Memahami dan menguruskan risiko Perbadanan;
 - e) Memahami perspektif pemegang saham semasa membuat keputusan;
 - f) Mengimbang kepentingan pihak yang berkepentingan; dan
 - g) Menjalankan fungsi-fungsi lain di bawah undang-undang.

- iv) Terdapat beberapa perkara tertentu yang ditetapkan sebagai Perkara-perkara Rizab di mana keputusan hanya boleh dibuat di bawah budi bicara dan tanggungjawab tunggal Lembaga Pengarah. Kecuali jika dibatasi oleh Akta Syarikat 2016 atau Tataurus Penubuhan Perbadanan, tidak ada perkara yang akan menyekat Lembaga Pengarah daripada mewakili pada bila-bila masa, Perkara-perkara Rizab atau tanggungjawab membuat keputusan tertentu kepada Jawatankuasa Pemantauan Lembaga Pengarah, Pengarah individu atau Pengurusan.

- v) Butir-butir Perkara Berkenaan Rizab adalah seperti di **Lampiran A**.

3.2 Pengerusi

- i) Pengerusi bertanggungjawab terhadap kepimpinan keseluruhan dan kecekapan fungsi Lembaga Pengarah.
- ii) Peranan utama Pengerusi, antara lain adalah seperti berikut:
 - a) memastikan bahawa Lembaga Pengarah berfungsi dengan berkesan, secara kolektif dan bebas daripada Pengurusan;
 - b) menyediakan urus tadbir dalam hal-hal yang berkenaan keadilan dan integriti korporat;
 - c) memimpin Lembaga Pengarah, termasuk mengetuai Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Agung Perbadanan dan mengarahkan perbincangan Lembaga Pengarah untuk menggunakan masa dengan sebaiknya dalam menangani isu kritikal yang dihadapi oleh Perbadanan;
 - d) menggalakkan hubungan yang membina dan saling menghormati di antara Pengarah, Lembaga Pengarah dan Pengurusan; dan
 - e) memastikan komunikasi berkesan wujud di antara Perbadanan dan/atau anak syarikat dan pemegang saham dan/atau pemegang berkepentingan.

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

3.3 Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif

- i) Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah dalam pengurusan harian Perbadanan.
- ii) Peranan utama Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, antara lain adalah seperti berikut:-
 - a) melaksana hala tuju strategik Perbadanan seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah;
 - b) memastikan bahawa perniagaan Perbadanan dikendalikan dengan betul dan cekap dengan memastikan bahawa pasukan eksekutif melaksanakan dasar dan strategi yang diterima pakai oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pemantauan Lembaga Pengarah;
 - c) memastikan bahawa objektif dan piawaian prestasi difahami oleh pihak Pengurusan dan pekerja; dan
 - d) memastikan perancangan operasi dan sistem kawalan telah disediakan, memantau keputusan prestasi terhadap rancangan asal dan jika perlu, mengambil tindakan pemulihan.

121

4. PROSES LEMBAGA PENGARAH

4.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah

- i) Para Pengarah boleh bermesyuarat untuk menjalankan tugas, menengguhkan dan mengawal selia mesyuarat sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Pengarah.
- ii) Lembaga Pengarah akan berpandu kepada Terma Rujukan bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah.
- iii) Perkara-perkara Rizab, semua keputusan strategik dan keputusan pelaburan dibuat di Mesyuarat Lembaga Pengarah selepas melalui pelbagai proses, perbincangan dan membuat keputusan.

Piagam Lembaga Pengarah (sambungan)

4.2 Resolusi Pekeliling

- i) Di antara Mesyuarat Lembaga Pengarah, kelulusan mengenai urusan perniagaan yang penting yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah boleh dibuat melalui Resolusi Pekeliling yang melampirkan semua maklumat yang berkaitan untuk membolehkan Lembaga Pengarah membuat keputusan yang termaklum.
- ii) Resolusi Pekeliling bertulis yang ditandatangani oleh SEMUA Ahli Lembaga Pengarah adalah efektif untuk semua tujuan sama seperti resolusi yang diluluskan di Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dipanggil, diadakan dan dihadiri dengan sewajarnya.

4.3 Nasihat Bebas

Lembaga Pengarah boleh mendapatkan nasihat dan maklumat dari pihak-pihak bebas untuk melaksanakan tugas mereka dengan kos ditanggung oleh Perbadanan, bagi memastikan para Pengarah dapat membuat keputusan bebas dan termaklum.

5. KUASA PERWAKILAN

Kecuali dihadkan oleh undang-undang atau Tataurus Penubuhan Perbadanan, tiada yang terkandung di dalam Piagam ini akan menghadkan Lembaga Pengarah daripada mewakilkan tanggungjawab khusus kepada Jawatankuasa Pemantauan Lembaga Pengarah berikut, Pengarah individu, Pengurusan atau mana-mana individu.

5.1 Jawatankuasa Lembaga Semakan

- i) Jawatankuasa Pemantauan Lembaga Pengarah berikut ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawabnya:-
 - a) Jawatankuasa Lembaga Tadbir Urus dan Audit;
 - b) Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko;
 - c) Jawatankuasa Lembaga Pelaburan;
 - d) Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan;
 - e) Jawatankuasa Lembaga Pembangunan Bumiputra; dan
 - f) Jawatankuasa Lembaga IT.
- ii) Jawatankuasa Pemantauan Lembaga Pengarah beroperasi mengikut peranan dan tanggungjawab yang ditakrif dengan sebagaimana termaktub dalam Terma Rujukan setiap Jawatankuasa.
- iii) Jawatankuasa Pemantauan Lembaga Pengarah melapor kepada Lembaga Pengarah berhubung perbincangan, penemuan dan cadangan mereka. Para Pengerusi Jawatankuasa Pemantauan Lembaga Pengarah melapor kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara yang dibincangkan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan masing-masing.
- iv) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Lembaga Pengarah dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk perbincangan dan arahan selanjutnya.
- v) Walaupun Jawatankuasa Pemantauan Lembaga Pengarah ini mempunyai kuasa untuk membincangkan perkara-perkara yang diwakilkan kepada mereka, semua keputusan dan/atau cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa ini akan dibawa kepada perhatian Lembaga Pengarah, yang secara kolektif bertanggungjawab terhadap kejayaan, perniagaan, strategi, pengurusan risiko, operasi dan prestasi kewangan Perbadanan.
- vi) Lembaga Pengarah dibenarkan, dari semasa ke semasa, menubuhkan mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa ad hoc yang lain untuk mewakilkan fungsi tertentu yang difikirkan perlu atau sesuai.

5.2 Pengurusan

- i) Lembaga Pengarah boleh mewakilkan kuasa atau fungsinya kepada Pengurusan melalui panduan perwakilan yang sesuai atau panduan kuasa.
- ii) Walau bagaimanapun, tanggungjawab muktamad untuk strategi dan kawalan digalas oleh para Pengarah berdasarkan panduan daripada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif.
- iii) Lembaga Pengarah akan dibekalkan oleh Pengurusan dengan maklumat dalam bentuk, jangka masa dan kualiti yang membolehkan Lembaga Pengarah melaksanakan tugas dengan berkesan.
- iv) Lembaga Pengarah berhak untuk meminta apa-apa maklumat tambahan pada bila-bila masa sebagaimana yang difikirkan perlu.

5.3 Surat Kuasa Wakil Undang-Undang, Wakil Korporat dan Proksi

- i) Lembaga Pengarah boleh melalui Surat Kuasa Undang-Undang, Sijil atau Borang Proksi melantik mana-mana perbadanan, firma, orang atau badan orang untuk menjadi wakil undang-undang, wakil korporat atau proksi Perbadanan.
- ii) Pelantikan wakil undang-undang, wakil korporat atau proksi boleh dibuat untuk tujuan sedemikian dan dengan surat kuasa, pihak berkuasa dan budi bicara yang tidak melebihi apa yang berhak dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah di bawah Tataurus Penubuhan dan untuk tempoh tertentu dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Pengarah.

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

6. TUGAS PENJAGAAN, PENILAIAN PERNIAGAAN DAN KEBERGANTUNGAN KEPADA MAKLUMAT

- i) Lembaga Pengarah hendaklah pada setiap masa menjalankan kuasa untuk tujuan yang sepatutnya demi kepentingan Perbadanan.
- ii) Setiap Pengarah hendaklah menjalankan penjagaan yang munasabah, kemahiran dan ketekunan yang bersesuaian dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang munasabah seperti yang diharapkan daripada seorang Pengarah yang mempunyai tanggungjawab yang sama; dan sebarang pengetahuan tambahan, kemahiran dan pengalaman yang dimiliki oleh Pengarah tersebut.
- iii) Setiap Pengarah yang membuat penilaian perniagaan diharapkan agar memenuhi keperluan tugas seperti yang disebutkan di atas dan tugas yang sama di bawah undang-undang dan ekuiti biasa jika Pengarah tersebut:-
 - a) membuat pertimbangan perniagaan dengan niat ikhlas untuk tujuan yang sepatutnya;
 - b) tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam perkara penilaian perniagaan tersebut;
 - c) dimaklumkan mengenai perihal pertimbangan perniagaan hingga ke tahap ia boleh dipercayai secara munasabah bahawa ia wajar dilakukan dalam keadaan tertentu; dan
 - d) mempercayai dengan sewajarnya bahawa pertimbangan perniagaan adalah demi kepentingan Perbadanan.
- iv) Pengarah yang menjalankan tugas boleh bergantung kepada maklumat, nasihat profesional, pendapat, laporan atau kenyataan termasuk laporan kewangan dan data kewangan lain yang disediakan, dibentangkan atau dibuat oleh:-
 - a) mana-mana pegawai Perbadanan (atau syarikat-syarikat yang berkaitan) yang dipercayai oleh Pengarah atas alasan yang munasabah untuk dipercayai dan berhubung dengan perkara-perkara yang berkenaan;
 - b) mana-mana orang perseorangan yang dikekalkan oleh Perbadanan mengenai hal-hal yang melibatkan kemahiran atau kepakaran berhubung dengan perkara-perkara yang Pengarah percaya pada alasan yang munasabah bahawa ia adalah kecekapan profesional atau kepakaran seseorang;

Piagam Lembaga Pengarah (sambungan)

- c) Pengarah lain yang mempunyai hubungan dengan perkara-perkara yang berkenaan dan masih di dalam bidang kuasa Pengarah tersebut; atau
- d) mana-mana ahli Jawatankuasa Pemantauan Lembaga Pengarah yang mana Pengarah tersebut tidak berkhidmat berkaitan dengan perkara-perkara di dalam bidang kuasa Jawatankuasa tersebut.
- v) Kebergantungan Pengarah terhadap maklumat yang diberikan oleh orang lain dianggap dibuat atas alasan yang munasabah jika ia dibuat dengan ikhlas dan selepas membuat penilaian bebas terhadap maklumat atau nasihat, pendapat, laporan atau kenyataan, termasuk penyata kewangan dan data kewangan lain tersebut, dengan mengambil kira pengetahuan Pengarah tentang Perbadanan dan kerumitan struktur dan operasi Perbadanan.

7. MESYUARAT AGUNG

- i) Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") akan diadakan sekali dalam tahun kalendar pada suatu masa (tidak lebih daripada lima belas (15) bulan selepas penangguhan Mesyuarat Agung yang sebelumnya) dan di tempat yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah.
- ii) Lembaga Pengarah mempunyai hak untuk memanggil untuk diadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa ("EGM") sama ada atas inisiatifnya sendiri atau seperti yang diminta oleh Pemegang Saham untuk memutuskan apa-apa perkara penting atau mendesak yang memerlukan perhatian segera Perbadanan.

8. KERAHSIAAN DAN PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- i) Para Pengarah dikehendaki bertindak atas kepentingan Perbadanan dan hendaklah berakujaji untuk memelihara kerahsiaan berkaitan maklumat sulit Perbadanan.
- ii) Pengarah akan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah:-
 - a) sebarang kepentingan peribadi/keluarga dalam perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Perbadanan; dan
 - b) kepentingan lain (secara langsung atau tidak langsung) yang sesuai untuk didedahkan dengan tujuan untuk mengelak sebarang percanggahan kepentingan atau persepsi mengenai percanggahan kepentingan.
- iii) Seorang pengarah bebas hendaklah mendedahkan dengan serta-merta kepada Lembaga Pengarah mengenai sebarang perubahan dalam situasi beliau yang boleh menjejaskan status beliau sebagai pengarah bebas. Dalam keadaan sedemikian, Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji jawatan beliau sebagai pengarah bebas untuk mengesahkan atau menukar status jawatan beliau.

9. ETIKA DAN PEMATUHAN

Para Pengarah hendaklah mematuhi Kod Tadbir Urus Korporat Perbadanan termasuk apa-apa pindaan yang dibuat seterusnya.

10. KAJIAN SEMULA PIAGAM LEMBAGA PENGARAH

- i) Piagam Lembaga Pengarah telah diterima pakai oleh Lembaga pada 10 Disember 2013 dan hendaklah berkuat kuasa dari 1 Januari 2014. Sebarang pindaan seterusnya ke atas Piagam Lembaga boleh dibuat melalui kelulusan Lembaga Pengarah.
- ii) Piagam Lembaga Pengarah akan dikaji semula secara berkala dan dikemaskini selaras dengan keperluan Perbadanan dan sebarang undang-undang atau peraturan baharu yang mungkin membawa impak kepada pelaksanaan tugas dan/atau tanggungjawab Lembaga Pengarah.

LAMPIRAN A

PERKARA BERKENAAN RIZAB	
Kelakuan Lembaga	
1.	Pelantikan dan cadangan untuk penyingkiran Pengarah.
2.	Pelantikan dan penyingkiran Setiausaha Syarikat.
3.	Pelantikan ahli-ahli Jawatankuasa Pemantauan Lembaga Pengarah.
4.	Kelulusan Terma Rujukan Jawatankuasa Pemantauan Lembaga Pengarah dan pindaan kepada terma-terma tersebut.
5.	Pelantikan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif Perbadanan dan tugas mereka dan kesinambungan (atau tidak) perkhidmatan mereka.
6.	Saranan mengenai pelantikan juruaudit luar dan yuran audit yang berkaitan.
Imbuhan	
7.	Kelulusan/cadangan bayaran yuran/imbuhan para Pengarah bagi Pengarah Bukan Eksekutif.
8.	Kelulusan pakej, struktur dan dasar imbuhan bagi Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah Eksekutif.
Operasi	
9.	Kelulusan strategi perniagaan dan pelan operasi dan belanjawan tahunan.
10.	Semakan semula prestasi terhadap strategi perniagaan dan pelan operasi kumpulan, termasuk pemantauan risiko utama dan dasar dan tindakan pengurusan risiko.
11.	Kelulusan perbelanjaan modal di atas Had Kuasa Kelulusan sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa.
12.	Kelulusan penghapusan hutang lapuk yang melebihi jumlah yang ditetapkan seperti yang ditentukan dari semasa ke semasa.
13.	Kelulusan pelaburan atau pelupusan dalam syarikat/perniagaan/harta/akujanji.
14.	Kelulusan pelaburan atau pelupusan projek modal yang mewakili kepelbagaian yang ketara daripada aktiviti perniagaan yang sedia ada.
15.	Kelulusan perubahan dalam aktiviti utama Perbadanan atau Kumpulan.
16.	Kelulusan dasar pelaburan dan mandat bank.
17.	Kelulusan Penandatanganan yang Diberi Kuasa dan Had-had Kelulusan Kuasa bagi Perbadanan.
18.	Mengkaji dan meluluskan syor-syor Jawatankuasa Pemantauan Lembaga Pengarah.

Piagam Lembaga Pengarah (sambungan)

PERKARA BERKENAAN RIZAB

Kewangan

19. Meluluskan penyata kewangan interim dan tahunan.
20. Kelulusan untuk pengumuman laporan kewangan.
21. Kelulusan Laporan Pengarah, Akaun Berkanun dan Penyata Tadbir Urus Korporat.
22. Kelulusan dividen interim, syor dividen akhir dan sebarang pengagihan yang lain.
23. Penggunaan dasar-dasar perakaunan.
24. Menyemak keberkesanan sistem kawalan dalaman Perbadanan.

Perkara Lain

25. Pemberian kuasa wakil undang-undang dan pelantikan, peletakan jawatan atau pemecatan wakil korporat atau proksi oleh Perbadanan.
26. Pematerian/pelaksanaan skim/instrumen hutang atau jaminan utama.
27. Saranan penggubahan Memorandum dan/atau Tataurus Penubuhan Perbadanan.
28. Perubahan tarikh rujukan perakaunan, pejabat berdaftar dan nama Perbadanan.
29. Peruntukan, penerbitan, pendaftaran atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan saham Perbadanan.
30. Skim pembinaan semula atau penstrukturan semula.
31. Meluluskan, membina dan/atau melaksanakan semua pembentangan, laporan atau mana-mana komunikasi penting kepada pemegang saham Perbadanan.
32. Sebarang keputusan perniagaan yang penting.
33. Sebarang perkara lain yang memerlukan diadakan mesyuarat agung pemegang saham atau mana-mana kelas pemegang saham.
34. Sebarang hal penting lain yang diperlukan oleh undang-undang atau pihak berkuasa pentadbiran.
35. Sebarang perkara lain yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah di bawah Had Kelulusan Kuasa Perbadanan.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

PENGURUSAN RISIKO PERUSAHAAN

Dalam situasi perniagaan masa kini yang kian mencabar, syarikat-syarikat perniagaan semakin terdedah kepada pelbagai ketidakpastian rentetan daripada keadaan peluang perniagaan dan risiko yang sentiasa berubah. Justeru, Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM) yang proaktif adalah amat penting dalam mewujudkan dan melindungi nilai pemegang kepentingan melalui penyepaduan sepenuhnya pengurusan risiko ke dalam struktur tadbir urus serta proses membuat keputusan sesebuah organisasi.

Selaras dengan pernyataan di atas, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) (seterusnya dirujuk sebagai "CGC") telah menerima pakai Rangka Kerja ERM untuk mentadbir perniagaan dan operasinya. Ini membolehkan CGC menangani pendedahan risiko organisasi dengan tersusun dan praktikal secara berterusan yang mencakupi risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi, risiko pematuhan, risiko strategik dan risiko reputasi. Rangka Kerja ERM menggariskan tadbir urus dan struktur, proses, akauntabiliti dan tanggungjawabnya pengurusan risiko di seluruh CGC. Ia turut memberikan kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan satu kaedah untuk menjangka dan menangani risiko sedia ada dan potensi, dengan mengambil kira perubahan persekitaran operasi dalaman dan luaran CGC. Kewujudan ERM dalam CGC turut membolehkan Pengurusan menangani ketidaktentuan dan risiko serta peluang yang berkaitan dengannya secara berkesan, di samping meningkatkan keupayaan untuk membina atau meninggikan nilai bagi pemegang kepentingan.

Objektif berikut adalah prinsip-prinsip yang menjadi panduan berkaitan pelaksanaan ERM di seluruh CGC:

- a) Memastikan supaya semua risiko yang dihadapi dikenal pasti, dipantau dan diuruskan dengan secukupnya.
- b) Memberi Lembaga Pengarah dan Pengurusan suatu pandangan perusahaan yang menyeluruh terhadap pendedahan risiko CGC, membolehkan CGC mengambil tindakan strategik untuk mengurangkan potensi kerugian.
- c) Memberi Lembaga Pengarah dan Pengurusan suatu pandangan perusahaan yang menyeluruh terhadap hubung kait antara risiko, kawalan dan cara bagaimana pengurangan pendedahan terhadap suatu risiko boleh meningkatkan atau memberi kesan kepada risiko yang lain.
- d) Menyediakan satu kaedah pengutamaan dalam kepelbagaian pengurusan risiko dan inisiatif kawalan.
- e) Memastikan supaya budaya pengurusan risiko diterapkan dan diamalkan secara konsisten di semua peringkat di dalam CGC dengan tujuan untuk membolehkan suatu pandangan yang tepat berhubung risiko-risiko yang boleh diterima.


Pencapaian ERM pada 2017

- 1. Penilaian Kredit Litar Pantas menerusi Skor Kad (Kelulusan secara automatik)
- 2. Pelaksanaan *Fraud Module in Anti Money Laundering and Counter Financing of Terrorism* (AM/CFT) 30 Mac 2017.
- 3. Kejayaan menyiapkan ujian Pelan Kesyinambungan Perniagaan di Ibu Pejabat dan semua cawangan CGC.
- 4. Semakan model peletakan harga produk untuk CGC.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (sambungan)

STRUKTUR TADBIR URUS ERM

Struktur tadbir urus ERM menyediakan kebertanggungjawaban dan tanggungjawab yang jelas dalam menguruskan risiko dalam CGC. Ini memastikan supaya aktiviti ERM sentiasa bersesuaian dan berhemah, dan supaya risiko-risiko penting sentiasa diuruskan dan dipantau. Struktur tadbir urus ERM CGC adalah seperti dalam gambar rajah di bawah:



a) Lembaga Pengarah (Lembaga)

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab utama ke atas hal-hal berkaitan ERM. Menerusi peranannya untuk menyemak, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan supaya semua risiko dalam CGC ditangani secara berkesan dan, pada masa yang sama, mengoptimumkan nilai pemegang saham dan pihak berkepentingan. Tanggungjawab utama Lembaga Pengarah termasuk meluluskan dasar berkaitan Rangka Kerja ERM CGC; memastikan supaya Pengurusan mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko; dan sebagai titik akhir di mana isu-isu penting berkaitan pengurusan risiko disampaikan. Lembaga Pengarah juga telah mewujudkan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC) untuk menyokong fungsi semakannya.

b) Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC)

BRMC adalah sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh para Pengarah Bukan eksekutif yang bertanggungjawab menyemak pendedahan risiko CGC. BRMC membantu Lembaga Pengarah mengenal pasti, menilai, mengurus dan mengawal risiko dalam bidang-bidang seperti kredit, pasaran, kecairan, operasi, perundangan dan risiko-risiko lain bagi memastikan supaya proses pengurusan risiko telah disediakan dan berfungsi dengan baik.


c) Jawatankuasa Peringkat Pengurusan

Jawatankuasa Peringkat Pengurusan dianggotai oleh pengurusan kanan yang bertanggungjawab menyokong BRMC dalam pelaksanaan rangka kerja ERM yang berkesan dan memastikan supaya ERM diterapkan dalam CGC. Dua (2) jawatankuasa pengurusan yang telah dibentuk untuk tujuan tersebut adalah:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) – mengawasi risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi, risiko pematuhan dan hal-hal berkaitan risiko strategik.
- ii. Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti (ALCO) – menilai, memantau dan meluluskan amalan berkaitan risiko disebabkan oleh ketidakseimbangan dalam struktur modal dan hal-hal berkaitan risiko mudah tunai.

TIGA BARISAN PERTAHANAN

CGC memastikan penglibatan semua jabatan dalam CGC untuk mengurus risiko dan ini digambarkan melalui konsep “3 Barisan Pertahanan” seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah:



Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

- Barisan Pertahanan 1: Jabatan Perniagaan dan Sokongan
 - Dalam menguruskan risiko, CGC meletakkan kebertanggungjawaban dan pemilikan bagi pengurusan risiko perusahaan harian sehampir mungkin dengan punca kemungkinan sesuatu risiko itu terjadi.
 - Terdiri daripada semua jabatan perniagaan dan sokongan yang merupakan pemilik risiko.
 - Bertanggungjawab melaksanakan objektif perniagaan masing-masing dan mengambil risiko dalam lingkungan dasar dan had yang diluluskan, piawaian seluruh CGC serta prosedur operasi standard yang diluluskan.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (sambungan)

- Barisan Pertahanan 2: Bahagian Pengurusan Risiko
 - Memastikan pengenalpastian, penilaian, pengukuran, pengumpulan dan laporan risiko ke peringkat jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan secara proaktif, tepat pada masa dan objektif.
 - Menyediakan gambaran menyeluruh dan bersepadu berkenaan risiko dalam CGC melalui struktur pengawasan ERM kepada jawatankuasa peringkat Lembaga Pengarah dan Pengurusan.
 - Memastikan pengawasan dan pengurusan risiko yang bebas wujud dalam CGC.
 - Menetapkan dasar, kaedah dan alat pengawalan risiko.
- Barisan Pertahanan 3: Audit Dalaman
 - Memberi jaminan bebas ke atas keberkesanan inisiatif, dasar dan kawalan ERM.

Dalam memperkukuhkan tadbir urus kawalan dalaman CGC, peranan dan tanggungjawab ketiga-tiga barisan pertahanan tersebut telah dinyatakan dan diasingkan secara jelas, dalam erti kata lain ia bebas antara satu sama lain. Ini adalah untuk mengelakkan kemungkinan percanggahan kepentingan antara “3 Barisan Pertahanan” dan untuk memastikan kebertanggungjawab.

PROSES ERM

Dalam melaksanakan ERM secara cekap dan berkesan, CGC mempunyai enam komponen yang saling berkaitan yang terhasil daripada cara pengurusan menjalankan operasi perniagaan dan disepadukan dengan proses-proses pengurusan. Komponen-komponen tersebut dipaparkan dalam kitaran ERM di bawah:



- Mengenal pasti Risiko – Mengenal pasti risiko yang timbul daripada objektif strategik CGC dan risiko yang boleh menghalang CGC daripada mencapai objektif strategiknya.
- Menilai Risiko – Menganalisis punca risiko dan menentukan kemungkinan dan akibat daripada pendedahan risiko. Mengutamakan risiko berdasarkan penarafan risiko.
- Mengurus Risiko – Mengenal pasti kawalan dan tindakan pengurangan untuk menguruskan risiko yang sering wujud dalam kecenderungan pengambilan risiko CGC. Menempatkan kawalan tersebut melalui penglibatan secara berterusan dengan pemilik risiko.
- Memantau dan Melaporkan Risiko – Memantau dan melaporkan risiko melalui pelbagai alat dan laporan ERM yang digunakan.
- Komunikasi Risiko – Bagi memupuk budaya yang diingini, pihak Pengurusan memastikan supaya strategi komunikasi yang berkesan diwujudkan untuk memberi kesedaran dan pemahaman secara umum kepada semua kakitangan mengenai proses ERM CGC serta untuk menyebarkan maklumat tentang hal-hal berkaitan risiko dalam CGC.

■ LAPORAN LEMBAGA JAWATANKUASA TADBIR URUS DAN AUDIT

1. KEHADIRAN MESYUARAT

Maklumat terperinci mengenai keahlian dan mesyuarat Lembaga Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit (BGAC) yang diadakan pada 2017 dinyatakan pada muka surat 112.

BGAC, sebahagian besarnya terdiri daripada pengarah-pengarah bebas bukan eksekutif (termasuk Pengerusi, Puan Nadzirah Abd. Rashid). Ini sejajar dengan amalan terbaik yang diguna pakai oleh CGC menerusi Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia yang menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit mestilah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) ahli dengan Pengerusi dan majoriti ahli sebagai pengarah bebas bukan eksekutif. Komposisi BGAC juga selaras dengan amalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) yang mana Pengerusi Jawatankuasa Audit bukan Pengerusi Lembaga.

Minit mesyuarat disediakan untuk setiap ahli bagi memberi maklumat terkini mengenai isu dan perkara-perkara penting yang dibincangkan pada mesyuarat BGAC.

2. PIHAK BERKUASA

BGAC mempunyai kuasa untuk mengaudit dan mengendalikan penyiasatan terhadap entiti organisasi dalam Corporation, dan juga terhadap mereka yang telah diberi mandat di bawah kontrak atau apa jua perkara dalam terma rujukan.

BGAC mempunyai kekuatan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsinya dengan berkesan, memiliki akses penuh dan tidak terhad kepada rekod, aset, kakitangan dan premis Corporation serta apa jua maklumat berkenaan Corporation. Ia juga boleh mendapatkan khidmat profesional bebas atau lain-lain nasihat (jika perlu).

BGAC memiliki saluran komunikasi langsung dengan Juruaudit Luar dan mereka yang mengendalikan fungsi Audit Dalam atau aktiviti serta boleh mengadakan mesyuarat dengan Juruaudit Luar (yang mana difikirkan perlu).

3. RINGKASAN AKTIVITI BGAC PADA 2017

Proses Audit Dalam

- a) Meluluskan Pelan Audit Tahunan dan semakan pertengahan tahun mengenai pelan masing-masing pada Februari dan Julai 2017, menyemak skop audit yang dirancang berdasarkan kepada penilaian risiko yang telah dikendalikan, keperluan sumber audit dan belanjawan perbelanjaan Audit Dalam.
- b) Meluluskan Indeks Prestasi Utama (KPI) untuk Ketua Juruaudit Dalam (CIA) dan penilaian prestasi tahunan CIA berserta pembayaran imbuhan.
- c) Menyemak dan meluluskan cadangan semakan Piagam Juruaudit bagi memastikan ianya selari dengan keperluan Institut Juruaudit Dalam (IIA). Piagam Juruaudit yang disemak semula ini telah dibentangkan oleh BGAC kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- d) Menyemak dan meluluskan cadangan perubahan Terma Rujukan untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- e) Membincangkan laporan audit, cadangan audit dan maklum balas pihak Pengurusan.
- f) Membincangkan laporan penyiasatan dan selepas memahami kes secara terperinci, mengarahkan pihak Pengurusan untuk melaksanakan kawalan bagi mengukuhkan persekitaran kawalan dan mengelakkan ia berulang.
- g) Menyemak kemajuan pelaksanaan MFRS 9 dan Laporan Pemberitahuan "Whistle Blowing" setiap suku tahun.
- h) Menyemak kemas kini mesyuarat Jawatankuasa Pematuan Audit (ACC) dan membincangkan tindakan pemulihan dan jangka masa yang diambil oleh pihak Pengurusan bagi memastikan kekhilafan adalah terkawal dan ditangani serta diselesaikan segera. BGAC turut membincangkan justifikasi yang diberikan oleh Pengurusan untuk menambah tempoh pemulihan dan meluluskan permohonan bahawa justifikasi boleh diterima.
- i) Menyemak minit mesyuarat ACC bagi memberi gambaran keseluruhan mengenai perbincangan dan tindakan pemulihan yang diambil oleh Pengurusan mengenai kawalan kekhilafan yang dikemukakan oleh Juruaudit Dalam.

Audit Luar

- a) Menyemak dan meluluskan pelan audit dan skop kerja Juruaudit Luar.
- b) Mengadakan dua (2) mesyuarat dengan Juruaudit Luar untuk menyemak pelan audit, keputusan kewangan dan bidang-bidang yang dikenalpasti menjadi kebimbangan.
- c) Bertemu dengan Juruaudit Luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan sebanyak dua kali bagi membincangkan isu yang relevan dan mendapatkan maklum balas untuk penambahbaikan.
- d) Menyemak dan mencadangkan kelulusan daripada Lembaga Pengarah mengenai yuran audit dan peruntukan perkhidmatan bukan audit oleh Juruaudit Luar adalah sejajar dengan prosedur yang telah disediakan, menilai sama ada perkhidmatan bukan audit berkenaan akan menjejaskan kebebasan dan matlamat Juruaudit Luar.
- e) Melengkapkan penilaian tahunan terhadap Juruaudit Luar yang meliputi prestasi, kebebasan dan objektiviti, sebelum cadangan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah terhadap pelantikannya semula.

Pelaporan Kewangan

- a) Menyemak penyata keputusan kewangan Perbadanan suku tahunan belum diaudit dan keputusan kewangan tahunan telah diaudit bagi memastikan keperluan pelaporan kewangan dan pendedahan mematuhi standard perakaunan, dengan tumpuan khusus kepada perubahan dalam dasar perakaunan, serta aktiviti atau transaksi yang ketara dan luar biasa.

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

4. RINGKASAN AKTIVITI UTAMA JABATAN AUDIT DALAMAN

- a) Mengendalikan audit dan penyiasatan terhadap Corporation, telah mengeluarkan 41 laporan sepanjang tahun kajian.
- b) Skop liputannya termasuk semua unit perniagaan dan sokongan. Bidang yang telah diaudit pada 2017 meliputi operasi cawangan, jabatan ibu pejabat, semakan sistem permohonan, pelan kontinjensi perniagaan dan latihan pemulihan bencana IT, serta semakan dan siasatan pematuhan.
- c) Mengendalikan pelbagai semakan spontan pematuhan, penyiasatan dan penilaian yang diminta oleh pengawal selia, Pengurusan dan BGAC. Sebanyak sepuluh (10) semakan telah dikendalikan pada 2017.
- d) Memantau dan membuat susulan terhadap pelaksanaan tindakan pembetulan oleh Pengurusan dan melaporkan status penemuan audit yang tertunggak pada setiap mesyuarat BGAC. Kelewatan yang tidak wajar dalam pelaksanaan pelan tindakan yang telah dipersetujui akan turut dikemukakan pada BGAC.
- e) Menyediakan minit mesyuarat ACC bagi penyerahan BGAC, serta bahan-bahan mesyuarat dan tindakan susulan terhadap perkara berbangkit.
- f) Menyemak dan menyediakan maklum balas terhadap perkara dan semakan baharu dasar-dasar Perbadanan, dengan memberi tumpuan, tetapi tidak terhad, kepada tadbir urus dan kawalan dalam menangani bidang-bidang berisiko.
- g) Menyokong BGAC dalam gerak kerja tahunan mengenai pelantikan Juruaudit Luar.
- h) Terlibat dalam gerak kerja Pengurusan Kesinambungan Perniagaan dan Pemulihan Bencana IT untuk mengukur dan menilai ketersediaan perniagaan/sistem untuk meneruskan/pulih (ketika berlaku bencana) dalam tempoh yang telah dipersetujui.
- i) Menyaksikan proses pembukaan tender untuk pemerolehan perkhidmatan atau aset bagi memastikan aktiviti-aktiviti dalam proses pengeluaran tender dilakukan dengan cara yang adil, telus dan konsisten.

5. LATIHAN

Disenaraikan dalam muka surat 114 dan 115 mengenai seminar dan latihan yang dihadiri oleh ahli Lembaga Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit untuk mendapat maklumat mengenai perkembangan terkini.

KEMAMPUAN DI CCGC



135 Penyata Kemampanan
146 Tanggungjawab Korporat

PENYATA KEMAMPAHAN

Kemampuan telah sentiasa menjadi sebahagian daripada budaya CGC dan kami berusaha untuk mencapai prestasi kewangan yang berterusan dan pertumbuhan yang tidak terganggu. Menyedari akan kepentingan kemampuan yang berterusan dalam nilai perniagaan kami, laporan kemampuan ini bertujuan untuk menggambarkan pendekatan strategik kami untuk menangani cabaran dan peluang yang berterusan dalam menyumbang kepada peningkatan perniagaan, persekitaran dan masyarakat.

Skop dan Metodologi

Melainkan dinyatakan sebaliknya, Laporan Kemampuan untuk Tahun 2017 meliputi komitmen CGC untuk menjalankan perniagaan secara bertanggungjawab melalui prestasi Ekonomi, Alam Sekitar dan Sosial (EES) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Untuk mengelakkan pertindihan kandungan, rujukan boleh dibuat untuk maklumat sedia ada yang terletak di tempat lain dalam Laporan Tahunan ini.

Tadbir Urus Kemampuan

Kepimpinan kami mengawasi penggabungan kemampuan dalam perniagaan CGC untuk mewujudkan nilai bagi pihak berkepentingan kami. CGC juga akan mewujudkan struktur tadbir urus jangka panjang yang akan membolehkan penggabungan tanggungjawab ke atas kemampuan dalam operasi harian. Ini juga akan mempertimbangkan proses pengurusan risiko sedia ada yang telah diamalkan oleh CGC, untuk memanfaatkan sinergi dan kecekapan daripada proses tadbir urus yang sedia ada.

Pendedahan dan Jaminan Luaran

Walaupun amalan mampan merupakan sebahagian daripada operasi harian CGC, kami masih berada di peringkat awal untuk membangunkan dasar kemampuan formal yang merangkumi semua bidang. Penyata Kemampuan ini tidak tertakluk kepada jaminan luaran. Kami sedang dalam proses menyelaraskan pengumpulan data kemampuan kami dan memantau aktiviti di seluruh CGC.

PENDEKATAN KAMI TERHADAP KEMAMPAHAN



“Kami komited untuk menerapkan kemampuan ke dalam strategi dan operasi perniagaan kami dan dalam langkah yang lebih besar. CGC akan memfokuskan usahanya untuk melaksanakan langkah-langkah bagi memastikan bahawa agenda kemampuan kami sejajar dengan strategi perniagaannya dan ia memberikan prestasi yang mampan bagi komponen EES.”



Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017


Penyata Kemampuan (sambungan)

PENILAIAN MATERIALITI

CGC masih belum menjalankan analisis materialiti formal untuk menentukan topik bagi Pihak berkepentingan luaran dan dalaman kami. Walau bagaimanapun, kami telah mengenal pasti beberapa risiko dalam bidang utama yang mungkin mempunyai kesan langsung atau tidak langsung terhadap keupayaan kami untuk mencipta, mengekalkan atau mengurangkan nilai EES. Risiko dan inisiatif untuk mengurangkan impak risiko ini diketengahkan dalam bahagian "Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman" dalam Laporan Tahunan ini.

ISU KEMAMPAHAN UTAMA

CGC telah mengenalpasti senarai perkara-perkara kemampuan yang berkaitan dengan Ekonomi, Alam Sekitar dan Sosial, yang dianggap relevan dengan perniagaan CGC. Dalam mengenal pasti isu-isu ini, CGC telah mempertimbangkan, antara lain, perkara-perkara berikut:



PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN

CGC mendefinisikan pihak berkepentingan sebagai perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS). Kami juga menganggap Bank Negara Malaysia (BNM) dan bank-bank perdagangan serta kementerian/agensi berkaitan, syarikat berkaitan kerajaan yang menjadi pemenang kontrak, Lembaga Pengarah CGC, kakitangan, pelanggan (PKS), persatuan/dewan perniagaan, pembekal/vendor, media dan orang awam sebagai pihak berkepentingan kami.

CGC mempunyai pelbagai saluran komunikasi formal dan tidak formal, untuk melibatkan semua pihak yang berkepentingan untuk memastikan mereka dimaklumkan mengenai inisiatif dan aktiviti CGC untuk memastikan matlamat akhir dipenuhi, (contohnya) jaminan, pembiayaan langsung dan khidmat nasihat yang ditawarkan CGC dimanfaatkan oleh PKS.

Pihak Berkepentingan	Cara Penglibatan	Kekerapan
Pemegang Saham (Bank Negara Malaysia ("BNM"))	1. Mesyuarat 2. Taklimat 3. Promosi Jalan	Berkala Tidak Dirancang Tidak Dirancang
Pemegang Saham	1. Mesyuarat Agung Tahunan (AGM)	Tahunan
Kementerian/Agensi-agensi	1. Bengkel/Seminar 2. Mesyuarat perhubungan 3. Acara-acara	Tidak Dirancang

Pihak Berkepentingan	Cara Penglibatan	Kekerapan
Perniagaan/Persatuan Perniagaan/Dewan Perniagaan	1. Bengkel/Seminar 2. Mesyuarat rangkaian 3. Acara-acara	Tidak Dirancang
Rakan Niaga (Institusi Kewangan)	1. Mesyuarat 2. Acara-acara 3. Majlis Makan Tengah Hari 4. Kerjasama Strategik	Tidak Dirancang
Vendor/Pembekal	1. Mesyuarat Formal 2. Sesi Perkongsian	Tidak Dirancang
PKS/Pelanggan	1. Bengkel 2. Sesi Bimbingan 3. Sesi Padanan Perniagaan 4. Pameran Antarabangsa 5. Pengurusan Maklum Balas Pelanggan 6. Acara-acara oleh CGC	Tidak Dirancang 1. Susulan segera dan mengembalikan panggilan pelanggan. PIAGAM PELANGGAN: 1. Pengakuan bertulis untuk maklum balas bertulis iaitu dalam tempoh satu (1) hari bekerja. 2. Keputusan/penutupan kes dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan maklum balas. 3. Sekiranya maklum balas bersifat kompleks, jangka masa yang lebih lama mungkin diperlukan dan pelanggan akan dimaklumkan dengan sewajarnya.
Kakitangan	1. Mesyuarat Dewan 2. Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan 3. Dialog 4. Intranet dan Buletin 5. Program Penglibatan Kakitangan	Suku Tahunan Tahunan Berkala Berkala Berkala
Akademik	1. Penyumberan Bakat	Tidak Dirancang
Media	1. Siaran akhbar 2. Sidang Media 3. Sesi Perhubungan/Majlis Makan Tengah Hari/Lawatan	Berkala
Komuniti	1. Laman Web 2. Laporan Tahunan 3. Lawatan, Seminar dan Aktiviti Bersama 4. Program Tanggungjawab Korporat	Harian Tahunan Tidak Dirancang Berkala

Penyata Kemampuan (sambungan)

PENGLIBATAN STRATEGIK

Skop aktiviti hubungan Kerajaan difokuskan pada pengukuhan hubungan dengan Kementerian dan agensi yang berkaitan untuk kepentingan CGC dan PKS. Skop ini termasuk melaksanakan skim yang disokong oleh kerajaan seperti Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i), Skim Jaminan Flexi, Skim Pembiayaan Francais, Kemudahan Bantuan Bencana 2017 (DRF) dan Kemudahan Bantuan Bencana-i 2017 (DRF-i).

MENDUKUNG AMALAN EKONOMI BAIK

Strategi Perniagaan yang Tertumpu

CGC sentiasa mengkaji strategi perniagaannya untuk memastikan pertumbuhan perniagaan yang mampan. Dengan mengekalkan pendekatan yang berfokus ini, CGC mampu menampung persekitaran ekonomi dan perniagaan yang semakin berkembang. Untuk mengetahui arah strategik keseluruhan CGC serta prestasi kewangan dan operasinya, sila rujuk bahagian "Pernyata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif" (Pernyata PCEO) dalam Laporan Tahunan ini.

Kerjasama Strategik

Sebagai sokongan kepada pembangunan PKS, CGC terus memeterai kerjasama strategik dengan rakan strategik yang pelbagai, untuk memberi peluang kepada PKS, dengan akses pembiayaan yang berterusan. Bagi tahun dalam kajian, CGC telah membuat perjanjian-perjanjian seperti berikut:

1. Kerjasama khas dengan Dewan Perniagaan Melayu; iaitu Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dan Persatuan Pedagang dan Peniaga Melayu Malaysia (PERDASAMA), sebagai satu cara untuk mencapai usahawan Bumiputera wanita, dalam satu siri yang terdiri daripada enam (6) sesi promosi jalanan.
2. Pada 27 Januari 2017, CGC dan Bank Simpanan Nasional (BSN) telah menandatangani perjanjian Jaminan Portfolio (PG) untuk memanfaatkan pembiayaan sehingga RM50 juta kepada perusahaan mikro. Ini adalah PG yang pertama di Malaysia dalam menyokong segmen perniagaan mikro.
3. Pada 22 Mac 2017, CGC dan AmBank (M) Berhad (AmBank) menandatangani perjanjian Jaminan Portfolio PKS (PG) untuk meningkatkan lagi tumpuan strategik dalam membangun dan membiayai segmen PKS di Malaysia melalui Perbankan PKS AmBank. Perjanjian ini merupakan kesinambungan kerjasama strategik antara AmBank dan CGC.
4. Pada 13 Ogos 2017, CGC telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang melibatkan empat (4) pihak untuk memberi jaminan kewangan kepada sub-kontraktor domestik yang layak melalui skim Bizjamin-i untuk Projek Lebuhraya Pan Borneo, Sarawak.
5. Pada 18 Ogos 2017, CGC telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Strategik dengan RHB Islamic Bank Berhad, menjadikannya bank pertama di negara ini untuk menyediakan Jaminan Borong Islam (WG-i) Bumi, skim bagi PKS Bumiputera. Perjanjian itu memberikan peluang tambahan kepada Bank untuk memperluaskan pakej pembiayaannya kepada PKS Bumiputera yang layak.
6. Pada 21 November 2017, CGC dan AmBank meneruskan kerjasama mereka dengan menandatangani perjanjian, untuk membantu lagi PKS Malaysia memperoleh akses kepada pembiayaan aset.

Perkongsian Pengetahuan dan Rangkaian

Perkongsian pengetahuan CGC dan aktiviti perhubungan perniagaan telah membawa hasil berikut:

1. Menganjurkan Bengkel Bimbingan mengenai topik seperti “Pemasaran Digital”, “Memperoleh Akses Pasaran” dan “Mengoptimumkan Kos Perniagaan” di semua rantau di Malaysia. Penceramah yang diundang adalah pakar industri dari Grab, Air Asia, Digi Telecommunications, Mydin Wholesale, Dana Pembangunan Sumber Manusia (HRDF), usahawan yang berjaya dan ramai lagi. Lebih daripada 1,126 PKS telah mendapat manfaat daripada Sesi Perkongsian Pengetahuan dan Sesi Perhubungan Perniagaan CGC di bengkel yang dianjurkan.
2. Sebanyak 15 PKS mendapat manfaat daripada penyertaan mereka dalam inisiatif akses pasaran tempatan dan antarabangsa (cth. Pasar raya besar di Malaysia dan pameran perdagangan luar negara).
3. Sejumlah 176 taklimat, pameran dan promosi jalanan telah diadakan, sebagai satu cara untuk mencapai PKS secara besar-besaran.

Amalan Pasaran Telus

Kami turut mengamalkan dasar dalam operasi harian kami untuk menegakkan tadbir urus, ketelusan dan kelakuan pasaran yang baik.

- Penyata Tadbir Urus Korporat yang membentangkan kerja-kerja Lembaga Pengarah diterbitkan dalam Laporan Tahunan CGC;
- Satu Kod Tatalaku yang menekankan etika perniagaan berkenaan dengan urusan antara kakitangan CGC dan pelanggan;
- Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat (dikemaskini pada bulan November 2016) dan diterbitkan di laman sesawang CGC, ditambah dengan Rangka Pengurusan Fraud dan Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat, yang akan dibaca bersama satu sama lain, meliputi perkara-perkara salah laku.

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017



Penyata Kemampuan (sambungan)

Penetapan Harga Produk Mampan CGC

CGC terus menggunakan model harga yang mampan dan relevan dengan keperluan pasaran semasa. Model penetapan harga seperti produk Jaminan Portfolio/Jaminan Borong (PG/WG) dan produk Berisiko Penuh/Risiko Berkongsi ditetapkan bersama JP Wall Consulting Partners (JP Wall).

Model-model di atas akan diguna pakai untuk tujuan menanda aras pengiraan kos perkembangan produk CGC. Model-model ini dibangunkan dengan mengambil kira pengalaman tuntutan serta perbelanjaan lain yang ditanggung. Cadangan ini telah dibincangkan dan disahkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Khas ke-3 yang diadakan pada 6 Mac 2018.

Model Penetapan Harga Semasa

Model penetapan harga semasa yang diamalkan oleh CGC adalah seperti berikut:

a) Produk Jaminan Portfolio/Borong (PG/WG).

Model penetapan harga dalaman yang dibangunkan untuk PG/WG dirangka dan disesuaikan berdasarkan pengalaman lalai, berpandukan mandat keuntungan minimum 2.7% [berdasarkan kelulusan BRMC ke-44 (14 September 2016)]. Sebelum BRMC ke-44, mandat keuntungan adalah pada 5.0%. Konsep yang sama digunakan untuk WG kecuali ia telah dilancarkan dengan objektif jangkaan untuk menembusi pasaran dan juga menawarkan bantuan modal untuk Institusi Kewangan. Oleh itu, harga ditetapkan mengikut pulangan modal WG. Pertama kali dirangka pada tahun 2009, model ini telah digunakan dan telah mengalami pengubahsuaian, agar sesuai dengan perubahan pada struktur portfolio dan mekanisme strategi harga.

b) Produk Jaminan Risiko Penuh/Berkongsi.

Model ini dibangunkan bersama JPWALL dengan menggunakan tahap penarafan risiko sebagai penentu untuk bayaran jaminan. Produk Risiko Penuh dan Risiko Berkongsi kini ditetapkan harga mengikut Model Penilaian Risiko Dalaman (IRRM) dengan penarafan risiko yang digunakan secara individu. Sejak itu, IRRM telah dibangunkan semula pada 2016 di bawah Sistem Pemarkahan Blaze yang dibangunkan dengan FICO (Fair Isaac Corporation).

Pada tahun 2016, pihak Pengurusan memutuskan untuk mengkaji semula kaedah penetapan harga, memberi laluan kepada model harga yang lebih tepat dan mantap melalui perkongsian dengan JP Wall.

Julat Harga Produk Semasa

Risiko Penuh	Risiko Dikongsi	PG/WG	Pembiayaan Langsung: Pinjaman Asas/Kadar Pembiayaan
0.8% ke 6.0% setahun	0.8% ke 4.2% setahun	1.4% ke 5.5% setahun	6.9% +(0.2% ke 1.7%)

(Harga semasa tidak mengambil kira kos operasi atau kos perbelanjaan lain ketika harga ditetapkan)

Secara ringkasnya, strategi harga untuk CGC akan dibimbing oleh prinsip kemampuan berdasarkan peranan perkembangan CGC untuk PKS.

Anugerah Perniagaan dan Penghargaan

CGC terus mendapat pengiktirafan industri bagi pencapaiannya dalam beberapa bidang. Bagi tahun dalam kajian, kami telah menerima pelbagai anugerah dan penghargaan sebagai pengiktirafan komitmen kami terhadap kecemerlangan perniagaan. Ini termasuk:

1. Anugerah ADFIAP 2017 – Anugerah Merit tersebut telah diberikan untuk Jaminan Portfolio (PG) bagi Perusahaan Mikro (kategori rangkuman kewangan) dan Laporan Tahunan Terbaik (Kategori Anugerah Khas).
2. Sijil Merit Kewangan Mampan Karlsruhe 2017 – TPUB-i MRT
3. Ketua Pegawai Eksekutif Terbaik ADFIAP 2018
4. Anugerah TalentCorp Career Comeback ReIGNITE.



MENDUKUNG AMALAN PERSEKITARAN BAIK

CGC sentiasa sedar akan kemampanan alam sekitar. Dalam menjalankan operasi harian CGC, kami komited untuk memelihara alam sekitar melalui usaha tidak langsung seperti menjalankan aktiviti-aktiviti yang memupuk kesedaran alam sekitar.

Penyata Kemampuan (sambungan)

MENDUKUNG AMALAN SOSIAL YANG BAIK

Amalan Buruh dan Kerja yang Baik

Pertumbuhan CGC pada tahun-tahun kebelakangan ini telah mewujudkan persekitaran kerja baru yang merupakan rumah kepada tiga generasi yang berbeza, persekitaran yang sangat penting bagi CGC untuk menyesuaikan diri dengan perubahan realiti perniagaan di pasaran yang kami beroperasi. Kami menawarkan cadangan nilai kakitangan yang disesuaikan berdasarkan pembangunan, ketelusan dan fleksibiliti, yang membolehkan kami menarik dan mengekalkan bakat, serta memastikan pertumbuhan dan perkembangan kakitangan kami yang berbakat, berorientasikan pasukan yang mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang sentiasa berubah.

i. Pembangunan

CGC komited kepada pembangunan kakitangan, menawarkan mereka kerjaya profesional yang menarik dan menyelaraskan keupayaan dan kemahiran mereka dengan keperluan semasa dan masa depan CGC. Pertumbuhan dan perkembangan perniagaan CGC telah membawa kepada pelaburan bakat yang berpotensi, yang dapat menyumbang kepada penciptaan nilai. Objektif kami adalah untuk menarik orang yang berbakat dan mewujudkan peluang bagi kakitangan semasa melalui mobiliti dan tindakan pembangunan untuk meningkatkan potensi kakitangan kami. Strategi Sumber Manusia menyokong inisiatif yang berbeza untuk memberi mereka pengenalan dan memupuk pembangunan profesional mereka di dalam syarikat. Punca pembangunan di CGC adalah program mobiliti, latihan dan pembangunan serta bengkel.

ii. Ketelusan

Di CGC, kami berusaha untuk menarik, mengintegrasikan dan membangunkan kakitangan kami yang cemerlang dalam kerja mereka untuk menjadikan CGC sebagai “pilihan pertama untuk pekerja” dalam pasaran buruh.

iii. Fleksibiliti:

Sebagai sebahagian daripada cadangan nilai kami di CGC, kami menawarkan pakej imbuhan kompetitif, sejajar dengan amalan terbaik di pasaran. Di samping itu, kami memahami pentingnya mengekalkan keseimbangan di antara kerja dan kehidupan harian (WLB). Kami percaya bahawa WLB adalah tanggungjawab bersama. Kami berusaha untuk terus memperbaiki langkah-langkah WLB dan memberikan manfaat yang optima kepada pekerja.

Sebagai tambahan kepada ketiga-tiga tonggak ini, menjamin kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan kakitangan kami adalah keutamaan di CGC.

Komposisi tenaga kerja CGC adalah seperti berikut:-

	2017	2016	2015
Jantina			
Lelaki	204 (38%)	200 (37%)	204 (38%)
Perempuan	333 (62%)	335 (63%)	335 (62%)
Pendidikan			
Ijazah dan Ke Atas	433 (81%)	413 (77%)	417 (77%)
Diploma dan Pensijilan	58 (11%)	64 (12%)	64 (12%)
Lain-lain	46 (8%)	58 (11%)	58 (11%)
Umur			
Melebihi 50 tahun	39 (7%)	38 (7%)	34 (6%)
Bawah 50 tahun	498 (93%)	497 (93%)	505 (94%)

	2017	2016	2015
Jenis Pekerjaan			
Kekal	519 (97%)	523 (98%)	528 (98%)
Kontrak	18 (3%)	12 (2%)	11 (2%)
Jenis Kemahiran			
Teknikal	Tiada	Tiada	Tiada
Bukan-Teknikal	Tiada	Tiada	Tiada
Jumlah Tenaga Kerja	537 kakitangan	535 kakitangan	539 kakitangan

Penglibatan dan Pengiktirafan Kakitangan

- Memandangkan hubungan di antara kakitangan dan organisasi adalah amat penting, CGC sentiasa berinteraksi mendorong dan menghargai tenaga kerja kami. Sebagai contoh, Majlis Makan Malam Tahunan diadakan pada suku akhir tahun 2017; di mana semua kakitangan CGC dan Lembaga Pengarah telah dijemput untuk menghadiri acara tahunan yang bertemakan 'Fiesta Warna'. Kakitangan yang cemerlang diberikan penghargaan dengan Anugerah pada malis itu. Di antara anugerah yang diberikan ialah Anugerah Pencapaian Jualan untuk kakitangan yang telah mencapai sasaran jualan mereka, Anugerah Penghargaan Perkhidmatan kepada mereka yang telah berkhidmat dengan CGC lebih daripada 10, 20 dan 30 tahun. Buat pertama kalinya, seorang kakitangan CGC telah menerima Anugerah Penghargaan Perkhidmatan '40 tahun' dari CGC.
- Satu lagi aktiviti penglibatan baru juga telah diperkenalkan dan diadakan pada suku akhir tahun 2017 iaitu Hari Penghargaan CGC yang berlangsung selama 2 hari. Matlamat acara ini adalah untuk membangunkan budaya memberi, saling menghargai satu sama lain, mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan menggalakkan semangat kekitaan di CGC. Sambutan amat menggalakkan dan 1,700 hadiah diedarkan kepada Ibu Pejabat dan kakitangan cawangan di seluruh negara.

Pembelajaran dan Pembangunan

- Dalam memperkukuhkan matlamat CGC untuk menjadi Organisasi Berprestasi Tinggi, tahun 2017 telah menyaksikan perubahan dalam budaya pembelajarannya, mewujudkan pertumbuhan pembelajaran yang lebih dominan, memberikan peluang yang lebih luas kepada kakitangan untuk belajar, membangun dan maju dalam kerjaya mereka. Penekanan diberikan terhadap kesan latihan, dengan tumpuan utama pada Kandungan Program dan Pengubahsuaian Berkualiti Tinggi; serta Penilaian Selepas Latihan. Jurang Kecekapan keseluruhan CGC diselaraskan sebanyak 15% melalui pencapaian 100% Jangkauan dan Latihan Kakitangan pada tahun kedua. Ini telah meningkatkan Kecekapan keseluruhan CGC pada tahun 2016, dari 80% hingga 95% dengan 63 Program Latihan Dalaman dan 93 Program Latihan Luaran yang dianjurkan dan berjaya dilaksanakan, dipuratakan kepada kira-kira 5.5 latihan sehari bagi setiap kakitangan, prestasi Kakitangan individu telah meningkat dengan purata 21% melebihi sasaran amalan terbaik industri sebanyak 15%.
- CGC berusaha untuk sentiasa mendahului rakan seindustri melalui inovasi berterusan dalam proses-proses yang mampu meningkatkan kecekapan. Sebagai tambahan kepada Penilaian Kirk Patrick 4 Tahap, HCD mencipta 'Penilaian Interim Tahap 1' di mana kandungan program yang dibincangkan dari semasa ke semasa dan dipantau secara teliti walaupun semasa pelaksanaan latihan untuk memastikan subjek dan isu yang berkaitan sedang ditangani dengan sewajarnya. Kualiti Premium dalam setiap Program Latihan yang dibangunkan dan dilaksanakan dijangka dengan kepentingan yang tinggi.
- Keselamatan, Kesihatan dan Kesejahteraan kakitangan sentiasa menjadi keutamaan kepada CGC. Prinsip kami adalah untuk membantu kakitangan berprestasi pada tahap potensi penuh mereka. Barisan penuh Pegawai CPR terlatih dan Pembantu Pertama ditempatkan secara strategik di setiap tingkat di Ibu Pejabat CGC; serta cawangan, untuk memastikan bahawa tempat kerja adalah persekitaran yang sihat dan selamat.

Penyata Kemampuan (sambungan)



- Dalam mencapai Matlamat organisasi, Jabatan Modal Insan terus menyokong hala tuju organisasi dan rancangan strategik organisasi. Oleh itu, pelaksanaan SYSP telah dikaji semula di sesi 'Perbincangan bersama Pengurusan Kanan' yang dianjurkan pada Oktober 2017. Perbincangan ini menyatukan para pemikir CGC dan aspirasi untuk mencapai Pelan ini dibentangkan.

Pengurusan Bakat Secara Strategik

- Pengurusan Bakat merupakan komponen penting dalam proses perancangan penggantian CGC untuk memastikan CGC dapat mengisi kedudukan utama dengan bakat dalaman yang layak. Ia melibatkan proses mengenal pasti calon berpotensi dan menyediakan mereka dengan siri program pembangunan.
- Ia adalah matlamat CGC bagi memanfaatkan modal intelektual yang tepat yang terdapat pada tenaga kerja yang pelbagai sehingga kami dapat memastikan kesinambungan perniagaan dan ketersediaan para pemimpin yang bersedia untuk penggantian Pengurusan.
- Oleh itu, sejajar dengan strategi modal insan untuk membina organisasi berprestasi tinggi menjelang 2020, adalah aspirasi kami bahawa, kami mampu melahirkan kumpulan tenaga kerja untuk mengisi kekosongan jawatan dalam organisasi.
- Golongan berbakat yang telah dicalonkan berdasarkan prestasi dan pencapaian, dinilai potensi kepimpinan mereka/kepakaran fungsi dan keperluan pembangunan bagi mempercepatkan pembangunan dan kesediaan untuk kekal dalam perancangan kepimpinan.
- Pada 2017, nisbah minima 1:1 untuk perancangan penggantian telah dirangka di mana kumpulan berbakat yang layak telah dinamakan dan dikenal pasti berdasarkan prestasi dan pencapaian mereka. Penilaian bakat telah dijalankan untuk mengukur kepimpinan dan kepakaran mereka.



MASYARAKAT/KOMUNITI

Kami sentiasa komited untuk memberi kesan positif kepada komuniti di mana kami beroperasi. Daripada memberi sokongan kepada sekolah dan anak-anak sekolah, kepada memberi sokongan wang tunai dan barangan keperluan kepada organisasi amal dan individu kurang upaya, menyebarkan kegembiraan semasa perayaan-perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Keamatan, Hari Gawai dan Krismas, CGC fokus dalam usaha memupuk masyarakat dan membangunkan masa depan yang mampan bagi mereka. CGC berinteraksi dengan pihak sekolah, masyarakat setempat, organisasi amal dan kumpulan berkepentingan lain untuk menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Pada tahun 2017, CGC telah memperuntukkan lebih kurang RM400,000 untuk program pembangunan dan jangkauan komuniti. Ini termasuk pelancaran 18 Program Tanggungjawab Korporat (CR) dengan kerjasama pelbagai badan amal dan Badan Bukan Kerajaan.

Senarai aktiviti CR seperti yang dinyatakan di atas boleh didapati di bahagian "Tanggungjawab Korporat" dalam Laporan Tahunan ini.

MEMBINA MASA DEPAN YANG MAMPAN

CGC komited untuk menerapkan kemampanan dalam setiap strategi dan operasi perniagaannya. CGC juga akan menumpukan usahanya untuk melaksanakan langkah-langkah bagi memastikan agenda kemampanan sejajar dengan strategi perniagaan kami dan ia memberikan prestasi yang mampan dalam bidang EES. Akhir sekali, cita-cita CGC adalah untuk mengimbangi prestasi ekonomi yang baik dengan pertimbangan alam sekitar dan sosial yang bertanggungjawab untuk jangka masa panjang sehingga CGC muncul sebagai salah satu contoh kepada syarikat korporat lain dalam mempromosikan dan melaksanakan tanggungjawab korporat yang berkesan.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

AKTIVITI PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN

BENGKEL DAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR YANG DIADAKAN OLEH CGC

1. Lawatan oleh mantan Timbalan Menteri Kewangan 1, Dato' Wira Othman Aziz ke CGC (12 Januari)
2. Lawatan sambil belajar oleh Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun (METI) dan Perbadanan Kewangan Jepun (JFC) (24 Januari)
3. Lawatan sambil belajar oleh Kementerian Perindustrian dan Perdagangan Lao PDR (22 Februari)
4. Kunjungan Hormat Setiausaha Kontraktor dan Bahagian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kerja Raya Malaysia (2 Mei)
5. Lawatan sambil belajar oleh Kementerian Ekonomi dan Kewangan (MEF), Kemboja (25 Julai)
6. Kunjungan Hormat Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC) dan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) (29 September)
7. Lawatan sambil belajar oleh Delegasi Zimbabwe dan Afrika Selatan (9-11 Oktober)

3. Bekerjasama dengan MATRADE untuk menyertai Canton Fair ke-121 yang diadakan di Guangzhou, China (30 April)
4. Taja Majlis Anugerah Golden Eagle (GEA) 2017 oleh Nanyang Siang Pau (23 Mei dan 17 November)
5. Mengambil bahagian dalam Sidang Kemuncak Perbankan Malaysia ke-21 (25-26 Mei)
6. Mengambil bahagian dalam Forum Ekonomi NCCIM (8 Ogos)
7. Mengambil bahagian dalam GLC ExplorAce (8 Ogos)
8. Mengambil bahagian dalam "Tunas Usahawan Belia Bumiputera" (TUBE 4.0) Perbadanan PKS Malaysia – (7 & 20 Oktober)
9. Mengambil bahagian dalam acara Bumipreneurs of Tomorrow (BAHTERA) yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan (14-15 Oktober)
10. Mengambil bahagian dalam Forum Ketua Pegawai Eksekutif Antarabangsa yang dianjurkan oleh ADFIM & ADFIAP (25 Oktober)
11. Mengambil bahagian dalam Program PERDASAMA – EXPLOREASEAN (25 Oktober)
12. Mengambil bahagian dalam Konvensyen Integriti Nasional 2017 (9 November)
13. Mengambil bahagian dalam Pameran dan Persidangan Tahunan PKS – SMIDEX 2017 (16 November)

JALINAN KERJASAMA DAN PENYERTAAN

1. Mengambil bahagian dalam BizFest PKS TM 2017 (14 Februari)
2. Mengambil bahagian dalam Pelancaran Rasmi Anugerah Perniagaan Cemerlang Bintang 2017 (27 April)

7 JANUARI 2017: CGC ANJUR FORUS 'RETAILING IN A DIGITAL ERA' DENGAN KERJASAMA KLSCCI



Dimoderasikan oleh Yeoh Chen Chow (tengah), ahli panel – Tan Thiam Tock (kiri) dan Clarence Leong Chee Yee (kanan) sedang menjawab pertanyaan daripada para peserta.

CGC dengan kerjasama Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCI) telah menganjurkan program 'Retailing in a Digital Era' bertempat di Bangunan CGC, Kelana Jaya, Selangor. Seramai 100 peserta yang terdiri daripada PKS, termasuk ahli KLSCCI menyertai forum itu.

Ahli-ahli panel terdiri daripada Tan Thiam Tock, Pengasas 'Silkygirl' dan Clarence Leong Chee Yee, Pengasas 'Mudah Parcel'. Forum itu dimoderasikan oleh Yeoh Chen Chow, pengasas bersama KFit dan Fave (sebelum ini dikenali sebagai aplikasi 'Groupon').

Forum ini bertujuan untuk mendedahkan PKS kepada teknologi digital supaya celik 'IT', sejajar dengan keperluan pasaran semasa.

13-15 JANUARI 2017: KARNIVAL KEWANGAN 2017



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak dengan Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Muhammad bin Ibrahim melawat pameran CGC di Karnival Kewangan Kuala Lumpur.



Cawangan Kota Kinabalu CGC bersama Ketua Menteri Sabah pada masa itu, YAB Datuk Musa Haji Aman (ke-8 dari kiri), Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Muhammad bin Ibrahim (ke-7 dari kiri), dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd. Zamree Mohd Ishak (ke-9 dari kanan) di pameran CGC semasa Karnival Kewangan Sabah di Pusat Membeli-belah Suria Sabah.



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (kanan) dengan Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg (tengah) dan Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Muhammad bin Ibrahim (kiri) di Karnival Kewangan Sarawak.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (ke-4 dari kanan), Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian dan Pelaburan, Perdagangan Domestik, Hal Ehwal Pengguna dan Koperasi dan Segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) Datuk Dr Ku Abdul Rahman Ku Ismail (tengah), Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Muhammad bin Ibrahim (ke-4 dari kiri), dengan kakitangan dari Cawangan CGC Alor Setar semasa Karnival Kewangan Kedah.

CGC mengambil bahagian dalam "Karnival Kewangan", yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Kuching, Alor Setar pada Januari, Ogos, November 2017 dan Januari 2018. Bertemakan "Your Financial Needs Matters", Karnival yang berlangsung selama 3 hari itu bertujuan untuk memaklumkan dan mendidik orang ramai mengenai perkara-perkara kewangan, termasuk perkhidmatan sedia ada yang dapat membantu kedua-dua individu dan perniagaan, dalam menguruskan urusan kewangan mereka dengan cara yang lebih berkesan. CGC menyertai karnival tersebut sebagai salah satu daripada peserta pameran.

Karnival itu turut disertai oleh institusi dan agensi kewangan yang menawarkan pelbagai aktiviti dan peluang yang berkaitan dengan kewangan. Ini termasuk kemudahan untuk membuka akaun bank, bantuan dalam permohonan pinjaman, pemeriksaan CCRIS, nasihat dalam pengurusan hutang (oleh AKPK dan Skim Penyelesaian Hutang Kecil), platform yang membolehkan pengguna untuk mencari penyelesaian, peluang-peluang untuk PKS inovatif untuk mengemukakan cadangan perniagaan dan juga sesi ceramah berkumpulan. CGC mempamerkan produk dan perkhidmatannya termasuk yang ditawarkan oleh anak syarikatnya, Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd.

Tanggungjawab Korporat (sambungan)

30 MAC 2017: CGC ANJUR CERAMAH BERSAMA SME CORPORATION MALAYSIA



Cawangan Seremban CGC telah menganjurkan sesi ceramah dengan SME Corp Malaysia mengenai langkah-langkah penting yang perlu diambil oleh PKS untuk mendapatkan pinjaman kewangan. Seminar itu diadakan di pejabat SME Corp Malaysia di Negeri Sembilan. Seramai 19 PKS menghadiri ceramah tersebut.

Ceramah itu dirasmikan oleh Pengarah SME Corp Malaysia (Negeri Sembilan), Faiz Ramzi dan Setiausaha PERDASAMA, Mohd Edi Rizal Ramli.

11 APRIL 2017: KONVENSyen USAHANITA BINAAN (KUBINA) 2017



'Konvensyen Usahanita Binaan' (KUBINA), yang dianjurkan oleh Kementerian Kerja Raya, berfungsi sebagai platform untuk menyatukan profesional wanita dan usahawan wanita di bawah satu rangkaian perniagaan yang lebih baik. Ia bertujuan untuk mewujudkan persekitaran interaktif secara intelektual dan proaktif, yang kemudiannya akan dapat membuka potensi perniagaan dan perusahaan sedia ada melalui peluang baru; serta menjadi pusat penerokaan dan pertukaran pengetahuan dan kepakaran di kalangan usahawan. CGC mengambil bahagian dalam acara tersebut sebagai salah satu panel pembicara.

23 MAC 2017: CGC MENGANJURKAN HARI TERBUKA DAN SEMINAR PEMADANAN PERNIAGAAN UNTUK PKS DENGAN KERJASAMA MYDIN



CGC telah menganjurkan seminar yang dikendalikan oleh Norman Rajen Abdullah, Pengurus Besar Import dan Eksport Mydin Malaysia serta sesi pepadanan perniagaan di Bangunan CGC. Bertujuan untuk menggalakkan PKS dalam meningkatkan kebolehpasaran produk mereka dan pengembangan perniagaan pada skala yang lebih besar, sesi tersebut telah disertai lebih 30 PKS mewakili sektor perkilangan.

13 APRIL 2017:

SIRI BENGKEL CGC: BENGKEL MENDAPATKAN AKSES PASARAN



Ustaz Muhamad Elyas Harun, Jurulatih Industri Halal profesional, Pakar Perunding dan pakar mata pelajaran berkongsi pengetahuannya dengan para peserta mengenai mekanisme Pensijilan Halal.

Dengan kerjasama Yayasan Steinbeis Malaysia, CGC telah menganjurkan bengkel satu (1) hari mengenai bagaimana kedua-dua pihak dapat bekerjasama dalam membantu PKS untuk mendapatkan akses pasaran, dalam mempromosikan produk dan/atau perkhidmatan mereka kepada orang awam.

Bengkel 'Mendapatkan Akses Pasaran' adalah salah satu daripada inisiatif di bawah Program Pembangunan CGC, yang direka khusus untuk PKS yang mempunyai potensi untuk menembusi pasar raya besar. Bengkel satu (1) hari yang diadakan di Kuantan, Pahang disertai lebih daripada 50 PKS. Selain dari Kuantan, CGC turut menganjurkan bengkel yang serupa di Melaka pada bulan Julai, Ipoh pada bulan Ogos, Kota Kinabalu pada bulan November 2017 dan Kuching pada bulan Mac 2018

22 APRIL 2017:

CGC MENGANJURKAN CERAMAH BERTAJUK "PERKONGSIAN EKONOMI"



Nadhir Ashafiq berkongsi kisah kejayaannya dengan para peserta.

CGC bekerjasama dengan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCI) untuk menganjurkan perbincangan bagi mendidik PKS tentang keadaan ekonomi dan arah ekonomi negara yang semakin berubah dan apa yang boleh dijangkakan pada bulan April bagi tahun itu. Perbincangan itu diadakan di Bangunan CGC, Kelana Jaya, Selangor yang disertai PKS dan usahawan baru.

Penceramah yang diundang ialah Wan Khye Theng, Pengurus Operasi untuk GrabCar & GrabTaxi dari aplikasi terkenal – Grab Malaysia; serta, Nadhir Ashafiq, pengasas bersama dan Pengarah Eksekutif 'The Lorry' – sebuah platform logistik permintaan yang menumpukan kepada menghubungkan pelanggan mereka dengan pilihan kenderaan mereka, dari lori ke van dan pemandu 4x4.

CGC juga menganjurkan bengkel Pemasaran Digital seperti "Ruang Kerja Bersama" yang diadakan pada bulan Julai dan "Go Digital Talk" pada bulan November 2017.

1-5 MEI 2017:

CGC MEMBAWA PELANGGAN KE PESTA CANTON KE-121



CGC mengambil bahagian dalam Pesta Canton ke-121 yang diadakan di Guangzhou, China dan membolehkan (2) pelanggannya yang berpotensi tinggi untuk menyertai pameran perdagangan. PKS mempamerkan produk mereka semasa pameran tersebut dan menerima maklum balas yang positif daripada penduduk tempatan di sana. Pesta Canton juga merupakan satu platform yang hebat untuk PKS mewujudkan perhubungan yang lebih baik dengan ahli-ahli perniagaan dari China serta kemunculan pasaran baharu yang lain.

Tanggungjawab Korporat (sambungan)

25 MEI 2017:

CGC ANJUR BENGKEL 'MENGOPTIMUMKAN KOS PERNIAGAAN' UNTUK PKS



Naib Presiden Perikatan Strategik, Penasihat dan Penjenamaan CGC, Jenny Hoh Chiew Moi, menyampaikan ucapan pembukaan dalam bengkel tersebut.

CGC, dengan kerjasama Yayasan Steinbeis Malaysia; satu inisiatif Agensi Inovasi Malaysia (AIM), menganjurkan bengkel berkongsi pengetahuan selama setengah hari mengenai 'Mengoptimumkan Kos Perniagaan' untuk PKS di Pulau Pinang.

'Mengoptimumkan Kos Perniagaan' merupakan satu lagi inisiatif di bawah Program Pembangunan CGC, yang bertujuan untuk membantu melengkapkan PKS berasaskan pandangan yang berharga tentang cara seseorang dapat mengurangkan kos yang ditanggung semasa menjalankan operasi, perniagaan mereka idea; serta teknik yang akan membolehkan mereka dalam mengoptimumkan model perniagaan yang dilaburkan, ke kapasiti maksimumnya.



Bengkel ini terdiri daripada tiga (3) topik utama – Mengoptimumkan Perniagaan menggunakan Perakaunan Awan, Pengurusan yang Cekap untuk PKS dan akhirnya, cara rekod pembayaran yang baik dapat menyelamatkan perbelanjaan perniagaan seseorang. Bengkel ini disertai oleh lebih daripada 100 PKS, dari pelbagai bidang perniagaan dan syarikat permulaan.

Selain Pulau Pinang, bengkel ini juga dianjurkan di Bangunan CGC di Kelana Jaya, Kuala Terengganu dan Johor Bahru.

**27 MEI:
CGC ANJUR 'COFFEE TALK' DENGAN DEWAN
PERNIAGAAN DAN INDUSTRI CINA PERAK
(PCCCI)**



Ketua Cawangan Ipoh CGC, Punitha Jayabalan mengadakan sesi taklimat.



Chin Poi Mei memberikan taklimat.

Cawangan CGC Ipoh menganjurkan sesi 'Coffee Talk' dengan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Perak (PCCCI) pada bulan Mei, untuk mendidik PKS mengenai kemudahan Jaminan dan Pembiayaan CGC; serta, khidmat nasihat yang ditawarkan.

Program tersebut diadakan di Dewan Pa Khuan, Dewan Perniagaan dan Industri Cina Perak (PCCCI) dan dihadiri oleh kira-kira 50 ahli dari PCCCI serta pelanggan mereka.

Berikutan kejayaannya, satu lagi sesi ceramah diadakan di Taiping pada bulan Ogos. Acara itu berlangsung di dewan serba guna di cawangan Utara PCCCI dan dihadiri oleh 100 usahawan dan PKS.

**30 MEI 2017:
CGC BEKERJASAMA DENGAN MAYBANK UNTUK
SESI SIARAN "FREE PLUG FRIDAY" BERSAMA
LITE FM DAN SINAR FM**



Juruhebah Lite.FM, Steve, menemuramah Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Leong Weng Choong dan Ketua Perbankan PKS Maybank, Adnan Mohd Sharif, di Stesen Radio Astro.



Gambar berkumpulan dengan kedua-dua pasukan dari Maybank Bhd dan CGC dengan juruhebah dari Sinar FM, Adi Fashla (duduk).

Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Leong Weng Choong dan Ketua Perbankan PKS Maybank Bhd, Adnan Mohd Sharif telah ditemuramah dalam usaha sama terbaru mereka oleh tiga stesen radio popular negara – Lite FM, Sinar FM dan Melody FM di bawah program 'Free Plug Friday'.

Program 'Free Plug Friday' merupakan kempen yang berlangsung dari bulan Mei hingga Julai 2017 dan merupakan satu lagi inisiatif bersama oleh CGC dan Maybank dalam usaha meningkatkan lagi jangkauan PKS mereka.

Tanggungjawab Korporat (sambungan)

13 OGOS 2017:

CGC BEKERJASAMA DENGAN DEWAN PERNIAGAAN CINA TAWAU ANJUR BENGKEL USAHAWAN



Cawangan Sandakan CGC, mengambil peluang dalam menganjurkan sesi perkongsian pengetahuan setengah hari untuk manfaat ahli Dewan Perniagaan Cina Tawau dan orang ramai.

Bengkel ini diadakan di LA Hotel, Tawau dan disertai oleh 90 PKS dan usahawan dari pelbagai sektor perniagaan yang agak terkenal di bandar tersebut.

Sebagai sebahagian daripada bengkel ini, bakal PKS dan usahawan telah diberi taklimat mengenai peranan CGC, produk dan khidmat nasihat yang ditawarkan serta syarat-syarat dan proses pendokumentasian yang diperlukan dalam memohon pinjaman dengan CGC.

13 OGOS 2017:

CGC MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK



Dari kiri: Pegawai Utama SJPP, Dr Nungsari Ahmad Radhi; Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak; Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, Datuk Husni Salleh; bekas Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof; bekas Penolong Menteri E-Dagang Sarawak, Pembangunan Usahawan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana, Datuk Mohd Naroden Haji Majais; Ketua Pegawai Operasi SME Bank Malaysia Berhad, Datuk Kamaluddin Ismail dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif RHB Islamic Bank Berhad, Datuk Adissadikin Ali.

CGC memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan empat (4) institusi lain: RHB Islamic Bank Berhad, SME Bank Malaysia Berhad, Syarikat Pembiayaan Perniagaan Syarikat (SJPP) dan Unit Peneraju Bumiputera (TERAJU) untuk memberi jaminan kewangan kepada sub-kontraktor yang layak bagi Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak.

Penyediaan jaminan kewangan adalah melalui produk BizJamin/BizJamin-i CGC. Penandatanganan MoU ini adalah selaras dengan hala tuju perniagaan CGC iaitu untuk membentuk perkongsian yang strategik dengan institusi kewangan, organisasi dan institusi kerajaan; bagi membantu PKS yang berdaya maju dan berpotensi dalam memperoleh pembiayaan yang diperlukan agar mereka dapat mengekalkan dan mengembangkan perniagaan mereka.

**22 OGOS 2017:
CGC ALOR SETAR ANJUR SESI TAKLIMAT UNTUK
KONTRAKTOR BUMIPUTERA**



Cawangan Alor Setar CGC dengan kerjasama Biro Kontraktor, Dewan Muda Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kedah, telah menganjurkan ceramah untuk ahli-ahlinya dan bakal pelanggan.

Sesi ini dihadiri oleh kontraktor Bumiputera G1-G4, serta kontraktor pembekal, di mana kebanyakan ahlinya terdiri daripada ahli organisasi tersebut.

**23 OGOS 2017:
CGC LANCAR KIOSK INTERAKTIF DI STESEN
LRT CGC-GLENMARIE**



Kiosk interaktif CGC.

Kiosk interaktif telah dipasang di ruang legar Stesen LRT CGC-Glenmarie, sebagai sebahagian daripada inisiatif CGC untuk meningkatkan kesedaran jenama, jangkauan dan tambah nilai kepada pengguna, PKS dan pelanggan umum. Kiosk interaktif memaparkan produk dan perkhidmatan CGC, produk-produk pelanggan yang berjaya, wifi percuma, dan kuiz interaktif, di mana pengunjung berpeluang untuk memenangi hadiah. Ia boleh didapati dalam empat bahasa termasuk: Bahasa Melayu, Mandarin, Tamil dan Bahasa Inggeris.

Tanggungjawab Korporat (sambungan)

8 SEPTEMBER 2017:

CGC DENGAN KERJASAMA PERDASAMA WANITA NASIONAL ANJUR PROGRAM WANITA PERINTIS



Dari kiri: Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak menyampaikan tanda penghargaan kepada Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Datuk Yatimah Sarjiman (ke-2 dari kanan), disaksikan Pengerusi PERDASAMA Wanita, Datin Junaidah Mohamed (ke-2 dari kiri), bekas Pengerusi Eksekutif Securiforce Group, Allahyarhamah Datuk Wira Dr. Maznah Hamid (tengah) dan Presiden PERDASAMA, Dato' Moehamad Izat Emir (kanan).

CGC bekerjasama dengan Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia Wanita (PERDASAMA WANITA) dalam menganjurkan satu siri ceramah program keusahawanan wanita di Bangunan CGC di Kelana Jaya, Selangor pada September 2017.

Acara bertemakan "Program Pemerkasaan Ekonomi Wanita: Pengawalseliaan dan e-Dagang" telah dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Datuk Yatimah Sarjiman dan telah disertai lebih 200 PKS.

12-15 SEPTEMBER 2017:

CGC SERTAI EKSPLO CHINA-ASEAN KE-14 (CAEXPO)



Penolong Naib Presiden Pengurusan Jualan Cawangan CGC, Sharifah Attashah Syed Ali berkongsi mengenai CGC dan bagaimana CGC telah membantu PKS di Malaysia.

Dengan kerjasama Perbadanan Perdagangan dan Pembangunan Luar Malaysia (MATRADE), CGC menyertai Ekspo China-ASEAN ke-14 (CAEXPO) yang diadakan di Nanning, China dan membawa lapan (8) PKS untuk mengambil bahagian sebagai peserta di pameran perdagangan itu.

Maklum balas yang diterima oleh PKS sangat menggalakkan, kerana mereka bukan sahaja berjaya menjual produk mereka kepada penduduk tempatan; tetapi juga diberi peluang untuk berinteraksi dan mempromosikan pelbagai produk mereka kepada pengunjung ekspo.

25 OKTOBER 2017:

CGC ANJUR BENGKEL UNTUK PESERTA PROGRAM INKUBATOR PEMBANGUNAN EKONOMI SABAH DAN KUASA PELABURAN (SEDIA)



Cawangan CGC Kota Kinabalu menganjurkan bengkel selama setengah hari untuk PKS dan untuk dwi-program Pembangunan Ekonomi Sabah dan Kuasa Pelaburan (SEDIA) "Program Dana Pembangunan IKS dan Permulaan Bumiputera Sabah" dan "Program Inkubator" melalui kerjasama dengan TERAJU, SME Corporation Malaysia dan SEDIA.

Bengkel itu disertai kira-kira 100 PKS, wakil Agro Bank dan CKS Supermarket, salah satu penyokong utama produk PKS tempatan yang terbaik dari Sabah.

19-22 OKTOBER 2017:
CGC SERTAI 'KARNIVAL USAHAWAN DESA' (KUD)



CGC menyertai Karnival Usahawan Desa (KUD) 2017, yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Serantau dan telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Karnival ini adalah inisiatif dwitahunan yang dilaksanakan, untuk membangunkan PKS di kawasan luar bandar melalui pendedahan kepada produk dan perkhidmatan yang sedia ada, yang disesuaikan khas untuk mereka.

Karnival ini disertai oleh 1,000 PKS dan 721 peserta pameran yang terdiri daripada 680 usahawan, 30 syarikat swasta, agensi kerajaan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Serantau.

1 NOVEMBER 2017:
CGC BEKERJASAMA DENGAN AMBANK UNTUK BIZRACE DAN BIZCONFERENCE



Dari kiri: Ketua Pegawai Eksekutif AmMetLife Insurance Bhd, Ramzi Toubassy; Ketua Pegawai Eksekutif AmBank Group, Dato' Sulaiman Mohd Tahir; Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak; Pengerusi AmBank Group, Tan Sri Azman Hashim; Pengarah Urusan Perbankan Perniagaan AmBank, Christopher Yap; Ketua Pemasaran Perniagaan Perusahaan Digi, Ignatius Lee Wai Keen dan Ketua Pegawai Eksekutif K-Pintar, RA.Thiagaraja.

BizRACE AmBank merupakan satu cabaran keusahawanan yang bertujuan menyediakan PKS dengan akses kepada sesi perkongsian pengetahuan yang berharga serta latihan pembangunan yang merangkumi bidang pembangunan kepimpinan, peningkatan dalam model perniagaan dan sistem dan struktur, serta transformasi budaya. CGC mengambil bahagian dalam BizRace dengan menjadi salah satu penaja serta menjadi panel hakim untuk satu siri sesi pembentangan bersama dengan CEO syarikat-syarikat yang lain.

Credit Guarantee Corporation
 Malaysia Berhad
 Laporan Tahunan 2017

21 NOVEMBER 2017:
CGC ANJUR SESI TAKLIMAT DENGAN KELAB PEMILIK PERNIAGAAN PULAU PINANG



Cawangan CGC Pulau Pinang telah menganjurkan bengkel bersama ahli-ahli Kelab Pemilik Perniagaan (BOC) Pulau Pinang pada bulan November.

Peserta yang disasarkan terdiri daripada pedagang runcit dan borong, kontraktor dan pengeluar. Bengkel setengah hari yang dijalankan di Safira Club House ini disertai oleh 30 pemilik perniagaan.

Tanggungjawab Korporat (sambungan)

4-5 APRIL 2018: KARNIVAL PKS CGC



Pelanggan CGC menjual produk mereka di Stesen LRT CGC-Glenmarie.



Produk pelanggan CGC yang dipamerkan semasa Karnival PKS 2018.

6 APRIL 2018: STANDARD CHARTERED MALAYSIA DAN CGC MENANDATANGANI PERJANJIAN JAMINAN PORTFOLIO (PG)



Kiri ke kanan: Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Leong Weng Choong; Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak; Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Malaysia Berhad, Abrar A. Anwar; dan Ketua Perbankan Runcit Standard Chartered Bank Malaysia Berhad, Aaron Loo.

Standard Chartered Bank Malaysia Berhad dan Credit Guarantee Corporation Berhad (CGC) menandatangani Perjanjian Jaminan Portfolio (PG) untuk menyediakan bantuan kewangan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pada 6 April 2018. Ini ada urusan perjanjian Standard Chartered Malaysia kesembilan yang ditandatangani antara Bank dan CGC, dengan kemudahan RM75 juta untuk peruntukan modal kerja dan pemerolehan aset kepada PKS. Kedua-dua CGC dan Standard Chartered Malaysia telah menyokong kira-kira 3056 PKS dalam pelbagai sektor, melalui kerjasama mereka yang menjangkau satu dekad. Sejak perjanjian pertama mereka pada tahun 2009, kedua-dua pihak telah memberi manfaat pembiayaan hampir RM1.4 bilion kepada PKS yang layak. Perjanjian itu ditandatangani oleh Ketua Negara Perbankan Runcit Standard Chartered Bank Malaysia Berhad, Aaron Loo dan Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Leong Weng Choong, disaksikan oleh Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Malaysia Berhad, Abrar A. Anwar dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd. Zamree Mohd Ishak.

CGC menganjurkan Karnival PKS, sebuah inisiatif di bawah Program Pembangunannya, untuk menyediakan platform bagi pelanggannya bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka. Lima daripada pelanggannya iaitu Fana Ventures, Warisan Uraz, Ummya Berkat, Asia Green Produce dan Emraz Travel and Tours telah mengambil bahagian di dalam karnival dua hari yang diadakan di stesen LRT CGC-Glenmarie di Jalan Lapangan Terbang Subang, Selangor dari 4-5 April 2018. Karnival PKS tersebut menerima sambutan yang menggalakkan daripada para pengguna dan orang awam dengan jualan melebihi RM8,000 yang diperoleh oleh peserta pameran yang mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka seperti makanan yang sedia untuk dimasak, minuman serta pakej pelancongan umrah.

KESEDARAN JENAMA DAN PENGLIBATAN MEDIA

PENGLIBATAN MEDIA

Kemunculan CGC dalam media telah diperkukuhkan pada tahun 2017 dengan sejumlah besar liputan media yang diperolehi melalui kerjasama dengan institusi kewangan tempatan, menandatangani perjanjian Memorandum Persefahaman/Perjanjian dan Tanggungjawab Korporat (CR), antara yang lain.

Selain itu, beberapa wawancara eksklusif juga telah diatitkan untuk Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif kami dan Pengurusan Kanan, dengan akhbar-akhbar utama dan stesen radio dan TV terkemuka. Di samping itu, beberapa kenyataan akhbar telah dikeluarkan, sejajar dengan perkembangan semasa dan kejadian-kejadian yang berlaku di CGC.

CGC juga meningkatkan usaha dan inisiatifnya dalam memupuk hubungan yang lebih rapat dengan media melalui aktiviti rangkaian seperti sesi makan tengah hari bersama media dan penglibatan dalam tahun tersebut.

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017



KEMPEN PENGIKLANAN

Seperti pada tahun-tahun yang sebelumnya, CGC meneruskan usahanya dalam memperbaiki dan mempromosikan CGC sebagai jenama isi rumah di kalangan PKS melalui pelbagai kempen pengiklanan pada tahun 2017. Kempen ini meliputi pengiklanan korporat dan produk yang dijalankan di semua media arus perdana termasuk media cetak, radio, dalam talian dan juga media sosial. Untuk mencapai semua segmen PKS di negara ini, kempen pengiklanan dijalankan dalam bahasa-bahasa utama rakyat – Bahasa Malaysia, Mandarin, Tamil dan Bahasa Inggeris.

Sebagai tambahan kepada kempen pengiklanan, CGC juga menaja siri drama YouTube 'Chor & Chah' (Musim ke-2) yang dimulakan oleh SME Corp bagi kemunculan lebih nyata dalam media sosial. Sebagai sebahagian daripada penajaan, salah satu episod, yang disiarkan pada Disember 2017, telah didedikasikan sepenuhnya kepada CGC. Ia memaparkan peranan CGC dalam membantu watak utama; seorang ahli perniagaan, yang dinasihatkan untuk mendapatkan bantuan kewangan CGC untuk mengembangkan perniagaannya di luar negara.

CGC juga meneroka pengiklanan luar, melalui pemasangan papan iklan di 13 lokasi strategik di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.





HEARTIEST CONGRATULATIONS

22nd SME AWARDS 2016



The CGC SME Awards 2016 recognises the significant role played by financial institutions (Fis) in promoting the growth and development of SMEs in Malaysia. CGC congratulates all award recipients for their unwavering support and contributions.

AWARD CATEGORY	AWARD RECIPIENTS
Best Financial Partner	Malayan Banking Berhad
Top FI Partners (Overall Category)	CIMB Bank Berhad Malayan Banking Berhad Maybank Islamic Berhad Standard Chartered Bank (M) Berhad
Top Bumiputera FI Partner	Maybank Islamic Berhad
Top FI Partner (Islamic Bank Category)	Maybank Islamic Berhad






Our heartfelt gratitude and appreciation to
YB DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI, MINISTER OF FINANCE II
 for gracing the 22nd CGC SME Awards 2016 and New CGC Logo Launch Ceremony
 on Monday, 22 May 2017

POWERING MALAYSIAN SMEs

+603-7880 0088

CGCmy

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (112441-M)
 Singapore CGC, Suite 3000, Gateway 71, Jalan 17/23, 47101 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

www.cgc.com.my

NEW STRAITS TIMES - 33cm x 7cols (26,1cm)
 INSERTION DATE: 17/06/2017



PENEMPATAN JENAMA

CGC telah memutuskan untuk menempatkan semula jenamanya agar menjadi lebih proaktif dan relevan kepada PKS. Puncak utamanya adalah pembukaan logo korporat CGC yang baru oleh bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani semasa Anugerah PKS CGC 2016 yang diadakan pada 22 Mei 2017.

PELANCARAN LOGO KORPORAT BARU



PENEMPATAN JENAMA

Bagi mewujudkan jenama yang lebih kukuh di Lembah Klang; terutamanya, di kalangan pengguna pengangkutan awam seperti LRT dan MRT, CGC berjaya memenangi bidaan untuk mendapatkan hak penamaan stesen LRT Glenmarie. Stesen LRT CGC-Glenmarie merupakan platform yang hebat untuk CGC menjangkau kira-kira 270,000 penumpang yang menggunakan perkhidmatan LRT setiap hari. Stesen LRT CGC-Glenmarie dilancarkan secara rasminya oleh Bekas Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Lee Chee Leong.

HAK PENAMAAN STESEN LRT CGC-GLENMARIE



PENAJAAN ACARA

CGC juga menaja acara dan program yang penting untuk mewujudkan kesedaran dan kehadiran jenama di kalangan pihak berkepentingan di seluruh negara. Pada tahun 2017, CGC telah menaja tujuh peristiwa seperti berikut:



SMIDEX 2017 OLEH SME CORP

SMIDEX 2017, pameran dan persidangan tahunan yang diadakan dari 15-17 November 2017 di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC). Ia memberi peluang kepada CGC untuk bekerjasama dengan SME Corp bagi melengkapi usaha Kerajaan dalam membangunkan PKS di Malaysia. Kira-kira 10,000 pengunjung menghadiri SMIDEX 2017 yang berfungsi sebagai platform untuk PKS, Perbadanan Berkaitan Kerajaan, industri berskala besar dan Perbadanan Multinasional untuk mempamerkan produk, perkhidmatan dan teknologi mereka ke pasaran. Ia juga terbuka kepada orang ramai, terutamanya usahawan yang baru. Pameran & Persidangan ini diadakan sejurus selepas program Anugerah Enterprise 50 (E50) yang merangkumi intipati kitaran lengkap pembangunan PKS diadakan.



FORUM EKONOMI NCCIM

Acara sulung ini dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia (NCCIM), sebuah persekutuan lima (5) pertubuhan perdagangan kebangsaan; iaitu Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (OPMM), Dewan Perniagaan dan Industri Cina Bersekutu (ACCIM), Dewan Perniagaan dan Industri India Bersekutu Malaysia (MAICCI), Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI); dan Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM).

Forum Ekonomi yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia pada masa itu, telah dihadiri oleh kira-kira 700 peserta dari pelbagai perniagaan, PKS dan usahawan muda dari seluruh Malaysia.

PENAJAAN ACARA (SAMBUNGAN)



SIDANG KEMUNCIAK PERBANKAN MALAYSIA KE-21 OLEH ASLI

Persidangan peringkat tinggi tahunan ini telah dianjurkan oleh Institut Strategi & Kepimpinan Asia (ASLI), yang berfungsi sebagai platform untuk peserta terutamanya bank, dalam membincangkan dan menilai semula cabaran utama, aliran terkini dan peluang dalam industri perbankan dan kewangan. Sidang Kemuncak itu memberikan pandangan yang berguna dalam pemikiran pemain-pemain utama industri perbankan, serta menyediakan platform yang tepat untuk bertukar idea, kemas kini industri dan pengetahuan untuk profesional perbankan dan kewangan. Tema untuk Sidang Kemuncak tahun ini adalah 'Gangguan Teknologi Membentuk Masa Depan Perbankan' yang diadakan di Shangri-La Hotel, Kuala Lumpur. Ia telah dirasmikan oleh bekas Menteri Kewangan II Datuk Seri Johari Abdul Ghani disertai dengan Pengenalan Keadaan Industri oleh Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Muhammad bin Ibrahim.



SIMPOSIUM TAHUNAN KE-3 MENGENAI KEWANGAN ISLAM OLEH INCEIF

Bank Dunia, Institut Penyelidikan dan Latihan Islam (IRTI) dan Guidance Financial Group dengan kerjasama INCEIF, Universiti Global untuk Kewangan Islam menganjurkan simposium tersebut, yang membawa pelbagai pihak berkepentingan dari industri, akademik, bidang pengawalseliaan dan penyeliaan untuk terlibat bersama dalam merangsangkan penyelidikan.

Oleh kerana sebahagian besar peserta berkaitan dengan pembiayaan Islam, simposium tersebut merupakan platform yang baik untuk CGC mempromosikan dan meningkatkan kesedaran mengenai peranan CGC dalam pembangunan PKS dan juga untuk membina hubungan baik di kalangan pakar-pakar industri perbankan Islam. Simposium yang diadakan di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia telah dirasmikan oleh bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.



FORUM KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ANTARABANGSA ADFIM

ADFIM dengan kerjasama ADFIAP dan ADFIMI telah menganjurkan Forum Ketua Pegawai Eksekutif Antarabangsa 2017 dengan tema 'Mengekalkan Pertumbuhan Ekonomi dengan Nurani Sosial – Modaliti Era Baru'.

Forum Ketua Pegawai Eksekutif Antarabangsa merupakan inisiatif ADFIM yang bermula pada tahun 2003 dan kini mendapat pengiktirafan dan penyertaan di kalangan Persatuan dari negara-negara asing, yang bergilir untuk menjadi tuan rumah setiap tahun.

Forum ini merupakan platform yang baik untuk CGC mempromosikan dan meningkatkan kesedaran mengenai peranan CGC dalam pembangunan PKS di kalangan perwakilan dari Malaysia dan juga dari luar negara. Ia juga merupakan platform yang berkesan untuk membina hubungan baik dengan pemimpin dan pakar industri perbankan, dalam mengembangkan jangkauan dan peluang perniagaan.

Forum yang diadakan di InterContinental Hotel, Kuala Lumpur telah dirasmikan oleh bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.



ANUGERAH PERNIAGAAN CEMERLANG STAR 2017 (SOBA 2017)

Kini berada pada tahun yang ke-8, SOBA mengiktiraf syarikat-syarikat berpotensi baru dan sumbangan mereka kepada ekonomi Malaysia. Ia juga memberi inspirasi dan menggalakkan perniagaan tempatan dalam mempromosikan Malaysia dan mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka ke seluruh dunia. Anugerah SOBA dipersembahkan kepada perusahaan tempatan untuk mencapai kecemerlangan dalam industri masing-masing.

CGC telah menaja SOBA selama tiga tahun berturut-turut (2015 hingga 2017) kerana SOBA merupakan platform yang baik untuk CGC menunjukkan sokongannya yang berterusan untuk pertumbuhan dan pembangunan PKS. Selain itu, kerjasama CGC dengan The Star, akhbar bahasa Inggeris utama negara, meningkatkan imej dan nama jenamanya dengan lebih lanjut di kalangan komuniti PKS.

Majlis Makan malam anugerah SOBA yang diadakan di Connexion @ Nexus, Bangsar South City, Kuala Lumpur pada 16 Januari 2017 telah dirasmikan oleh bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Seri Ong Ka Chuan.



ANUGERAH GOLDEN EAGLE 2017 (GEA 2017) OLEH NANYANG SIANG PAU

GEA memberi penghormatan kepada PKS yang terbaik di Malaysia. Ia juga bertujuan untuk menyediakan platform yang berkesan untuk menilai kejayaan dan untuk menggalakkan lebih banyak PKS dalam berusaha bagi mencapai kecemerlangan dalam pasaran yang sentiasa berubah, kompetitif dan global sekarang ini.

Tahun 2017 menandakan tahun ke-16 Anugerah Golden Eagle (dahulunya dikenali sebagai Anugerah The Golden Bull) dan tahun penajaan CGC yang ke-2, inisiatif yang bertujuan untuk mewujudkan kehadiran yang besar di kalangan PKS dan komuniti perniagaan Cina.

Majlis Makan malam anugerah yang diadakan di Genting International Convention Center (GICC) telah dirasmikan oleh bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

MEI 2017: TANGGUNGJAWAB KORPORAT SEMPENA PESTA KAAMATAN



CGC menganjurkan satu majlis makan malam dan sumbangan amal bersama penduduk dari Rumah Cheshire Sabah, sebagai sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Korporatnya (CR) sempena Pesta Kaamatan.

Majlis makan malam tersebut dianjurkan di Hilton Hotel, Kota Kinabalu dan disertai oleh seramai 60 kanak-kanak dan penjaga daripada Rumah tersebut.

CGC menyumbang sebanyak RM10,000 kepada Rumah tersebut dan disampaikan oleh Ketua Pegawai Operasi CGC, Nazleena Nordin kepada Pengurus Negeri Rumah Cheshire Sabah, Jenifer Liew.

JUN 2017: PROGRAM TANGGUNGJAWAB KORPORAT PESTA MENUAI GAWAI SK ST. JOHN, BAU, SARAWAK



Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Leong Weng Choong menggalakkan pelajar prasekolah semasa aktiviti pertandingan mewarna.

CGC menyambut Pesta Menuai Gawai bersama-sama 59 murid pra-sekolah SK ST. John, Bau, Sarawak dengan harapan dapat berkongsi kegembiraan dan sorakan perayaan pada hari yang mulia ini.

SK ST. John kini menempatkan lebih 300 pelajar, terdiri daripada pelajar tahun (1) hingga enam (6), di mana kebanyakannya terdiri daripada kaum Bidayah.

CGC menyumbang RM10,000 bagi membolehkan sekolah tersebut menaik taraf kemudahan di pra-sekolah dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk para pelajar. Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Leong Weng Choong menyampaikan sumbangan wang tunai kepada guru besar SK ST. John, Litercelon Kaon Anak Juin.



Sumbangan itu disampaikan oleh Leong Weng Choong kepada Litercelon Kaon Anak Juin dan disaksikan juga oleh Pengurus Cawangan Kuching CGC, Stellarose AK Nelson dan pelajar-pelajar sekolah.

JUN 2017:

MEMBELI BELAH RAMADHAN DAN 'MAJLIS BERBUKA PUASA'



Ahli Lembaga CGC, Datuk David Chua, menyampaikan duit raya kepada penduduk Asrama Damai Kuang di Majlis Berbuka Puasa di TH Hotel Kelana Jaya, Selangor.



Kakitangan CGC dengan penduduk Asrama Damai Kuang selepas sesi membeli-belah Raya di Mydin Hypermarket di USJ, Subang Jaya, Selangor.

Bersempena dengan Ramadhan; CGC menjadi tuan rumah untuk membeli belah dan 'Majlis Berbuka Puasa' dengan anak-anak yatim dan ibu tunggal dari Asrama Anak-anak Yatim Damai, Kuang atau lebih dikenali sebagai Asrama Damai Kuang.

Sesi beli belah Ramadhan telah diadakan di Mydin Hypermarket di USJ, Subang Jaya, diikuti oleh 'Majlis Berbuka Puasa' di TH Hotel Kelana Jaya, Selangor.

CGC juga menyumbangkan RM5,000.00 dalam bentuk sokongan kewangan kepada Asrama Damai Kuang; serta penyampaian duit raya dan hadiah kepada anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal.

CGC juga memberikan 'duit raya' kepada anak-anak kakitangan CGC, sebagai cara untuk menghargai kakitangannya pada bulan Ramadhan yang bertuah ini.

OGOS 2017:

TANGGUNGJAWAB KORPORAT 'CYCLETHON' BERSAMA OCBC AL-AMIN DAN PENDUDUK SEKOLAH KEBANGSAAN PENDIDIKAN KHAS SELANGOR



CGC bekerjasama dengan OCBC Al-Amin Bank Berhad, untuk menganjurkan pesta berbasikal; sebagai salah satu program Tanggungjawab Korporat (CR) untuk Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Selangor pada 19 Ogos 2017.

Seramai 81 pelajar yang disertai oleh ibu bapa dan guru mereka, menyertai sesi berbasikal ini. Sebelum itu, 20 basikal dan topi keledar baru telah dihadiahkan kepada Kelab Berbasikal sekolah tersebut, untuk menggalakkan pelajar mereka dalam menjalani gaya hidup yang sihat dan secara sosial; melalui berbasikal, ihsan CGC dan OCBC Al-Amin.

Kedua-dua CGC dan OCBC Al-Amin juga menyumbangkan RM10,000.00 setiap satu kepada sekolah tersebut untuk menampung kos operasi mereka yang tinggi. Cek itu telah disampaikan kepada ketua sekolah SK Pendidikan Khas Selangor, Mohd Asari B. Hj Omar oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak dan Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Al-Amin, Syed Abdull Jailani Syed Kechik.

Tanggungjawab Korporat (sambungan)

SEPTEMBER 2017:

'RELAY FOR LIFE' OLEH PERSATUAN KANSER KEBANGSAAN MALAYSIA (NCSM)



CGC mengambil bahagian dalam acara amal 'Relay for Life' yang dianjurkan oleh NCSM pada 9 September 2017.

Satu pasukan seramai 10 sukarelawan CGC termasuk Naib Presiden Kanan, Perancangan Strategik, Mohd Reza Mohd Hatta, mengambil bahagian dalam acara semalaman ini yang membawa komuniti bersama untuk meraikan kehidupan pesakit kanser yang terselamat serta mengumpul dana bagi membantu NCSM dalam memerangi kanser.

CGC menyumbangkan RM10,000.00 kepada NCSM yang disampaikan oleh Mohd Reza kepada Pengerusi acara Relay For Life, Dato' Zuraidah Atan.

OKTOBER 2017:

KEMPEN DERMA DARAH



Dengan kerjasama Pusat Darah Kebangsaan, CGC menganjurkan kempen derma darah di ibu pejabatnya di Kelana Jaya, Selangor pada 2 Oktober 2017.

Kempen derma darah ini, yang merupakan aktiviti Tanggungjawab Korporat tahunan, menerima sokongan 43 kakitangan termasuk ahli-ahli pengurusan kanan yang turut serta dalam menderma darah.

OKTOBER 2017:
MEMBELI BELAH DAN MAJLIS MAKAN MALAM DEEPAVALI



Pasukan Pengurusan CGC dan penduduk Pusat Jagaan Sai Annai Illam, Pandamaran, Klang di Premiere Hotel, Klang.

CGC membawa kegembiraan Deepavali kepada 32 penduduk daripada Pusat Jagaan Sai Annai Illam, Pandamaran Klang, dengan membelanjakan mereka untuk membeli-belah, makan malam yang mewah serta menyumbang wang tunai.

Sejumlah 29 anak, dua (2) penjaga dan juga seorang ibu tunggal, masing-masing diberi RM250, untuk membeli keperluan perayaan mereka di pusat pembeli-belah AEON Bukit Tinggi.

Anak-anak dan para penjaga juga menerima 'wang saku' masing-masing sebanyak RM50.00 dan RM100.00. CGC juga memberi sumbangan tunai sebanyak RM5,000.00 kepada rumah anak yatim tersebut, untuk meringankan kos operasi mereka.

DISEMBER 2017:
TANGGUNGJAWAB KORPORAT KEMBALI-KE-SEKOLAH UNTUK KANAK-KANAK ORANG ASLI DI SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI DUA, BENTONG, PAHANG



Pelajar SK Sungai Dua dengan beg masing-masing diisi dengan pakaian seragam sekolah, kasut dan alat tulis.

CGC telah menganjurkan program Tanggungjawab Korporat 'Kembali-ke-Sekolah' tahunan untuk 134 pelajar Orang Asli daripada Sekolah Kebangsaan Sungai Dua, Bentong, Pahang. Inisiatif ini bertujuan untuk meringankan tekanan kewangan yang dihadapi oleh keluarga Orang Asli, dalam persediaan untuk terma persekolahan 2018.

CGC menyumbangkan bekalan sekolah seperti beg baru, kasut, pakaian seragam sekolah, alat tulis dan kotak pensel, kepada pelajar sekolah rendah SK Sg Dua, Bentong, Pahang. Program ini juga untuk mewujudkan minat, kesedaran; serta menonjolkan kepentingan pendidikan dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli.

Para pelajar kemudiannya diajak untuk menyertai aktiviti yang menyeronokkan dan berinteraktif di sepanjang perjalanan program tersebut. Program 'Kembali-ke-Sekolah CR' disokong oleh Jabatan Pendidikan, Pahang dan dihadiri oleh wakil dari Jabatan Pembangunan Orang Asli Bentong dan Daerah Bentong dan Pejabat Tanah.

Tanggungjawab Korporat (sambungan)

DISEMBER 2017: TANGGUNGJAWAB KORPORAT HARI NATAL



Bersempena dengan sambutan perayaan Krismas, CGC telah menganjurkan lawatan yang penuh keseronokan ke Pusat Kasih Sayang YWCA, Klang, yang menempatkan 21 wanita yang mengalami gangguan intelek.

Satu pasukan sukarelawan CGC telah menghiasi rumah tersebut dengan hiasan Krismas yang berwarna-warni. Penduduk juga diberi hadiah Krismas dan dijamu dengan makan tengah hari diikuti dengan permainan dan aktiviti muzik. CGC juga menyumbang beberapa keperluan asas seperti barangan isi rumah dan barangan runcit, selain sumbangan wang tunai sebanyak RM6,000.00 kepada Pusat Kasih Sayang YWCA; sebagai tanda sokongan terhadap matlamat mereka.

JANUARI 2018:

CGC TAWAR BANTUAN KEWANGAN KEPADA PROJEK PERNIAGAAN IBU TUNGGAL INDIA (SIMBIZ)



Naib Presiden Kanan Perancangan Strategik CGC, Mohd Reza Mohd Hatta mengucapkan tahniah kepada graduan Program SIMBiz ke-3 pada Januari 2018.

Projek Perniagaan Ibu Tunggal India (SIMBiz), yang dimulakan oleh Persatuan i-Alumni UKM, persatuan graduan India dari Universiti Kebangsaan Malaysia, bertujuan untuk memperkasakan ibu tunggal melalui latihan kemahiran yang membolehkan mereka dalam memulakan perniagaan kecil mereka sendiri dan mengubah hidup mereka. Program ini disasarkan kepada golongan wanita yang datang dari keluarga yang berpecah-belah, tiada pendidikan dan dicabar secara ekonomi.

Di bawah program ini, ibu tunggal dan wanita India yang berusia di antara 30 hingga 50 tahun dan dengan hanya mempunyai tahap pendidikan rendah dan menengah rendah akan menghadiri latihan kemahiran menjahit asas dan pertengahan selama lapan (8) bulan setiap hari Sabtu di Dewan Yayasan MySkills, Pelabuhan Klang, Selangor. CGC merupakan salah satu penaja projek SIMBiz ini yang kini telah menghasilkan 42 usahawan wanita yang baru.

MAC 2018:
PROGRAM TANGGUNGJAWAB KORPORAT TAHUN
BARU CINA



Sempena perayaan Tahun Baru Cina, CGC telah menganjurkan suatu majlis bagi merayakan 50 anak dan penjaga Rumah Charis (Rumah untuk Kanak-kanak) di Kuala Lumpur pada 2 Mac 2018.

Acara amal tersebut membawa kegembiraan dan senyuman kepada kanak-kanak, kerana mereka semua dihadiahkan dengan 'ang pao', beg barangan istimewa; serta, disajikan dengan makan malam di kediaman mereka. CGC turut menyumbangkan RM5,000.00 kepada Rumah Charis, untuk menyokong keperluan mereka. Cek itu disampaikan oleh Ketua Pegawai Kredit CGC, Zarina Osman kepada Pengasas Rumah Charis, Reverend Teo How Ken dan disaksikan oleh Peguam Besar CGC dan Setiausaha Syarikat, Daeng Hafez Arafat Zuhud serta Naib Presiden Kewangan, Norazlina Puasa.

Mereka juga dihidangkan dengan hidangan Yee Sang yang popular, di mana kedua-dua penduduk dan kakitangan CGC menyertai dalam melambung bahan-bahan makanan tersebut dengan tinggi di udara dengan seruan gembira 'Loh Hey' ("melambung tinggi").

171	Kisah Kejayaan
173	Pencapaian-pencapaian dan Kejayaan-kejayaan 2017
176	Anugerah & Pengiktirafan
178	Acara Korporat
184	CGC Dalam Liputan Akhbar

PENCAPAIAN- PENCAPAIAN KAMI



“Program Pembangunan CGC bertujuan membina kapasiti MSME untuk mencapai pertumbuhan jangka panjang dan mampan.”



Dilancarkan pada Mei 2016, Program Pembangunan CGC telah membantu sejumlah 1,141 MSME menerusi pelbagai inisiatif pada 2017. Menerusi Inisiatif Akses Pasaran, CGC membantu MSME mendapatkan akses pasaran dalam dan antarabangsa melalui kerjasama rakan kongsi strategik. Kerjasama ini untuk menyediakan, memberi panduan dan saluran kepada MSME bagi membolehkan akses kepada saluran pengedaran utama tempatan dan pasaran luar negara (eksport).

Pelbagai bengkel turut dianjurkan menerusi Inisiatif Program Mentor di seluruh Malaysia, di mana CGC berkerjasama dengan rakan kongsi strategik yang pakar dalam bidang berkaitan, untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran

dalam topik seperti “Pasaran Digital”, “Meraih Akses Pasaran” dan “Mengoptimumkan Kos Perniagaan”, di mana MSME boleh belajar membangunkan serta meningkatkan perniagaan ke tahap lebih tinggi.

Program Pembangunan CGC juga merangkumi Inisiatif Rentas Sempadan, di mana CGC mensasarkan untuk membantu MSME tempatan mengembangkan dan membuka perniagaan di luar negara, menerusi kerjasama rapat dengan anggota Persekutuan Institut Kredit Tambahan Asia (ACSIC). CGC juga berhubung dengan rakan sejawatnya menerusi perbincangan pada pelbagai peringkat dan ia optimistik untuk membawa inisiatif itu ke tahap seterusnya.

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017



“Program Pembangunan CGC menghasilkan gagasan unik untuk CGC dalam Memperkasakan MSME Malaysia.”

Kisah Kejayaan (sambungan)

INISIATIF PROGRAM MENTOR:

Perkongsian ilmu oleh pakar yang dalam bidang berkaitan untuk membangunkan keupayaan perniagaan PKS.

Nama Program	Tarikh	*Lokasi	Kerjasama Rakan Kongsi	Bil. Penyertaan PKS
Pemasaran Digital	7 Januari	Lembah Klang (Ibu Pejabat CGC)	KLSCCCI, GRAB, Digi, AirAsia BIG, Silky Girl, TheLorry.com, Easy Parcel, VLT Labs, 8 Spaces/ Flyspaces, MYDIN, Yayasan Steinbeis Malaysia, HRDF, MIMOS, SMITA & **MSME CGC yang Berjaya	585
	22 April			
	8 Julai			
	4 November			
Meraih Akses Pasaran	13 April	Kuantan		301
	6 Julai	Melaka		
	10 Ogos	Ipoh		
	23 November	Kota Kinabalu		
Mengoptimumkan Kos Perniagaan	25 Mei	Prai		240
	20 Julai	Lembah Klang (Ibu Pejabat CGC)		
	24 Ogos	Kuala Terengganu		
	1 November	Johor Bahru		
Jumlah				1,126

- * Menerusi 12 bengkel, CGC sudah melibatkan seluruh kawasan di Malaysia sebagai sebahagian daripada jangkauan capaian PKSnya di seluruh negara.
- ** Selain membawa pakar yang berkaitan berkongsi pengalaman dan ilmu mereka, CGC juga memberi peluang kepada pelanggan yang sudah berjaya untuk ke hadapan sebagai penceramah di Bengkel Mentor untuk berkongsi pengalaman bagi memberi inspirasi kepada PKS lain.

INISIATIF AKSES PASARAN – TEMPATAN:

Membantu PKS mengembangkan perniagaan dan memperluaskannya ke dalam pasaran baharu tempatan.

Nama Syarikat/MSME	Pengilang	Pasaraya Besar
Azad Food Industries Sdn. Bhd.	Sos & sos tomato	MYDIN
Charles & Kristin	Makanan kucing	
Inflow Global Marketing Sdn. Bhd.	Spageti	
SB Food Marketing Sdn. Bhd.	Jeruk	
TSL Bestmas Manufacturing Sdn. Bhd.	Dim Sum Sejuk Beku Halal	

INISIATIF AKSES PASARAN – ANTARABANGSA:

Membantu MSME untuk mengembangkan perniagaan mereka dan memperluaskannya ke pasaran baru antarabangsa.

Nama Syarikat/MSME	Pengilang	Penyertaan Pameran	Rakan Kongsi
Azad Food Industries Sdn. Bhd.	Sos & sos tomato	Pameran Canton Ke-121 2017, Guangzhou China 1-5 Mei	MATRADE
TLN Food Industry Sdn. Bhd.	Kopi & pudding		
*AXG Industries Sdn. Bhd.	Sarung tangan	Pameran CAEXPO Ke-14 2017, Nanning China 12-15 September	
Bio Energy Marketing	Jus dan kopi		
CS Brands Marketing Sdn. Bhd.	Susu soya dan minuman lain		
O'Seeker Food Industries Sdn. Bhd.	Beras perang		
Seafood Valley Enterprise	Bebola ikan sejuk beku		
Ummiya Berkat Enterprise	Jus Durian Belanda		
W.A.N.N Trading Corporation Sdn. Bhd.	Piza sejuk beku dan roti burger		
Warisan Uraz	Dodol		

- * Selain membantu pelanggan berjaya untuk ke peringkat antarabangsa, CGC juga membuka peluang kepada pelanggan FI (jaminan oleh CGC), sebagai inisiatif memperkukuhkan hubungan dengan rakan kongsi FI.

PENCAPAIAN-PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN-KEJAYAAN 2017

FEBRUARI 2017



CGC DIJAMIN HAK PENAMAAN STESEN LRT GLENMARIE

CGC telah memulakan landasan baru bagi memperkukuhkan penampilan jenamanya di Lembah Klang dengan membida hak penamaan stesen Transit Aliran Ringan (LRT). Ia adalah sebahagian daripada pelaksanaan ke arah Jenama Terkenal Tempatan untuk PKS menjelang 2020. CGC berjaya mendapatkan hak penamaan Stesen LRT CGC-Glenmarie pada 6 Februari 2017.

Laluan Kelana Jaya yang mempunyai 37 stesen, memperoleh purata penumpang seramai 270,000 setiap hari. Stesen LRT CGC-Glenmarie terletak kira-kira 100 meter dari ibu pejabat CGC serta turut mempunyai 80,000 MSME beroperasi sekitarnya. Satu kajian yang dijalankan Prasarana Integrated Development Sdn Bhd menyatakan iklan di stesen keretapi mampu menanamkan ingatan terhadap jenama tertentu kira-kira 62 peratus.

Dalam usaha CGC bergerak ke arah Nama Sebutan Ramai bagi PKS menjelang 2020, ia akan terus melabur dalam aktiviti promosi dan penjenamaan yang akan memberikan pulangan dan manfaat kepada CGC.

MEI 2017



CGC RAIH DUA ANUGERAH DI ADFIAP PADA MEI 2017

CGC meraih dua (2) anugerah di Persatuan Institusi Kewangan dan Pembangunan di Asia dan Pasifik (ADFIAP) dan Mesyuarat Tahunan ke-40 ADFIAP di Macau.

Ia adalah Anugerah Merit di bawah Kategori Penyertaan Pembiayaan untuk Portfolio Jaminan untuk Enterpris Mikro dan Laporan Tahunan Terbaik di bawah Kategori Anugerah Khas.

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

Pencapaian-pencapaian dan Kejayaan-kejayaan 2017 (sambungan)

MEI 2017



PELANCARAN LOGO KORPORAT BARU CGC

Logo korporat baru CGC telah berjaya dilancarkan pada 22 Mei 2017 sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk meningkatkan kehadiran jenamanya di kalangan MSME dan orang ramai.

Logo baru itu menonjolkan kesederhanaan, merangkumi semangat korporat berdaya maju CGC. Di sebalik pengenalan logo baru ini selari dengan perniagaan teras CGC dengan menekankan huruf 'G' yang merujuk kepada 'Jaminan' (Guarantee).

Pelancaran logo bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan CGC kali ke-44. Acara itu telah dirasmikan oleh Menteri Kewangan Kedua ketika itu, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

JULAI 2017



CGC MENERIMA ANUGERAH KARLSRUHE UNTUK TIGA TAHUN BERTURUT-TURUT

CGC meraih Sijil Merit Kelestarian Kewangan Karlsruhe untuk tiga tahun berturut-turut pada 14 Julai 2017 di Jerman.

Sijil Merit ini adalah pengiktirafan kepada pencapaian luar biasa CGC yang membolehkannya membiaya kontraktor Bumiputera yang terbabit dalam pembangunan fasa dua projek Transit Aliran Massa (MRT), menerusi Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i).

Presiden/CEO, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak menerima sijil berkenaan daripada Datuk Bandar, Dr Frank Mentrup pada Majlis Anugerah Kelestarian Kewangan Karlsruhe yang diadakan bersempena Persidangan Kelestarian Kewangan Global di Karlsruhe, Jerman.

Anugerah Kelestarian Kewangan Karlsruhe memberi penghormatan kepada institusi-institusi kewangan dan organisasi-organisasi yang menyumbang dalam bidang kelestarian kewangan.

Pada bulan Jun 2015, CGC memenangi Anugerah Kelestarian Kewangan Karlsruhe untuk produk i-BizMula bagi Inovasi Terbaik di bawah kategori Perkhidmatan Kewangan, sementara pada 2016, CGC dianugerahkan Sijil Merit untuk inovasi terbaik di bawah kategori Produk dan Perkhidmatan Kelestarian Kewangan bagi i-BizWanita.

FEBRUARI 2018



PRESIDEN/CEO DIANUGERAH SEBAGAI 'CEO CEMERLANG TAHUN INI' ADFIAP

Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak dianugerah 'CEO Cemerlang Tahun Ini' oleh Persatuan Institusi Kewangan dan Pembangunan di Asia dan Pasifik (ADFIAP).

Mohd Zamree menerima anugerah itu sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan beliau dalam memperjuangkan agenda nasional bagi pembiayaan MSME dan transformasi CGC menerusi Rancangan Strategik Lima Tahun (2016-2020).

Juga sumbangannya dalam kejayaan CGC mentakrifkan landskap pembiayaan MSME dengan mewujudkan platform rujukan atas talian bagi Pembiayaan PKS/Pinjaman yang pertama di Malaysia.

Anugerah itu juga mengiktiraf ketua yang berdaya maju dalam membangunkan institusi pembiayaan (DFI) yang menyumbang terus bagi membangunkan organisasi terbabit dalam negara mereka.

Anugerah itu disampaikan kepada Datuk Mohd Zamree pada majlis makan malam gala dan anugerah yang diadakan bersempena Mesyuarat Tahunan ADFIAP kali ke-41 pada 20 Februari di New Delhi. Majlis anugerah itu dihadiri 130 delegasi dari 100 institusi anggota dari 37 negara.

MAC 2018



CGC DIANUGERAHKAN 'ANUGERAH REIGNITE KEMBALI BERKERJAYA TALENTCORP' PADA 8 MAC 2018 DI CYBERJAYA

CGC telah menyertai Geran Program Kembali Berkerjaya Talent Corp bagi menggalakkan majikan untuk melaksanakan program yang merekrut dan menyokong wanita yang sudah tidak bekerja selama lebih enam (6) bulan.

CGC telah dianugerahkan 'Anugerah Reignite Kembali Berkerjaya Talent Corp' sebagai pengiktirafan atas komitmen dalam menyokong polisi pengambilan wanita kembali bekerja selepas berhenti sementara.

CGC telah membantu enam (6) wanita kembali ke tenaga kerja tahun lalu yang turut membuka jalan bagi pengiktirafan ini. Ia adalah usaha murni yang dilaksanakan CGC dengan menambah peluang pekerjaan dan penyertaan wanita dalam semua peringkat tenaga kerja. Ketika ini, seramai 333 wanita berkhidmat dengan CGC yang mewakili 62 peratus tenaga kerja keseluruhan.

Anugerah ini telah disampaikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim kepada wakil CGC, Naib Presiden Kanan bagi Perancangan Strategiknya, Mohd Reza Mohd Hatta.

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

■ ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

CGC ditubuhkan pada tahun 1972 dan sepanjang 46 tahun penubuhannya, ia berjaya merangkul pelbagai pencapaian dan pada masa sama meraih banyak anugerah-anugerah yang turut mencerminkan peningkatan CGC sehingga kini.

Anugerah dan pengiktirafan adalah tanda aras bagi pencapaian serta bertindak sebagai testimoni terhadap segala usaha dan matlamat. Untuk itu, kami mahu berkongsinya dengan anda:

ANUGERAH-ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN- PENGIKTIRAFAN

2018

- CEO Tahunan Terbaik
Disampaikan oleh Persatuan Institusi-institusi Kewangan dan Pembangunan di Asia serta Pasifik (ADFIAP)
- Anugerah Kembali Berkerjaya ReIGNITE
Disampaikan oleh Talent Corporation Malaysia (TalentCorp)

2017

- Sijil Merit (skim produk i-TPUB)
Disampaikan oleh Anugerah Kelestarian Kewangan Karlsruhe
- Rangkuman Kewangan (Skim Jaminan Porfolio untuk Kewangan Mikro)
Disampaikan oleh ADFIAP
- Laporan Tahunan Terbaik
Disampaikan oleh ADFIAP

2016

- Laporan Tahunan Terbaik di bawah Kategori Organisasi Bukan Senarai Awam
Disampaikan oleh Bursa Malaysia, Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), penganjur bersama Anugerah Laporan Tahunan Kebangsaan (NACRA)
- Sijil Merit (i-BizWanita), produk pembiayaan langsung
Disampaikan oleh Anugerah Kelestarian Kewangan Karlsruhe
- Plak Merit (i-BizWanita), produk pembiayaan langsung
Disampaikan oleh ADFIAP
- Laman Web Terbaik
Disampaikan oleh ADFIAP
- Syarikat Terbaik Untuk Berkhidmat di Asia (Chapter Malaysia)
Disampaikan oleh HR Asia Magazine
- Anugerah BrandLaureate – Jenama Transformasi Organisasi 2015/2016
Disampaikan oleh Yayasan Jenama Asia Pasifik & Brand Laureate

2015

- Sijil Merit (i-BizMula), produk pembiayaan langsung
Disampaikan oleh Anugerah Kelestarian Kewangan
Karlsruhe
- Majikan Pilihan – Anugerah Perak
Disampaikan oleh Institut Pengurusan Sumber Manusia
Malaysia (MIHRM)
- Anugerah Pembangunan bagi inovasi Skim Jaminan
Borong – Islamik e-Islamic (i-WG)
Disampaikan oleh ADFIAP
- Majikan Latihan Bertauliah Baru
Disampaikan oleh Institut Akauntan Bertauliah di England
dan Wales (ICAEW)

2013

- Anugerah 'Laluan Sutera'
Disampaikan oleh ADFIAP
- Anugerah Pembangunan Projek Cemerlang (Skim Jaminan
Portfolio)
Disampaikan oleh ADFIAP

2012

- Anugerah Sahabat Negara SME
Disampaikan oleh SMI Malaysia

2011

- Anugerah Sahabat Negara SME
Disampaikan oleh SMI Malaysia

2003

- Anugerah Sahabat Negara SME
Disampaikan oleh SMI Malaysia



ACARA KORPORAT

26 JANUARI 2017

KERJASAMA PEMBIAYAAN MIKRO PKS ANTARA CGC & BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)

CGC dan BSN mengorak langkah dalam kerjasama pertama mereka menerusi Perjanjian Jaminan Portfolio (PG) untuk menyediakan pembiayaan RM50 juta kepada perusahaan mikro pada Januari 2017.

Di bawah perjanjian ini, perusahaan mikro boleh memilih kemudahan pembiayaan Islam atau Konvensional, untuk tempoh lima (5) tahun di mana CGC akan menjamin 70 peratus pembiayaan/pinjaman yang diluluskan oleh Bank.

Usaha sama ini menandakan permulaan baharu bagi kedua-dua pihak dalam menyediakan bantuan kewangan kepada perusahaan mikro yang layak dan berdaya maju, dengan tujuan mentransformasi perniagaan menjadi PKS yang berjaya. PG ini dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 2,500 perniagaan mikro berasaskan Bumiputera dan bukan Bumiputera di seluruh negara.



Dari kiri: Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt, Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, Pengarah Pembangunan Kewangan dan Enterpris Bank Negara Malaysia, Marina Abdul Kahar, Bekas Timbalan Menteri Kewangan I, Dato' Wira Othman Aziz, Timbalan Ketua Eksekutif BSN, Kameel Abdul Halim dan Pengerusi BSN, Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah.

22 MAC 2017

CGC DAN AMBANK (M) BERHAD MENANDATANGANI PERJANJIAN PG PKS

CGC dan AmBank (M) Berhad (AmBank) menandatangani perjanjian Jaminan Portfolio PKS ("SPG") pada 22 Mac 2017 dalam usaha meningkatkan fokus strategik dalam membangun dan membiaya segmen Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia menerusi Perbankan PKS Ambank.

Di bawah skim ini, PKS yang layak boleh memohon kemudahan pembiayaan sehingga RM1 juta dari SME Ambank untuk pembayaran balik dalam tempoh sehingga tujuh tahun. 70 peratus pembiayaan asas dijamin oleh CGC.

Ini menandakan kesinambungan Jaminan Portfolio PKS yang dilancarkan pada September 2016, di mana sejumlah RM150 juta telah diperuntukkan dan dilanggan sepenuhnya dalam tempoh lima bulan.



Dari kiri: Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Leong Weng Choong bertukar perjanjian yang ditandatangani dengan Pengarah Urusan Perbankan Runcit Ambank (M) Berhad, Jade Lee (kanan sekali), disaksikan oleh Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (dua dari kiri) dan CEO Kumpulan Ambank, Dato' Sulaiman Mohd Tahir (dua dari kanan)

21 MEI 2017

12 JULAI 2017

CGC ANJUR MAJLIS ANUGERAH PKS KE-22

CGC menganjurkan majlis Anugerah PKS ke-22 bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan ke-44. Majlis ini dirasmikan oleh Menteri Kewangan Kedua ketika itu, Datuk Seri Johari Abdul Ghani di Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Pada majlis itu, CGC telah mengiktiraf Fls berdasarkan empat (4) kategori iaitu 'Rakan Kongsi FI Unggul (kategori keseluruhan)', 'Rakan Kongsi Pembiayaan Terbaik', 'Rakan Kongsi FI Bumiputera Unggul' dan 'Rakan Kongsi FI (Perbankan Islam) Unggul'. Pemenang Anugerah Rakan Kongsi FI Unggul (kategori keseluruhan) adalah Malayan Banking Berhad (Maybank), Maybank Islamic Berhad, CIMB Bank Berhad dan Standard Chartered Bank Berhad.

CGC juga telah mengiktiraf pelanggan pelanggan cemerlang. Anugerah Pelanggan Cemerlang disampaikan kepada pelanggan yang sudah tamat daripada Skim Jaminan CGC manakala Anugerah Pelanggan Contoh pula bagi mereka yang mempunyai rekod pembayaran pembiayaan yang baik dan ditawarkan potongan yuran jaminan.

CGC juga melancarkan logo baharu bagi meningkatkan kesedaran mengenai jenamanya di kalangan PKS dan khalayak awam. Logo baharu ini merangkumi semangat korporat dan bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai CGC di kalangan PKS.

CGC RAI ULANG TAHUN KE-45

CGC meraikan ulang tahun ke-45 pada Majlis Jamuan Aidilfitri yang diadakan pada 12 Julai di Pusat Konvensyen Sime Darby di Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Acara itu menyaksikan penyertaan kira-kira 1,000 pelanggan, rakan kongsi perniagaan, media, kakitangan dan pemegang berkepentingan.



Saat bersejarah: Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (empat dari kiri) dan Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt (tiga dari kanan) memotong kek ulang tahun bersama Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Muhammad bin Ibrahim (lima dari kiri) dan Bekas Timbalan Menteri Kewangan 1, Dato' Wira Othman Aziz (empat dari kanan) untuk menyaksikan dan diiringi Lembaga Pengarah CGC.

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017



Tumpuan utama majlis: Pelancaran logo baru CGC dan penyampaian anugerah PKS kepada Institusi Kewangan dan Pelanggan CGC.

Acara Korporat (sambungan)

3 OGOS 2017

SKIM PERANTIS PKS

'Skim Perantis PKS CGC' adalah program yang dibangunkan oleh CGC, bertujuan menyediakan latihan dan pembelajaran sambil kerja kepada graduan dalam bidang Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang masih belum mendapat pekerjaan.

Skim Perantis PKS CGC ini adalah program satu (1) tahun di mana 10 peserta dan 10 PKS menyertai program ini. CGC membayar 90 peratus gaji perantis. Sebaik menamatkan tempoh perantis, peserta PKS diberi peluang untuk mengambil perantis berkenaan sebagai pekerja tetap.

10 PKS itu terdiri daripada pelbagai bidang seperti pengilangan berasaskan pertanian, kontraktor elektrik/awam, pembinaan, teknologi hijau, agensi sumber manusia, teknologi maklumat, perkhidmatan dobi, selain industri gas dan minyak.



18 OGOS 2017

CGC MENANDATANGANI KERJASAMA DENGAN BANK RHB ISLAMIK – JAMINAN BORONG (WG)(I) BUMI

Menambah satu lagi helaian dalam kerjasama sedia ada, CGC dan RHB Islamic Bank Berhad menjalinkan perjanjian baru iaitu peruntukan pembiayaan WG untuk perniagaan Bumiputera.

Ini akan menjadi usaha sama antara kedua-dua pihak, selepas bekerjasama dalam Projek Lebuhraya Pan Borneo sebelum ini.

Persetujuan kerjasama antara CGC-RHB Islamic Bank Berhad WG (i) Bumi adalah untuk menyediakan bantuan tambahan kepada Bank untuk memanjangkan pakej pembiayaan kepada PKS Bumiputera yang layak.

Pada masa sama, kerjasama ini juga menjadi Jaminan Borong pertama di negara ini yang menawarkan pembiayaan berasaskan Syariah, dibuat khusus untuk PKS Bumiputera.



Skim ini dilancarkan oleh bekas Timbalan Menteri Belia dan Sukan ketika itu, Datuk M. Saravanan. Pengerusi CGC, Datuk Agil Natt (tujuh dari kiri), Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan (lapan dari kiri) dan Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (tujuh dari kanan) merakam saat bersama peserta PKS dan perantis baru mereka.

Dua dari kiri: MD RHB Islamic Bank Berhad's, Dato' Adissadikin Ali dan Presiden/CEO CGC Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak menandakan rasminya kerjasama menerusi jabat tangan, diapit oleh Pengarah Kumpulan Perniagaan dan Transaksi Perbankan RHB, Datin Amy Ooi Swee Lian (kiri) dan Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Leong Weng Choong (kanan).

24-27 SEPTEMBER 2017

13-17 NOVEMBER 2017

CGC ANJUR PROGRAM LATIHAN ACSIC

Program Latihan Persekutuan Institusi Kredit Tambahan Asia (ACSIC) kali ke-27 telah disertai 46 peserta dari 14 institusi dalam 10 anggota ACSIC antaranya, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mongolia, Nepal, Filipina, Korea Selatan, Sri Lanka, Taiwan dan Thailand.

Bertemakan “Institusi Kredit Tambahan: Melangkaui Batas Jaminan untuk PKS”, Program Latihan ACSIC ke-27 ini bukan hanya untuk memperkukuhkan peranan yang dimainkan oleh institusi kredit tambahan tetapi juga untuk percambahan minda dan meneroka saluran yang relevan dan berdaya saing dalam kepesatan evolusi teknologi serta ekosistem pembiayaan PKS.

Kali pertama CGC menganjurkan acara yang sama adalah pada 1991 dan kemudian pada tahun 1996.



Saat manis untuk dihayati: Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (tengah, 15 dari kiri) dan Naib Presiden Kanan Perancangan Strategik CGC, Mohd Reza Mohd Hatta (tengah, 15 dari kanan), bersama delegasi dari 10 negara yang menyertai program ini.

CGC SERTAI PERSIDANGAN ACSIC KALI KE-30

Persidangan ACSIC kali ke-30 pada November 2017 dianjurkan oleh Small and Medium Enterprise Credit Guarantee Fund of Taiwan (Taiwan SMEG), yang menyaksikan penyertaan 97 delegasi dari 10 negara anggota.

Bertemakan “Pencapaian Sistem Tambahan Kredit dan Pandangannya”, Persidangan ACSIC kali ke-30 ini menyaksikan penyertaan dari anggota baru iaitu Sri Lanka Export Credit Insurance Corporation (SLECIC).

CGC menganjurkan Persidangan ACSIC pada 1990, 1999, 2006 dan 2014.



Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt (kanan sekali) dan Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (kiri sekali) bersama pasangan masing-masing dan Naib Presiden Permuafakatan Strategik, Khidmat Nasihat dan Penjenamaan CGC, Jenny Hoh Chiew Moi (tengah) pada Persidangan ACSIC kali ke-30



Acara Korporat (sambungan)

21 NOVEMBER 2017

9 FEBRUARI 2018

CGC MENANDATANGANI KERJASAMA DENGAN AMBANK (M) BERHAD BAGI "AMBANK SME BIZ PROPERTY EXTRA"

CGC dan AmBank (M) Berhad memasuki satu lagi lembaran dalam kerjasama kedua pihak dalam usaha menyokong PKS menerusi 'Ambank SME Biz Property Extra'.

Ambank SME Biz Property Extra adalah penyelesaian pembiayaan yang membantu PKS yang mahu memiliki hartanah (aset kewangan) pada masa sama menjadi sumber modal kerja mereka.

Sejak Januari 2015, CGC dan AmBank telah menyalurkan RM1.4 bilion pembiayaan menerusi tujuh (7) bahagian di bawah skim Jaminan Portfolio (PG).



Dari kiri: Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Leong Weng Choong; Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AmBank (M) Berhad, Dato' Sulaiman Mohd Tahir dan Pengarah Urusan Perbankan Runcit, AmBank (M) Berhad, Retail Banking, Jade Lee.

CGC LANCAR IMSME, PLATFORM RUJUKAN PEMBIAYAAN/PINJAMAN PKS PERTAMA MALAYSIA

CGC berbesar hati dengan kehadiran Bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, untuk melancarkan 'imSME', platform rujukan pembiayaan/pinjaman PKS pertama Malaysia untuk manfaat perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang lazimnya dikenali sebagai PKS.

imSME, yang merupakan idea Bank Negara Malaysia, bermaksud "I am mSME" yang merangkumi pengusaha mikro, kecil dan sederhana. Platform ini mensasarkan untuk memberi manfaat kepada PKS dengan menyediakan pusat setempat dalam talian yang menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan pihak bank dan agensi.

imSME ini adalah platform dalam talian yang unik kerana ia membolehkan PKS mencari dan membuat kajian mengenai pembiayaan/pinjaman dari institusi kewangan dan institusi pembangunan kewangan yang sesuai dengan keperluan perniagaan mereka dengan lebih pantas. Usaha ini juga memperkukuhkan keupayaan layan diri PKS dan pada masa yang sama meningkatkan pengalaman dalam urusan dalam talian selari dengan gesaan BNM supaya sektor PKS mendalami teknologi kewangan (FinTech) untuk terus berdaya saing.



Gambar kenangan berkumpul bersama tetamu kehormat dan rakan-rakan kongsi imSME.



Bekas Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani (tiga dari kanan), diiringi ke platform imSME oleh kakitangan imSME. Turut menemaninya, Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (satu dari kanan) dan Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt (dua dari kanan); hadir sama, Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Jessica Chew Cheng Lian (pertama dari kiri).

6 MAC 2018

CGC JALIN USAHASAMA STRATEGIK DENGAN HONG LEONG BANK, TAWAR PEMBIAYAAN RM200 JUTA KEPADA PKS

CGC mengorak langkah ke satu lagi pencapaian dengan menandatangani perjanjian usahasama strategik dengan Hong Leong Bank Berhad dalam penyertaan skim Jaminan Portfolio (PG) untuk menawarkan pembiayaan sehingga RM200 juta kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Kerjasama sulung dengan Hong Leong Bank ini bertujuan membantu PKS dalam mencapai sasaran perniagaan dengan mengambil kira keperluan kewangan mereka. Skim ini juga boleh didapati menerusi imSME, platform rujukan pembiayaan/pinjaman dalam talian pertama di Malaysia.

Majlis menandatangani perjanjian diadakan di Menara Hong Leong Kuala Lumpur dengan disaksikan Presiden dan CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak dan Pengarah Urusan Kumpulan Hong Leong Bank, Domenic Fuda.



Kerjasama strategik antara CGC dan Hong Leong Bank (HLB) dimeterai. Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Leong Weng Choong, berjabat tangan dengan Ketua Kumpulan Perbankan SME HLB, Terrence Teoh, disaksikan Presiden dan CEO, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak dan Pengarah Urusan Kumpulan dan CEO HLB, Domenic Fuda.

6 APRIL 2018

CGC DAN STANDARD CHARTERED BANK MALAYSIA BERHAD MENANDATANGANI PERJANJIAN JAMINAN PORTFOLIO (PG)

CGC menandatangani satu lagi usahasama strategik dengan Standard Chartered Bank Malaysia Berhad; untuk menyediakan bantuan pembiayaan sehingga RM75 juta kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menerusi skim Jaminan Portfolio (PG). Majlis menandatangani perjanjian berlangsung pada 6 April 2017.

Perjanjian ditandatangani oleh Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Leong Weng Choong dan Ketua Perbankan Runcit Negara, Standard Chartered Bank Malaysia Berhad, Aaron Loo. Ia disaksikan oleh Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak dan Pengarah Urusan/CEO Standard Chartered Bank Malaysia Berhad, Abrar A. Anwar.



Ketua Pegawai Perniagaan CGC, Leong Weng Choong (kiri sekali), memegang plakad perjanjian yang ditandatangani bersama Ketua Perbankan Runcit Negara Standard Chartered Bank Malaysia Berhad, Aaron Loo (kanan sekali) disaksikan oleh Presiden/CEO CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (tengah kiri) dan Pengarah Urusan/CEO Standard Chartered Bank Malaysia Berhad, Abrar A. Anwar (tengah kanan).

CGC DALAM LIPUTAN AKHBAR



Bersama, Agil dan Mohd Zamree beramah mesra pada satu pertemuan CGC S&I di Kuala Lumpur, semalam.

CGC yakin dapat capai sasaran 2017

Credit Guarantee Corp Malaysia (CGC) yakin dapat mencapai sasaran kewangan dan prestasi tahun 2017. Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd, berkata, pihaknya yakin dapat mencapai sasaran kewangan dan prestasi tahun 2017. Beliau berkata, pihaknya yakin dapat mencapai sasaran kewangan dan prestasi tahun 2017. Beliau berkata, pihaknya yakin dapat mencapai sasaran kewangan dan prestasi tahun 2017.

CGC sedia perkhidmatan tambahan bantu PKS

● Bimbing mengadi lebih berani dalam strategi pasaran

Bank berkahat dan bank lain sedia menawarkan perkhidmatan tambahan kepada PKS. CGC sedia menawarkan perkhidmatan tambahan kepada PKS. CGC sedia menawarkan perkhidmatan tambahan kepada PKS.



Mohd Zamree Mohd, Ketua Pegawai Eksekutif CGC.

CGC sedia pembiayaan RM50 juta untuk PKS

KUALA LUMPUR – Credit Guarantee Corp Malaysia (CGC) bersedia menyediakan pembiayaan RM50 juta untuk PKS. CGC bersedia menyediakan pembiayaan RM50 juta untuk PKS. CGC bersedia menyediakan pembiayaan RM50 juta untuk PKS.



Mohd Zamree Mohd, Ketua Pegawai Eksekutif CGC.

CGC bakal luluskan pembiayaan kira-kira RM240 juta di bawah skim TPUB-I Dana untuk lebih 250 kontraktor

KUALA LUMPUR – Credit Guarantee Corp Malaysia (CGC) bakal luluskan pembiayaan kira-kira RM240 juta di bawah skim TPUB-I Dana untuk lebih 250 kontraktor. CGC bakal luluskan pembiayaan kira-kira RM240 juta di bawah skim TPUB-I Dana untuk lebih 250 kontraktor.



M. SARAVANAN (berdiri tengah) bersama Agil Natt (berdiri di kiri) dan Mohd. Zamree Mohd. (berdiri di kanan) bersama peserta uji selang pelancaran Skim Perlesenan PKS CGC di Kuala Lumpur, semalam.

3ஆவது முகநாயாக கார்ல்ஸ்ருறை நீடித்த நிதி ஆற்றல் நற்சான்றிதழை சி.சி.சி. பெற்று சாதனை

சென்னை, 16-சூன்-2016: கார்ல்ஸ்ருறை நீடித்த நிதி ஆற்றல் நற்சான்றிதழை சி.சி.சி. பெற்று சாதனை. CGC has received the Certificate of Financial Soundness from the Credit Rating Agency of India (CRAI).

Jaminan pembiayaan CGC lebih 40 peratus

● CGC SAS menyediakan jaminan lebih 40 peratus. CGC SAS menyediakan jaminan lebih 40 peratus. CGC SAS menyediakan jaminan lebih 40 peratus.



Program bantu kontraktor Bumiputera yang berkelaksanan dalam projek Lebuh Raya Pan Borneo RM500 juta untuk kontraktor

Program bantu kontraktor Bumiputera yang berkelaksanan dalam projek Lebuh Raya Pan Borneo RM500 juta untuk kontraktor

KUALA LUMPUR – Credit Guarantee Corp Malaysia (CGC) akan melaksanakan program bantu kontraktor Bumiputera yang berkelaksanan dalam projek Lebuh Raya Pan Borneo RM500 juta untuk kontraktor. CGC akan melaksanakan program bantu kontraktor Bumiputera yang berkelaksanan dalam projek Lebuh Raya Pan Borneo RM500 juta untuk kontraktor.



Program bantu kontraktor Bumiputera yang berkelaksanan dalam projek Lebuh Raya Pan Borneo RM500 juta untuk kontraktor

信託担保机构今年目标 发放47亿助近万中小企业

【本報訊】信託担保机构 (CGC) 今年目标 发放47亿助近万中小企业。信託担保机构 (CGC) 今年目标 发放47亿助近万中小企业。



Program bantu kontraktor Bumiputera yang berkelaksanan dalam projek Lebuh Raya Pan Borneo RM500 juta untuk kontraktor

信託担保机构下月 办伙食业者工作坊

【本報訊】信託担保机构 (CGC) 下月 办伙食业者工作坊。信託担保机构 (CGC) 下月 办伙食业者工作坊。

CGC获卡尔斯鲁厄荣誉证书

【本報訊】卡尔斯鲁厄荣誉证书。CGC获卡尔斯鲁厄荣誉证书。CGC获卡尔斯鲁厄荣誉证书。

Sumber dari:

- Berita Harian
- Kosmo!
- Utusan Malaysia
- Nanyang Siang Pau
- Sin Chew Daily
- New Straits Times
- The Edge
- The Star
- Tamil Nesan

西連至板督路口 泛婆大道工程延誤

基本順利

【本報吉隆坡訊】泛婆大道（Jalan Pagar）西連至板督路口路段工程，目前進展基本順利。該路段工程由柔佛州交通、建設及房屋部負責，預計將於今年內完工。

該路段工程自開工以來，一直受到當地居民的關注。由於工程涉及道路拓寬及橋樑加固，部分路段曾出現交通擁堵的情況。然而，工程負責人表示，目前工程進展順利，預計可如期完工。

泛婆大道是柔佛州的一條主要幹道，連接西連及板督兩個重要地點。該路段的改善將有助於提升交通效率，並為當地居民提供更舒適的駕駛環境。

8 (From left) Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd chairman Dato Agil Natt, Minister of Finance II Datuk Seri Johari Abdul Ghani and CGC president and CEO Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak launching CGC's new logo at the 22nd SME Awards held at Royale Chulan Kuala Lumpur on May 22.

9 (From left) Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd president and CEO Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, Second Deputy Minister of Finance Dato Lee Chee Leong, CGC chairman Dato Agil Natt and Pengerusi Malaysia (MPC) Majlis Khairuladhar Khairuddin at the launch of the CGC-Glenmarie LRT station in Petaling Jaya on Aug 30.

10 OCBC AI-Amin Bank Bhd CEO Tuan Syed Abdul Aziz Syed Khatib (in white, on and bicycle) and Credit Guarantee Corp Malaysia Bhd president and CEO Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak (on Syed's right) joining students of Sekolah Pendidikan Khua Selangor for a cycling Rally at Taman Lembah Bukit SJK, Shah Alam. The CEOs had earlier presented 20 new bicycle and helmets to the school's Cycling Club.

CGC seeks to approve RM4.9bil loans this year

Firm says financing to benefit 9,000 SMEs

PETALING JAYA: Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) is targeting to approve RM4.9 billion of loans this year, which will benefit 9,000 small and medium enterprises (SMEs).

CGC president and CEO Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak said the company is targeting to approve RM4.9 billion of loans this year, which will benefit 9,000 SMEs. He added that the company is targeting to approve RM4.9 billion of loans this year, which will benefit 9,000 SMEs.

CGC is a government-owned financial institution that provides credit guarantees to SMEs. The company's goal is to help SMEs access financing and grow their businesses.

Mohd Zamree wins '2018 Outstanding CEO' award

PETALING JAYA: Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) president and CEO Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak has been awarded the '2018 Outstanding CEO' award by the Association of Banks in Malaysia (ABM).

Zamree was recognized for his leadership and commitment to the company's growth and development. He has led CGC to achieve significant milestones in its mission to support SMEs.

CGC aims to approve guarantees worth RM4.7bil this year

KUALA LUMPUR: Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) is targeting to approve RM4.7 billion of guarantees this year, which will benefit 9,000 SMEs.

CGC president and CEO Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak said the company is targeting to approve RM4.7 billion of guarantees this year, which will benefit 9,000 SMEs. He added that the company is targeting to approve RM4.7 billion of guarantees this year, which will benefit 9,000 SMEs.

CGC is a government-owned financial institution that provides credit guarantees to SMEs. The company's goal is to help SMEs access financing and grow their businesses.

New logo launch at the launch of the new CGC logo. With him is Zamree right and Agil.

CGC is a government-owned financial institution that provides credit guarantees to SMEs. The company's goal is to help SMEs access financing and grow their businesses.

HLB teams up with CGC to offer SME loans

PETALING JAYA: Hong Leong Bank (HLB) has teamed up with Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) to offer SME loans.

HLB and CGC have entered into a strategic partnership to provide financing solutions to SMEs. This partnership will allow SMEs to access financing more easily and grow their businesses.

Cycling fun for special children

Companies include young ones in event to promote healthy lifestyle

PETALING JAYA: Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) has organized a cycling event for special children.

The event was held at a park in Petaling Jaya and was attended by many children with special needs. The event was organized to promote a healthy lifestyle and provide a fun day for the children.

CGC wins Karlsruhe Sustainable Finance certificate of merit

PETALING JAYA: Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) has been awarded the Karlsruhe Sustainable Finance certificate of merit.

The certificate is a recognition of CGC's commitment to sustainable finance and its efforts to support SMEs. It is a significant achievement for CGC and a testament to its commitment to sustainable growth.

CGC wins Karlsruhe Sustainable Finance certificate of merit

PETALING JAYA: Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) has been awarded the Karlsruhe Sustainable Finance certificate of merit.

The certificate is a recognition of CGC's commitment to sustainable finance and its efforts to support SMEs. It is a significant achievement for CGC and a testament to its commitment to sustainable growth.

CGC launches CGC-Glenmarie LRT station

PETALING JAYA: Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) has launched the CGC-Glenmarie LRT station.

The station is located in Glenmarie, Petaling Jaya, and is a major transportation hub. The launch of the station marks a significant milestone for CGC and the Klang Valley LRT system.

CGC-BSN pact to offer RM50m financing to micro enterprises

KUALA LUMPUR: Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) has entered into a pact with Bank Simpanan Nasional (BSN) to offer RM50 million of financing to micro enterprises.

The pact is a significant development for micro enterprises in Malaysia, as it provides them with access to financing and support. It is a testament to the commitment of CGC and BSN to support the growth of the micro business sector.

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

PENYATA KEWANGAN



187	Laporan Para Pengarah
191	Penyata Kedudukan Kewangan
193	Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif
194	Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
196	Penyata-penyata Aliran Tunai
200	Nota-nota Penyata Kewangan
283	Penyata Pengarah
283	Akuan Berkanun
284	Laporan Juruaudit Bebas

LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

PARA PENGARAH

Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan dan dalam tempoh semasa dari akhir tahun kewangan sehingga tarikh laporan adalah:

Dato' Agil Natt (Pengerusi)
Datuk David Chua Kok Tee
Dato' Hj. Syed Moheeb Syed Kamarulzaman
Encik Mohamed Rashdi Mohamed Ghazalli – Meletak jawatan pada 1 November 2017
Encik Teoh Kok Lin
Encik Suresh Kumar A/L T.A.S Menon
Dato' Ong Eng Bin
Puan Nadzirah Abd. Rashid
Encik Choong Tuck Oon – Dilantik pada 20 Januari 2017
Puan Jessica Chew Cheng Lian – Dilantik pada 16 Ogos 2017

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah dalam penyediaan jaminan, pinjaman dan pembiayaan.

Aktiviti utama syarikat subsidiari adalah penyediaan jaminan, pinjaman, perkhidmatan rujukan kredit, penarafan kredit dan perkhidmatan seumpamanya yang berkaitan dengan biro kredit. Tiada perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun kewangan daripada:		
Pemegang Saham Syarikat	222,497	167,849
Kepentingan tidak dikawal	(489)	–
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	222,008	167,849

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan dinyatakan dalam penyata kewangan.

TERBITAN SAHAM

Tiada sebarang perubahan di dalam modal terbitan dan berbayar penuh Syarikat sepanjang tahun kewangan.

Butiran saham dibentangkan dalam Nota 19 kepada penyata kewangan.

Laporan Para Pengarah (sambungan)

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada Pengarah Syarikat telah menerima atau layak untuk menerima apa-apa manfaat (selain daripada manfaat yang dibentangkan di dalam Imbuhan Para Pengarah) mengikut kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah itu adalah ahli, atau dengan syarikat lain di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, Syarikat serta Syarikat Subsidiari tidak terlibat dalam sebarang rancangan yang bertujuan untuk membolehkan Pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui saham atau debentur Syarikat, atau mana-mana syarikat lain.

DIVIDEN

Tiada dividen yang dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak akhir tahun keuntungan lepas. Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang bayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

IMBUHAN PARA PENGARAH

Butiran imbuhan para pengarah dibentangkan dalam Nota 42 kepada penyata kewangan.

SKIM OPSYEN SAHAM

Tiada opsyen saham yang dikeluarkan oleh Syarikat sepanjang tahun kewangan.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

- (a) Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:
 - (i) untuk memastikan bahawa tindakan yang betul telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah pun dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, yang tidak berkemungkinan menunjukkan nilai buku sebenar dalam urusan perniagaan biasa termasuk nilai aset semasa seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat, telah diturun nilai ke paras aset semasa yang dijangka dapat dihasilkan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari akan sebarang keadaan:
 - (i) yang mungkin menyebabkan jumlah yang dihapus kira sebagai hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu tidak mencukupi pada tahap ketara; atau
 - (ii) yang mungkin menyebabkan nilai aset semasa Kumpulan dan Syarikat dalam penyata kewangan mengelirukan; atau
 - (iii) yang wujud yang mungkin menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang boleh mengelirukan atau tidak tepat.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMBUNGAN)

- (c) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
 - (i) sebarang caj ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang dikenakan sejak akhir tahun kewangan bagi menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangkaan Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (d) Tiada liabiliti luar jangkaan atau liabiliti lain bagi mana-mana syarikat dalam Kumpulan yang telah dikuatkuasakan atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat dan subsidiarinya untuk memenuhi tanggungjawab mereka apabila tiba masanya.
- (e) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang tidak dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang boleh menyebabkan apa-apa jumlah yang dinyatakan di dalam masing-masing penyata kewangan mengelirukan.
- (f) Pada pendapat para Pengarah:
 - (i) hasil operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan bersifat luar biasa; dan
 - (ii) tiada perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan bersifat luar biasa dalam tempoh antara akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini yang mungkin menjejaskan hasil operasi Kumpulan dan Syarikat dengan ketara bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

SUBSIDIARI

Butiran Syarikat subsidiari dibentangkan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang pegangan saham oleh Syarikat subsidiari di dalam Syarikat.

IMBUHAN JURUAUDIT

Butiran imbuhan juruaudit dibentangkan dalam Nota 37 kepada penyata kewangan.

ULASAN PERNIAGAAN

(a) Agenda Rangkuman Kewangan CGC

Inisiatif CGC pada tahun 2017 adalah strategi yang selaras dengan Pelan Tindakan Sektor Kewangan Bank Negara Malaysia ("BNM"), khususnya bagi mempertingkatkan rangkuman kewangan. CGC telah memulakan usaha bagi menyediakan lebih akses pembiayaan bagi pihak PKS melalui saluran, produk dan perkhidmatan yang berinovatif. Pada November 2017, CGC melancarkan imSME, iaitu platform rujukan pembiayaan/pinjaman PKS dalam talian yang pertama di Malaysia. Ia memudahkan golongan PKS dalam mendapatkan akses kepada pelbagai pilihan produk dan perkhidmatan pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi kewangan dan agensi pembangun kapasiti yang terlibat.

Program-program Pembangunan Kapasiti CGC memberikan tumpuan kepada tiga (3) tonggak utama: Program Mentor, Akses Pasaran dan Inisiatif Merentas Sempadan dan telah memanfaatkan lebih daripada 1,300 PKS.

Laporan Para Pengarah (sambungan)

ULASAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

(b) Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Prestasi CGC pada 2017 sebahagian besarnya disokong oleh peningkatan pendapatan operasi. Rancangan Strategik 5-tahun: 2016-2020 (5SP) berada di landasan yang betul dan dijangka mencatatkan peningkatan selanjutnya dalam langkah ke hadapan. 5SP akan menjalani kajian semula separuh penggal dengan tujuan memastikan 5SP mengikuti persekitaran perniagaan semasa.

(c) Risiko Utama & Pengurangan

Perkara berisiko yang menjadi kemusykilan termasuk:

- (i) Ketidakpastian tentang keadaan ekonomi yang menyebabkan kelembapan perniagaan bagi PKS akan mempengaruhi perniagaan CGC. Pengurusan risiko kredit dan portfolio yang teguh melalui pemantauan yang konsisten, analisis data dan pelaporan yang termaklum, pematuhan kepada piawaian MFRS dan ICAAP BNM adalah beberapa langkah yang diambil bagi mengurangkan risiko ini.
- (ii) Risiko operasi telah memuncak terutamanya dengan pendedahan yang meluas kepada teknologi. Tadbir urus Maklumat Teknologi dan keselamatan siber adalah risiko utama dan dipantau dengan teliti. Kawalan relevan telah disediakan dalam usaha untuk menguruskannya risiko operasi tersebut.
- (iii) CGC terus mengikuti perkembangan kawal selia dan undang-undang bagi memastikan pematuhan garis panduan dan langkah-langkah yang dikeluarkan oleh pengawal selia. Langkah-langkah pencegahan yang berkaitan yang mencerminkan profil risiko pematuhan CGC dilaksanakan dan dipantau secara berkala.

(d) Pembangunan Bakat

Usaha untuk memupuk dan meningkatkan kecekapan bakat CGC tetap menjadi agenda utama. Pada Oktober 2017, CGC menubuhkan Unit Pengalaman & Komunikasi Dalam Kakitangan yang bertujuan mewujudkan pengalaman kakitangan yang holistik yang mendorong penglibatan dan peningkatan kemahiran kerja bagi memastikan kebersediaan kakitangan untuk pendigitalan.

(e) Pembangunan Komuniti

Dalam memelihara kemampanan, CGC sentiasa terlibat dengan pihak komuniti untuk menjalinkan hubungan dan membantu golongan yang kurang bernasib baik sambil meningkatkan keterampilan dan kesedaran jenama CGC. Program-program Tanggungjawab Korporat telah dianjurkan, terutamanya semasa musim perayaan utama bagi meraih semangat memberi kembali kepada masyarakat.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers PLT (LLP0014401-LCA & AF 1146), telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

PricewaterhouseCoopers PLT (LLP0014401-LCA & AF 1146) telah didaftarkan pada 2 Januari 2018 dan berkuat kuasa dari tarikh tersebut, PricewaterhouseCoopers (AF 1146), sebuah perkongsian konvensional telah ditukar kepada perkongsian liabiliti terhad.

Laporan ini diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah bertarikh 23 April 2018. Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



DATO' AGIL NATT
Pengerusi



NADZIRAH ABD. RASHID
Pengarah

Kuala Lumpur

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 31 Disember 2017

Nota	Kumpulan		Syarikat		
	31.12.2017 RM'000	31.12.2016 RM'000	31.12.2017 RM'000	31.12.2016 RM'000	
ASET					
Hartanah, loji dan peralatan	4	24,672	20,540	24,018	19,925
Aset tidak ketara	5	16,930	18,663	11,688	13,164
Pelaburan dalam subsidiari	6	—	—	—	5,182
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	7	840,321	788,050	500,200	500,200
Pelaburan berstruktur: Nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL")	8	147,061	143,868	147,061	143,868
Sekuriti pelaburan: AFS	9	1,762,312	1,491,345	1,762,312	1,491,345
Sekuriti pelaburan: Dipegang sehingga matang ("HTM")	10	172,575	90,574	172,575	90,574
Sekuriti pelaburan: Dipegang untuk dagangan ("HFT")	11	—	15,115	—	15,115
Sekuriti pelaburan: FVTPL	12	772,225	649,676	772,225	649,676
Aset kewangan derivatif	13	2,420	145	2,420	145
Depositi berjangka	14	1,080,949	1,334,841	1,080,949	1,334,841
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	15	189,724	192,627	189,724	192,627
Pinjaman belum berbayar daripada subsidiari	16	—	—	125	125
Jumlah belum berbayar daripada subsidiari	16	—	—	4,436	1,865
Penghutang perniagaan dan penghutang lain	18	18,388	29,739	16,174	28,197
Tunai dan setara tunai		64,332	65,900	58,522	59,970
JUMLAH ASET		5,091,909	4,841,083	4,742,429	4,546,819

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

EKUITI DAN LIABILITI					
Ekuiti yang diagihkan kepada Pemegang Saham Syarikat					
Modal saham	19	1,585,600	1,585,600	1,585,600	1,585,600
Rizab	20	870,742	795,375	870,742	795,375
Pendapatan tertahan		1,141,435	994,305	797,836	705,354
Rizab sedia untuk jualan	21	14,041	2,204	12,537	2,275
		3,611,818	3,377,484	3,266,715	3,088,604
Kepentingan tidak dikawal		1,971	2,460	—	—
JUMLAH EKUITI		3,613,789	3,379,944	3,266,715	3,088,604

Penyata Kedudukan Kewangan (sambungan) pada 31 Disember 2017

		Kumpulan		Syarikat	
		31.12.2017 RM'000	31.12.2016 RM'000	31.12.2017 RM'000	31.12.2016 RM'000
Nota					
LIABILITI					
Jumlah belum berbayar kepada Bank Negara Malaysia ("BNM")	17	509	1,919	509	1,919
Dana daripada BNM	22	801,500	801,500	801,500	801,500
Skim Jaminan Usahawan Kecil ("SEGS")	23	37,176	44,523	37,176	44,523
Tabung Usahawan Kecil ("TUK")	24	38,326	36,809	38,326	36,809
Dana Kerajaan	25	150,342	150,342	150,342	150,342
Saham keutamaan	26	200,000	200,000	200,000	200,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil ("SEFF")	27	11,075	11,075	11,075	11,075
Liabiliti kewangan derivatif	28	228	1,014	228	1,014
Pinjaman belum berbayar kepada kepentingan tidak dikawal	30	38	38	—	—
Peruntukan bagi tuntutan di bawah skim jaminan	29	22,799	20,743	22,799	20,743
Tuntutan pemiutang		1,480	1,671	1,480	1,671
Pemiutang perniagaan dan pemiutang lain	30	214,647	191,125	212,279	188,619
Liabiliti cukai tertunda	38	—	380	—	—
JUMLAH LIABILITI		1,478,120	1,461,139	1,475,714	1,458,215
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		5,091,909	4,841,083	4,742,429	4,546,819

PENYATA-PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2017 RM'000	2016 RM'000	2017 RM'000	2016 RM'000
Hasil	33	165,582	139,912	155,575	131,883
Pendapatan pelaburan	34	187,374	178,232	187,374	178,232
		352,956	318,144	342,949	310,115
Pendapatan operasi lain	35	58,062	61,769	64,677	68,032
Jumlah pendapatan		411,018	379,913	407,626	378,147
Kos kakitangan	36	71,812	62,702	68,717	60,417
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan		4,911	3,783	4,745	3,662
Pelunasan aset tidak ketara		6,016	4,623	4,332	3,021
Peruntukan bagi tuntutan di bawah skim jaminan		99,743	71,370	99,743	71,370
Peruntukan bagi rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (bersih)		7,793	20,335	7,793	20,335
Peruntukan dibuat bagi rosot nilai pelaburan dalam subsidiari		—	—	5,182	14,993
Perbelanjaan faedah bagi pinjaman daripada Kerajaan		4,500	4,500	4,500	4,500
Perbelanjaan operasi lain		51,582	38,659	44,765	32,119
Jumlah perbelanjaan operasi		246,357	205,972	239,777	210,417
Bahagian keuntungan selepas cukai syarikat bersekutu		56,997	62,723	—	—
Keuntungan sebelum cukai	37	221,658	236,664	167,849	167,730
Cukai	38	350	(380)	—	—
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		222,008	236,284	167,849	167,730

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

Pendapatan komprehensif lain:				
Perkara yang boleh dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian selepas akhir tahun				
Rizab sedia untuk jualan				
– Kerugian nilai saksama bersih atas pelaburan AFS	10,262	2,147	10,262	2,147
– Keuntungan diperoleh dipindahkan kepada penyata pendapatan selepas pelupusan	—	(13,838)	—	(13,838)
– Bahagian pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu	1,575	1,009	—	—
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain bagi tahun kewangan	11,837	(10,682)	10,262	(11,691)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	233,845	225,602	178,111	156,039
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun kewangan boleh diagihkan kepada:				
Pemegang-pemegang saham Syarikat	222,497	237,191	167,849	167,730
Kepentingan tidak dikawal	(489)	(907)	—	—
	222,008	236,284	167,849	167,730
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan boleh diagihkan kepada:				
Pemegang-pemegang saham Syarikat	234,334	226,509	178,111	156,039
Kepentingan tidak dikawal	(489)	(907)	—	—
	233,845	225,602	178,111	156,039

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan.

■ PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

Kumpulan	Nota	Boleh Diagihkan kepada Pemegang-pemegang Saham Syarikat							
		Modal saham RM'000	Rizab Program Khas RM'000	Rizab Skim Perbankan Islam ("SPI") RM'000	Rizab Khas RM'000	Rizab AFS RM'000	Pendapatan tersimpan RM'000	Kepentingan tidak dikawal RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Baki pada 1 Januari 2016		1,585,600	258,081	14,343	456,800	12,886	823,265	3,367	3,154,342
Jumlah pendapatan/ (kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan		—	—	—	—	(10,682)	237,191	(907)	225,602
Pindahan antara pemegang saham		—	—	—	—	—	—	—	—
Pindahan antara rizab	20	—	14,140	595	51,416	—	(66,151)	—	—
Baki pada 31 Disember 2016		1,585,600	272,221	14,938	508,216	2,204	994,305	2,460	3,379,944
Baki pada 1 Januari 2017 – seperti dilaporkan sebelumnya		1,585,600	272,221	14,938	508,216	2,204	994,305	2,460	3,379,944
Jumlah pendapatan/ (kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan		—	—	—	—	11,837	222,497	(489)	233,845
Pindahan antara pemegang saham		—	—	—	—	—	—	—	—
Pindahan antara rizab	20	—	16,631	692	58,044	—	(75,367)	—	—
Baki pada 31 Disember 2017		1,585,600	288,852	15,630	566,260	14,041	1,141,435	1,971	3,613,789

Syarikat	Nota	Tidak Boleh Diagih					Boleh Diagih	
		Modal saham RM'000	Rizab Program Khas RM'000	Rizab Skim Perbankan Islam ("SPI") RM'000	Rizab Khas RM'000	Rizab AFS RM'000	Pendapatan tersimpan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Baki pada 1 Januari 2016		1,585,600	258,081	14,343	456,800	13,966	603,775	2,932,565
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		—	—	—	—	(11,691)	167,730	156,039
Pindahan antara rizab	20	—	14,140	595	51,416	—	(66,151)	—
Baki pada 31 Disember 2016		1,585,600	272,221	14,938	508,216	2,275	705,354	3,088,604

Baki pada 1 Januari 2017 — seperti dilaporkan sebelumnya		1,585,600	272,221	14,938	508,216	2,275	705,354	3,088,604
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		—	—	—	—	10,262	167,849	178,111
Pindahan antara rizab	20	—	16,631	692	58,044	—	(75,367)	—
Baki pada 31 Disember 2017		1,585,600	288,852	15,630	566,260	12,537	797,836	3,266,715

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

■ PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

196

	Kumpulan		Syarikat	
	2017 RM'000	2016 RM'000	2017 RM'000	2016 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN OPERASI				
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	222,008	236,284	167,849	167,730
<u>Pelarasan untuk:</u>				
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	4,911	3,783	4,745	3,662
Pelunasan aset tidak ketara	6,016	4,623	4,332	3,021
Kerugian daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	31	82	31	82
Hapus kira aset tak ketara	26	30	3	29
Keuntungan daripada pelupusan dana pelaburan: AFS (Keuntungan)/kerugian belum diperoleh ke atas pelaburan berstruktur	— (3,193)	(14,991) 6,132	— (3,193)	(14,991) 6,132
Kerugian nilai saksama belum diperoleh daripada pelaburan berstruktur	—	10,163	—	10,163
Keuntungan daripada pelaburan AFS	(892)	(1,305)	(892)	(1,305)
Keuntungan diperoleh daripada pelaburan FVTPL (Keuntungan)/kerugian diperoleh daripada pelaburan dipegang untuk dagangan	(7,953) (183)	(23,674) 183	(7,953) (183)	(23,674) 183
(Pertambahan)/pelunasan premium daripada pelaburan dipegang untuk dagangan	(3)	3	(3)	3
Kerugian nilai saksama belum diperoleh daripada pelaburan FVTPL	14,849	2,868	14,849	2,868
Kerugian pertukaran asing belum direalisasi ke atas pelaburan FVTPL	499	—	499	—
Pelunasan premium pelaburan AFS	965	407	965	407
Pelunasan premium pelaburan FVTPL	2,262	2,193	2,262	2,193
(Keuntungan)/kerugian diperoleh daripada derivatif	(17,348)	3,850	(17,348)	3,850
(Keuntungan)/kerugian belum diperoleh derivatif	(3,060)	2,217	(3,060)	2,217
Peruntukan bagi tuntutan di bawah skim jaminan	99,743	71,370	99,743	71,370
Peruntukan bagi rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (bersih)	7,793	20,335	7,793	20,335
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dihapus kira	(96,734)	(10)	(96,734)	(10)
Peruntukan dibuat bagi rosot nilai pelaburan dalam subsidiari	—	—	5,182	14,993
Pelunasan pendapatan tertunda	(3,170)	(3,381)	(3,170)	(3,381)
Pertambahan pinjaman Kerajaan	3,170	3,381	3,170	3,381
Perbelanjaan faedah daripada pinjaman Kerajaan	4,500	4,500	4,500	4,500
Perkongsi keuntungan syarikat bersekutu	(56,997)	(62,723)	—	—
Cukai	(374)	380	—	—
Tambahan faedah akan diterima daripada pelaburan (Tambahan)/kurangan jumlah belum berbayar daripada subsidiari	176,866 (6,107)	266,700 (10,357)	183,387 (6,107)	273,758 (10,357)
Kurangan/(tambahan) penghutang perniagaan dan penghutang lain	— 11,351	— (10,966)	(2,571) 12,023	6,281 (11,564)
Kurangan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	91,844	22,776	91,844	22,776
Kurangan tuntutan pemiutang	(97,879)	(86,042)	(97,879)	(86,042)
Tambahan dalam pemiutang lain	26,694	21,342	26,830	21,582
Tunai dijana daripada operasi	202,769	203,453	207,527	216,434
Cukai dibayar	(7)	(1)	—	—
Aliran masuk tunai bersih daripada kegiatan operasi	202,762	203,452	207,527	216,434

	Kumpulan		Syarikat	
	2017 RM'000	2016 RM'000	2017 RM'000	2016 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN				
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	3	150	3	150
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(9,431)	(6,892)	(9,141)	(6,473)
Pembelian aset tidak ketara	(3,955)	(6,003)	(2,590)	(4,857)
Pengagihan modal bersih dalam dana pelaburan ("AFS")	—	30,024	—	30,024
Pembelian pelaburan AFS	(398,082)	(750,086)	(398,082)	(750,086)
Pembelian pelaburan berstruktur	—	(150,000)	—	(150,000)
Pembelian pelaburan FVTPL	(493,880)	(802,387)	(493,880)	(802,387)
Pembelian pelaburan dipegang hingga matang	(80,000)	—	(80,000)	—
Pembelian pelaburan dipegang untuk dagangan	—	(15,165)	—	(15,165)
Perolehan daripada pelupusan pelaburan AFS	139,999	231,322	139,999	231,322
Perolehan daripada pelupusan pelaburan FVTPL	363,221	833,235	363,221	833,235
Perolehan daripada pelupusan pelaburan HFT	15,165	—	15,165	—
Perolehan daripada kematangan pelaburan berstruktur	—	300,000	—	300,000
Tambahan/(kurangan) dalam liabiliti kewangan derivatif — bersih	17,348	(6,712)	17,348	(6,712)
Kurangan dalam deposit berjangka	253,892	305,916	253,892	305,916
Dividen diterima daripada syarikat bersekutu	6,300	5,950	—	—
Aliran keluar tunai bersih daripada kegiatan pelaburan	(189,420)	(30,648)	(194,065)	(35,033)
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN				
Pembayaran balik Skim Jaminan Usahawan Kecil	(9,000)	(9,000)	(9,000)	(9,000)
Pembayaran balik Kemudahan Pemodenan dan Bantuan SME	—	(150,000)	—	(150,000)
Pembayaran balik faedah daripada dana Kerajaan (Pengurangan)/peningkatan jumlah terhutang kepada BNM	(4,500)	(4,500)	(4,500)	(4,500)
	(1,410)	1,427	(1,410)	1,427
Aliran keluar tunai bersih dalam kegiatan pembiayaan	(14,910)	(162,073)	(14,910)	(162,073)
PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA TAHUN KEWANGAN	(1,568)	10,731	(1,448)	19,328
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN	65,900	55,169	59,970	40,642
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	64,332	65,900	58,522	59,970
Tunai dan setara tunai merangkumi: Wang tunai dan baki bank	64,332	65,900	58,522	59,970

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

Penyata-penyata Aliran Tunai (sambungan)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

Kumpulan	Pada 1 Januari 2017 RM'000	Aliran tunai RM'000	Perubahan bukan tunai		Pada 31 Disember 2017 RM'000
	Tambahan faedah RM'000		Akruan faedah RM'000		
Jumlah terhutang kepada Bank Negara Malaysia ("BNM")	1,919	(1,410)	—	—	509
Dana daripada BNM	801,500	—	—	—	801,500
Skim Jaminan Usahawan Kecil ("SEGS")	44,523	(9,000)	1,653	—	37,176
Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS	—	—	—	—	—
Tabung Usahawan Kecil ("TUK")	36,809	—	1,517	—	38,326
Dana kerajaan	150,342	(4,500)	—	4,500	150,342
Saham keutamaan	200,000	—	—	—	200,000
Dana Pembiayaan Usahawan Kecil ("SEFF")	11,075	—	—	—	11,075
	1,246,168	(14,910)	3,170	4,500	1,238,928

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

Kumpulan	Pada 1 Januari 2016 RM'000	Aliran tunai RM'000	Perubahan bukan tunai		Pada 31 Disember 2016 RM'000
			Tambahan faedah RM'000	Akruan faedah RM'000	
Jumlah terhutang kepada Bank Negara Malaysia ("BNM")	492	1,427	—	—	1,919
Dana daripada BNM	801,500	—	—	—	801,500
Skim Jaminan Usahawan Kecil ("SEGS")	51,599	(9,000)	1,924	—	44,523
Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS	150,000	(150,000)	—	—	—
Tabung Usahawan Kecil ("TUK")	35,352	—	1,457	—	36,809
Dana kerajaan	150,342	(4,500)	—	4,500	150,342
Saham keutamaan	200,000	—	—	—	200,000
Dana Pembiayaan Usahawan Kecil ("SEFF")	11,075	—	—	—	11,075
	1,400,360	(162,073)	3,381	4,500	1,246,168

Syarikat	Pada 1 Januari 2017 RM'000	Aliran tunai RM'000	Perubahan bukan tunai		Pada 31 Disember 2017 RM'000
			Tambahan faedah RM'000	Akruan faedah RM'000	
Jumlah terutang kepada Bank Negara Malaysia ("BNM")	1,919	(1,410)	—	—	509
Dana daripada BNM	801,500	—	—	—	801,500
Skim Jaminan Usahawan Kecil ("SEGS")	44,523	(9,000)	1,653	—	37,176
Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS	—	—	—	—	—
Tabung Usahawan Kecil ("TUK")	36,809	—	1,517	—	38,326
Dana kerajaan	150,342	(4,500)	—	4,500	150,342
Saham keutamaan	200,000	—	—	—	200,000
Dana Pembiayaan Usahawan Kecil ("SEFF")	11,075	—	—	—	11,075
	1,246,168	(14,910)	3,170	4,500	1,238,928

Syarikat	Pada 1 Januari 2016 RM'000	Aliran tunai RM'000	Perubahan bukan tunai		Pada 31 Disember 2016 RM'000
			Tambahan faedah RM'000	Akruan faedah RM'000	
Jumlah terutang kepada Bank Negara Malaysia ("BNM")	492	1,427	—	—	1,919
Dana daripada BNM	801,500	—	—	—	801,500
Skim Jaminan Usahawan Kecil ("SEGS")	51,599	(9,000)	1,924	—	44,523
Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS	150,000	(150,000)	—	—	—
Tabung Usahawan Kecil ("TUK")	35,352	—	1,457	—	36,809
Dana kerajaan	150,342	(4,500)	—	4,500	150,342
Saham keutamaan	200,000	—	—	—	200,000
Dana Pembiayaan Usahawan Kecil ("SEFF")	11,075	—	—	—	11,075
	1,400,360	(162,073)	3,381	4,500	1,246,168

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

■ NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

– 31 Disember 2017

1. KEGIATAN UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Syarikat ini adalah syarikat awam yang mempunyai liabiliti terhad awam, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah di Aras 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tempat utama urusan perniagaan Syarikat terletak di Aras 8, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Kegiatan utama Syarikat adalah memberi jaminan, pinjaman dan pembiayaan. Kegiatan utama subsidiari adalah menyediakan perkhidmatan rujukan kredit, penarafan kredit dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan biro kredit.

Penyata kewangan ini diluluskan untuk terbitan mengikut resolusi Lembaga Pengarah pada 23 April 2018.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Dasar-dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam menangani perkara-perkara yang dianggap penting berhubung dengan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut peruntukan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan utama.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan yang kritikal serta andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan dalam tempoh yang dilaporkan. Pertimbangan para Pengarah juga diperlukan dalam proses mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Kumpulan dan Syarikat. Walaupun anggaran dan pertimbangan tersebut dibuat berdasarkan kebijaksanaan para Pengarah mengenai peristiwa semasa dan tindakan terkini, namun keputusan sebenar mungkin berbeza.

Perkara yang melibatkan tahap pertimbangan yang lebih tinggi atau rumit, atau bidang di mana andaian dan anggaran memberi kesan kepada penyata kewangan dinyatakan dalam Nota 3.

(a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuat kuasa.

Kumpulan dan Syarikat telah mengguna pakai pindaan berikut buat kali pertama bagi tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2017:

- Pindaan kepada MFRS 107 "Penyata Aliran Tunai – Inisiatif Pendedahan
- Pindaan kepada MFRS 112 "Cukai Pendapatan – Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda bagi Kerugian Belum Diperoleh
- Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2014-2016: MFRS 12 "Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain"

Penerimaan Pindaan kepada MFRS 107 telah memerlukan pendedahan tambahan terhadap perubahan liabiliti yang wujud daripada aktiviti pembiayaan. Selain daripada itu, penerimaan pindaan kepada piawaian yang diterbitkan tidak memberi apa-apa kesan kepada penyata kewangan Syarikat.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

(b) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa.

Beberapa piawaian dan pindaan baharu kepada piawaian dan tafsiran yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan bermula selepas 1 Januari 2017:

- Tafsiran IC 22 'Urus Niaga Mata Wang Asing dan Pertimbangan Pendahuluan (berkuat kuasa dari 1 Januari 2018) diguna pakai apabila sesebuah entiti mengiktiraf aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan yang timbul daripada pembayaran atau penerimaan pertimbangan pendahuluan. MFRS 121 memerlukan sesebuah entiti menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga untuk mencatatkan urus niaga mata wang asing.

Tafsiran IC 22 menyediakan garis panduan cara untuk menentukan 'tarikh urus niaga' apabila satu pembayaran/penerimaan tunggal dibuat, serta situasi di mana beberapa pembayaran/penerimaan dibuat.

Tarikh urus niaga adalah tarikh apabila pembayaran atau penerimaan bayaran pendahuluan menyebabkan wujud aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan apabila entiti berkenaan tidak lagi terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing.

Jika terdapat beberapa pembayaran atau penerimaan secara pendahuluan, entiti berkenaan perlu menentukan tarikh urus niaga bagi setiap pembayaran atau penerimaan.

Sesebuah entiti mempunyai pilihan untuk mengguna pakai Tafsiran IC 22 secara retrospektif atau prospektif.

- MFRS 9 'Instrumen Kewangan' (berkuat kuasa dari 1 Januari 2018) akan menggantikan MFRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran".

Kumpulan dan Syarikat telah mengkaji semula aset dan liabiliti kewangan dan menjangkakan kesan berikut ekoran penerimaan piawaian baharu:

(A) Klasifikasi dan pengukuran

MFRS 9 mengekalkan tetapi meringkaskan model pengukuran campuran dalam MFRS 139 dan mewujudkan tiga kategori pengukuran utama bagi aset kewangan: kos yang dilunaskan, nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL") dan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI"). Asas klasifikasi bergantung kepada model perniagaan entiti dan ciri-ciri aliran tunai aset kewangan. Pelaburan dalam pelaburan ekuiti sentiasa diukur pada nilai saksama melalui untung rugi dengan pilihan tidak boleh batal pada peringkat permulaan untuk menunjukkan perubahan dalam nilai saksama dalam pendapatan komprehensif lain ("OCI") (dengan syarat instrumen tidak dipegang untuk dagangan). Instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan hanya jika entiti tersebut memegangnya untuk mengutip aliran tunai yang dikontrak dan aliran tunai tersebut mewakili jumlah prinsipal dan faedah.

(i) Instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai FVOCI

Instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai FVOCI akan diukur pada nilai saksama, dengan perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam rizab FVOCI. Keuntungan atau kerugian yang direalisasikan dari penjualan aset kewangan di FVOCI akan dipindahkan ke untung atau rugi atas jualan.

Majoriti instrumen hutang Kumpulan dan Syarikat yang diklasifikasi sebagai pelaburan kewangan AFS akan memenuhi syarat untuk klasifikasi sebagai FVOCI dan oleh yang sedemikian tiada perubahan kepada perakaunan aset-aset tersebut, kecuali bagi dua pelaburan yang tidak lulus ujian "pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata" (SPPI) yang ditetapkan di bawah MFRS 9 dan pelaburan ini diklasifikasikan sebagai FVTPL. Perolehan nilai saksama yang berkaitan untuk kedua-dua pelaburan tersebut perlu dipindahkan dari rizab sedia untuk dijual kepada pendapatan dikekalkan pada 1 Januari 2018.

Nota-nota Penyata Kewangan (sambungan)

– 31 Disember 2017

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

(b) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa. (sambungan)

- MFRS 9 'Instrumen Kewangan' (berkuat kuasa dari 1 Januari 2018) akan menggantikan MFRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran". (sambungan)

(A) Klasifikasi dan pengukuran (sambungan)

(ii) Instrumen kewangan yang diklasifikasi sebagai kos pelunasan

Majoriti instrumen hutang Kumpulan dan Syarikat yang kini diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan HTM dan diukur pada kos pelunasan akan memenuhi syarat-syarat klasifikasi pada kos pelunasan di bawah MFRS 9 dan akan terus diukur pada kos pelunasan.

(iii) Instrumen kewangan yang diklasifikasi sebagai FVTPL

Di bawah MFRS 9, FVTPL merupakan kategori baki dan instrumen kewangan yang tidak layak untuk diiktiraf sebagai FVOCI atau pada kos pelunasan akan diiktiraf sebagai FVTPL. Majoriti instrumen yang kini dipegang pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian akan terus diukur berdasarkan asas yang sama di bawah MFRS 9. Kumpulan dan Syarikat mempunyai instrumen kewangan yang kini diklasifikasikan di bawah pelaburan kewangan AFS yang tidak lulus ujian SPPI akan dikelaskan semula sebagai FVTPL seperti yang disebutkan dalam perenggan (A)(i) di atas.

(B) Liabiliti kewangan

Tiada kesan kepada perakaunan Kumpulan dan Syarikat untuk liabiliti kewangan, oleh kerana keperluan baharu hanya mempengaruhi perakaunan liabiliti kewangan yang ditetapkan di FVTPL maka Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai liabiliti seperti ini. Peraturan penyahiktirafan telah dipindahkan dari MFRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran" tanpa sebarang perubahan.

(C) Rosot nilai

MFRS 9 memperkenalkan model kerugian kredit jangkaan daripada kemerosotan nilai yang menggantikan model kerugian kemerosotan nilai yang ditanggung dalam MFRS 139. Model risiko kerugian kredit yang dijangka adalah berciri masa depan dan tidak memerlukan sesuatu peristiwa berlaku sebelum kerugian kredit diiktiraf.

Model rosot nilai baharu memerlukan pengiktirafan peruntukan rosot nilai berdasarkan kerugian kredit yang dijangkakan ("ECL") dan bukan hanya kerugian kredit yang ditanggung di bawah MFRS 139. Ia termasuk aset kewangan yang diklasifikasi pada kos pelunasan, instrumen hutang yang diukur pada FVOCI, aset kontrak di bawah MFRS 15 "Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan", bayaran pajakan belum diterima, tanggungan pinjaman dan kontrak jaminan kewangan tertentu.

Di bawah MFRS 9, rosot nilai akan diukur pada setiap tarikh pelaporan menurut tiga peringkat model rosot nilai kerugian kredit yang dijangka:

- Peringkat 1 – dari pengiktirafan permulaan aset kewangan hingga tarikh risiko kredit aset meningkat dengan ketara berbanding dengan pengiktirafan awalnya, peruntukan kerugian diiktiraf sama dengan kerugian kredit yang dijangka hasil daripada kegagalan berlaku sepanjang 12 bulan seterusnya (ECL 12-bulan).
- Peringkat 2 – berikutan peningkatan ketara dalam risiko kredit berbanding dengan pengiktirafan permulaan aset kewangan, peruntukan kerugian diiktiraf sama dengan kerugian kredit yang dijangka sepanjang baki tempoh hayat aset tersebut (Lifetime ECL)
- Peringkat 3 – Apabila aset kewangan dianggap terjejas akibat kredit, peruntukan kerugian bersamaan dengan kerugian kredit sepanjang hayat penuh yang diiktiraf (Lifetime ECL).

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

(b) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa. (sambungan)

- MFRS 9 'Instrumen Kewangan' (berkuat kuasa dari 1 Januari 2018) akan menggantikan MFRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran". (sambungan)

(D) Keperluan pendedahan

Piawaian baharu juga memperkenalkan keperluan pendedahan yang diperluaskan dan perubahan pemberian maklumat. Ini diharapkan dapat mengubah sifat dan tahap pendedahan Kumpulan dan Syarikat mengenai instrumen kewangan mereka terutamanya pada tahun penerimaan piawaian baharu.

Kumpulan dan Syarikat sedang dalam proses melaksanakan piawaian ini. Walau bagaimanapun, berdasarkan penilaian permulaan yang dijalankan, Kumpulan dan Syarikat menjangka peningkatan dalam peruntukan rosot nilai pada kontrak jaminan kewangan dan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan di bawah keperluan rosot nilai baharu, yang akan mengakibatkan pengurangan dalam pembukaan pendapatan dikekalkan pada 1 Januari 2018.

- MFRS 15 'Hasil daripada kontrak dengan pelanggan' (berkuat kuasa dari 1 Januari 2018) menggantikan MFRS 118 'Hasil' dan MFRS 111 'Kontrak Pembinaan' dan tafsiran yang berkenaan dengannya.

Prinsip teras dalam MFRS 15 adalah sesebuah entiti mengiktiraf hasil untuk menggambarkan pindahan barangan atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan dalam satu jumlah yang menunjukkan pembayaran yang dijangka layak oleh entiti sebagai pertukaran bagi barangan atau perkhidmatan tersebut.

Hasil diiktiraf apabila pelanggan memperoleh kawalan ke atas barangan atau perkhidmatan berkenaan iaitu apabila pelanggan mempunyai keupayaan untuk mengarahkan penggunaan dan mendapat manfaat daripada barangan atau perkhidmatan tersebut.

Proses lima langkah digunakan sebelum hasil boleh diiktiraf:

- Mengenal pasti kontrak dengan pelanggan;
- Mengenal pasti obligasi pelaksanaan yang berasingan;
- Menentukan harga urus niaga kontrak;
- Memperuntukkan harga urus niaga kepada setiap obligasi pelaksanaan; dan
- Mengiktiraf hasil apabila setiap obligasi pelaksanaan dipenuhi.

Peruntukan utama piawaian baharu ini adalah seperti berikut:

- Apa jua barangan atau perkhidmatan pukal yang berbeza perlu diiktiraf secara berasingan dan sebarang diskaun atau rebat daripada harga kontrak perlu diperuntukkan kepada elemen yang berasingan.
- Jika pertimbangan berpelbagai (seperti untuk insentif, rebat, yuran pelaksanaan, royalti, hasil sesuatu kejayaan dll), jumlah minimum hasil perlu diiktiraf jika ia tidak mempunyai risiko pembalikan.
- Keadaan di mana hasil boleh diiktiraf mungkin berubah: sesetengah hasil yang telah diiktiraf pada masa ini mungkin perlu diiktiraf sepanjang tempoh kontrak atau sebaliknya pada penghujung tempoh kontrak.
- Terdapat beberapa peraturan khusus baharu mengenai lesen, waranti, yuran muka tidak boleh dikembalikan dan perjanjian konsainmen, sekadar menyebut beberapa peraturan.
- Seperti juga sebarang piawaian baharu, pendedahan juga semakin meningkat.

Kumpulan dan Syarikat akan menerima pakai MFRS 15 yang baharu dengan sewajarnya dan menjangka kesan yang minimum terhadap penyata kewangan.

Nota-nota Penyata Kewangan (sambungan)

– 31 Disember 2017

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

(b) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa. (sambungan)

- MFRS 16 'Pajakan' (berkuat kuasa dari 1 Januari 2019) menggantikan MFRS 117 'Pajakan' dan Tafsiran yang berkaitan. Di bawah MFRS 16, pajakan adalah kontrak (atau sebahagian daripada kontrak) yang memberi hak kawalan penggunaan aset yang dikenal pasti untuk tempoh masa sebagai tukaran kepada pembayaran.

MFRS 16 menghapuskan pengelasan pajakan oleh pemegang pajakan sama ada sebagai pajakan kewangan (dalam kunci kira-kira) atau pajakan operasi (di luar kunci kira-kira). MFRS 16 memerlukan pemajak mengiktiraf 'hak penggunaan' aset asas dan liabiliti pajakan menggambarkan bayaran pajakan masa depan bagi sebahagian besar pajakan. Hak penggunaan aset disusut nilai menurut prinsip dalam MFRS 116 'Hartanah, Loji dan Peralatan' dan liabiliti pajakan ditambah mengikut masa dengan perbelanjaan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan untung dan rugi.

Bagi pemegang pajakan MFRS 16 mengekalkan sebahagian besar keperluan dalam MFRS 117. Pemegang pajakan terus mengelaskan semua pajakan sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan dan mengambil kira secara berasingan.

Kumpulan dan Syarikat akan menerima pakai MFRS 16 yang baharu dengan sewajarnya dan menjangka kesan yang minimum terhadap penyata kewangan.

- Tafsiran IC 23 "Ketidakpastian mengenai Rujukan Cukai Pendapatan" (berkuat kuasa 1 Januari 2019) menyediakan panduan mengenai bagaimana untuk mengiktiraf dan mengukur aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda dan semasa dan di mana wujudnya ketidakpastian berkenaan rujukan cukai.

Sekiranya entiti menyimpulkan bahawa tidak mungkin bahawa rujukan cukai akan diterima oleh pihak berkuasa cukai, kesan ketidakpastian cukai harus dimasukkan dalam tempoh ketika penentuan tersebut dibuat. Sebuah entiti akan mengukur kesan ketidakpastian menggunakan kaedah yang paling sesuai untuk meramalkan penyelesaian ketidakpastian.

Tafsiran IC 23 akan diterima pakai secara retrospektif.

- Pindaan kepada MFRS 128 "Kepentingan jangka panjang dalam syarikat bersekutu dan usaha sama" (berkuat kuasa 1 Januari 2019) menjelaskan bahawa entiti harus menggunakan MFRS 9 "Instrumen Kewangan" (termasuk keperluan rosot nilai) untuk kepentingan jangka panjang dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, yang merupakan sebahagian pelaburan bersih entiti, yang penyelesaiannya tidak dirancang dan tidak mungkin berlaku pada masa hadapan. Di samping itu, kepentingan jangka panjang adalah tertakluk kepada peruntukan kerugian dan keperluan rosot nilai dalam MFRS 128.

Pindaan tersebut akan digunakan secara retrospektif.

- Pindaan kepada MFRS 9 "Ciri-ciri bayaran terdahulu dengan pampasan negatif" (berkuat kuasa 1 Januari 2019) membolehkan syarikat mengukur beberapa aset kewangan bayaran terdahulu dengan pampasan negatif pada kos pelunasan. Pampasan negatif timbul di mana syarat kontrak membenarkan peminjam membayar terdahulu instrument sebelum kematangan kontraknya, tetapi amaun prabayaran berkemungkinan kurang daripada jumlah prinsipal dan faedah yang belum dibayar. Bagi memenuhi syarat untuk pengukuran kos pelunasan, pampasan negatif mestilah merupakan pampasan munasabah untuk penamatan kontrak awal, dan aset itu mesti dipegang dalam model perniagaan "dipegang untuk mengutip".

Pindaan akan digunakan secara retrospektif.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

(b) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa. (sambungan)

- Penambahbaikan Tahunan bagi Kitaran MFRS 2015 – 2017:
 - Pindaan kepada MFRS 3 “Gabungan Perniagaan” (berkuat kuasa 1 Januari 2019) menjelaskan bahawa apabila suatu pihak memperoleh kawalan perniagaan yang merupakan operasi bersama, pemeroleh itu harus menjelaskan urus niaga sebagai gabungan perniagaan yang dicapai secara berperingkat. Sehubungan itu, ia perlu mengimbangi kepentingan yang dipegang sebelum ini dalam operasi bersama (hak kepada aset dan kewajipan untuk liabiliti) pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan.
 - Pindaan kepada MFRS 11 “Pengaturan Bersama” (berkuat kuasa 1 Januari 2019) menjelaskan bahawa apabila suatu parti memperoleh kawalan bersama suatu perniagaan yang merupakan operasi bersama, parti itu tidak sepatutnya meminda semula kepentingannya sebelum ini dalam operasi bersama.
 - Pindaan kepada MFRS 112 “Cukai Pendapatan” (berkuat kuasa 1 Januari 2019) menjelaskan bahawa di mana akibat cukai pendapatan dividen ke atas instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti diiktiraf (sama ada dalam untung atau rugi, pendapatan komprehensif atau ekuiti yang lain) bergantung kepada urus niaga masa lalu yang menghasilkan keuntungan yang boleh diagih diiktiraf. Oleh itu, akibat cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila entiti menentukan pembayaran atas instrumen tersebut adalah pengagihan keuntungan (iaitu, dividen). Cukai ke atas dividen tidak sepatutnya diiktiraf dalam ekuiti semata-mata atas dasar ia berkaitan dengan pengedaran kepada pemilik.
 - Pindaan kepada MFRS 123 “Kos Peminjaman” (berkuat kuasa 1 Januari 2019) menjelaskan bahawa jika pinjaman tertentu masih tertunggak selepas aset kelayakan berkaitan sedia untuk digunakan atau dijual, ia menjadi sebahagian daripada pinjaman am.

Kumpulan dan Syarikat akan mengguna pakai piawaian ini apabila berkesan. Pengamalan piawaian di atas, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada tidak dijangka mempunyai sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat berkecuali MFRS 9.

2.2 Penyatuan, subsidiari dan syarikat bersekutu

(a) Subsidiari-subsidiari

Subsidiari-subsidiari adalah semua entiti yang mana Kumpulan mempunyai kawalan ke atasnya. Kumpulan mengawal entiti tersebut apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak kepada pulangan yang berubah-ubah daripada penglibatannya dengan entiti dan mempunyai keupayaan untuk memberi kesan kepada pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti. Subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Ia diasingkan pada tarikh kawalan tersebut tamat.

Kumpulan menggunakan kaedah pengambilalihan bagi mengambil kira penggabungan perniagaan. Pertimbangan yang dipindahkan untuk pembelian subsidiari ialah nilai-nilai saksama aset yang dipindahkan, liabiliti yang ditanggung oleh bekas pemilik syarikat yang diambil alih dan kepentingan ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Pertimbangan yang dipindahkan termasuklah nilai-nilai saksama sebarang aset atau liabiliti akibat daripada pengaturan pertimbangan luar jangka. Aset dikenal pasti yang diambil alih dan liabiliti serta liabiliti luar jangka yang ditanggung dalam gabungan perniagaan diukur pada mulanya menurut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan.

Kumpulan mengiktiraf sebarang kepentingan luar kawalan dalam syarikat yang diambil alih mengikut dasar perolehan demi perolehan, sama ada pada nilai saksama atau pada nisbah saham kepentingan tidak dikawal daripada jumlah yang diiktiraf dalam aset bersih syarikat diambil alih yang boleh dikenal pasti.

Nota-nota Penyata Kewangan (sambungan)

– 31 Disember 2017

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.2 Penyatuan, subsidiari dan syarikat bersekutu (sambungan)

(a) Subsidiari-subsidiari (sambungan)

Sebarang lebihan ganjaran yang dipindahkan, jumlah sebarang kepentingan tidak dikawal syarikat yang diambil alih dan nilai saksama tarikh pengambilalihan dalam kepentingan ekuiti terdahulu syarikat yang diambil alih ke atas nilai saksama aset bersih yang boleh dikenal pasti diiktiraf sebagai muhibah. Jika jumlah pertimbangan yang dipindahkan, kepentingan tidak dikawal yang diiktiraf dan kepentingan yang sebelumnya dipegang setelah diukur adalah kurang daripada nilai saksama aset bersih subsidiari yang dibeli dalam kes pembelian yang rendah, perbezaannya diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan.

Kos berkaitan pengambilalihan dibelanjakan apabila berlaku.

Jika penyatuan perniagaan tersebut berlaku secara berperingkat, nilai dibawa yang sebelum ini dipegang dalam syarikat yang diambil alih pada tarikh pengambilalihan dinilai semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pengukuran semula diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Sebarang ganjaran luar jangka yang akan dipindahkan oleh Kumpulan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan seterusnya kepada nilai saksama bagi pertimbangan luar jangka yang disifatkan sebagai suatu aset atau liabiliti diambil kira menurut MFRS 139, sama ada dalam untung dan rugi atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif lain. Pertimbangan luar jangka yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak diukur semula dan penyelesaian berikutnya diambil kira dalam ekuiti.

Urus niaga antara syarikat, baki-baki dan keuntungan belum diperoleh atas urus niaga antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan adalah dihapuskan semasa penyatuan. Kerugian belum direalisasi juga dihapuskan melainkan urus niaga tersebut memberikan bukti rosot nilai aset yang dipindahkan.

Dasar-dasar perakaunan subsidiari telah dipinda mengikut keperluan bagi memastikan ketekalan dengan dasar-dasar yang diguna pakai oleh Kumpulan.

(b) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah semua entiti yang mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara tetapi tidak dikawal, umumnya disertai oleh pegangan saham antara 20% hingga 50% daripada hak mengundi. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam dasar-dasar kewangan dan operasi melalui wakil Lembaga Pengarah tetapi tidak mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambil kira menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan pada peringkat awal diiktiraf pada kos, dan kemudian diselaraskan untuk mengiktiraf penguasaan Kumpulan terhadap keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat-syarikat bersekutu dalam keuntungan atau kerugian, dan penguasaan pergerakan Kumpulan dalam pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu.

Jika kepentingan pemilikan dalam syarikat bersekutu dikurangkan tetapi pengaruh penting kekal, hanya sebahagian saham daripada jumlah yang diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula kepada penyata pendapat mengikut kesesuaian.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat tersebut, termasuk faedah jangka panjang yang, pada dasarnya, merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan ia telah menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu tersebut.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.2 Penyatuan, subsidiari dan syarikat bersekutu (sambungan)

(b) Syarikat-syarikat bersekutu (sambungan)

Kumpulan menentukan pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat bukti nyata bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu mengalami rosot nilai. Kerugian rosot nilai diiktiraf untuk amaun di mana amaun dibawa oleh syarikat bersekutu melebihi amaun boleh pulih.

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urus niaga untung dan rugi antara Kumpulan dan syarikat bersekutunya diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya setakat kepentingan pelabur tidak berkaitan dalam syarikat bersekutu. Kerugian belum diperoleh dihapuskan kecuali jika urus niaga tersebut memberikan bukti terdapat rosot nilai aset yang dipindahkan. Dasar perakaunan syarikat bersekutu telah ditukar jika perlu bagi memastikan keseragaman dengan dasar-dasar yang diguna pakai oleh Kumpulan.

Kecairan keuntungan dan kerugian yang timbul daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu diiktiraf dalam untung dan rugi.

(c) Pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu dalam penyata kewangan yang berasingan

Di dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu dibawa pada kos setelah kerugian rosot nilai terkumpul. Pada akhir setiap tempoh laporan, Kumpulan menilai sama ada terdapat petunjuk rosot nilai. Jika wujud petunjuk kemerosotan, jumlah bawa pelaburan dinilai dan diturunkan nilainya dengan segera kepada jumlah yang boleh dikutip semula. Lihat Nota 2.6 dasar perakaunan mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

Semasa pelupusan pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu, perbezaan antara kutipan pelupusan dan jumlah bawa pelaburan diiktiraf dalam untung dan rugi.

2.3 Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Kos sesuatu perkara hartanah, loji dan peralatan yang pada awalnya diiktiraf termasuk harga pembelian dan perbelanjaannya yang berkaitan secara langsung dengan membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang diperlukan bagi membolehkannya beroperasi mengikut cara yang ditentukan oleh pihak pengurusan.

Kos berikutnya termasuk dalam jumlah bawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, jika sesuai, hanya apabila manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan butiran tersebut berkemungkinan akan mengalir masuk kepada Kumpulan dan Syarikat, dan kos butiran tersebut boleh diukur dengan pasti. Jumlah bawa bahagian yang diganti tidak diiktiraf. Semua baik pulih dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan pada tahun kewangan ia ditanggung.

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan dikira mengikut asas garis lurus bagi memperuntukkan kos aset sehingga ke nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaannya, yang diringkaskan seperti berikut:

Bangunan	25 tahun
Tanah pegangan pajakan	Mengikut baki tempoh pajakan
Kenderaan bermotor	5 tahun
Peralatan pejabat	5 tahun
Perabot, kelengkapan dan lekapan	5 tahun
Pengubahsuaian	5 tahun
Peralatan komputer	5 tahun

Nota-nota Penyata Kewangan (sambungan)

– 31 Disember 2017

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.3 Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

Kaedah nilai sisa, hayat kegunaan dan kaedah susut nilai akan disemak pada setiap akhir tahun kewangan dan diselaraskan sebagaimana patut.

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan Syarikat menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, satu analisis dijalankan untuk menilai sama ada jumlah bawa aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Nilai akan diturunkan jika jumlah bawa melebihi jumlah boleh diperolehi semula. Lihat Nota 2.6 dasar perakaunan mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan kutipan dengan jumlah bawaan dan dimasukkan ke dalam “pendapatan/(kerugian) operasi lain” dalam keuntungan atau kerugian.

2.4 Aset tidak ketara

Aset tidak ketara merangkumi kos data diperolehi daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan perisian aplikasi.

Aset tidak ketara dinyatakan pada nilai kos dan tolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Perbelanjaan seterusnya hanya akan dipermodalkan jika ianya meningkatkan faedah ekonomi pada masa hadapan daripada aset-aset tertentu yang berkaitan dengannya. Semua perbelanjaan lain akan diambil kira dalam penyata pendapatan apabila ia ditanggung.

Aset tidak ketara dengan jangka hayat penggunaan yang terhad dilunaskan pada tarikh ia sedia untuk digunakan.

Pelunasan diiktiraf dalam untung dan rugi berasaskan garis lurus sepanjang anggaran hayat aset tidak ketara, seperti berikut:

Kos data yang dipermodalkan	5 tahun
Perisian aplikasi	5 – 10 tahun

Kaedah pelunasan, hayat kegunaan dan nilai sisa aset dikaji semula pada akhir setiap tempoh laporan dan dilaraskan jika sesuai.

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan Syarikat menilai sama ada wujud sebarang petunjuk rosot nilai. Sekiranya wujud, analisis dilakukan untuk menilai sama ada nilai bawa aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Pelupusan dibuat jika nilai bawa melebihi jumlah boleh diperolehi semula. Sila lihat dasar perakaunan Nota 2.6 mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

Kos yang berkaitan secara langsung yang dipermodalkan sebagai sebahagian daripada produk perisian termasuk kos kakitangan pembangunan perisian.

Perbelanjaan pembangunan lain yang tidak memenuhi kriteria ini diiktiraf sebagai perbelanjaan yang ditanggung. Kos pembangunan yang sebelum ini diiktiraf sebagai perbelanjaan tidak diiktiraf sebagai aset dalam tempoh berikutnya.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.5 Aset kewangan

(a) Pengelasan

Kumpulan dan Syarikat mengelaskan aset kewangannya dalam kategori berikut: Aset Kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman dan pemiutang, pelaburan kewangan AFS dan pelaburan kewangan HTM. Pengelasan tersebut bergantung kepada tujuan aset kewangan tersebut dibeli. Pihak pengurusan menentukan klasifikasi pada awal pengiktirafan dan, dalam kes aset yang dikelaskan sebagai pelaburan kewangan dipegang sehingga matang (HTM), menilai semula penamaan ini pada akhir setiap tempoh pelaporan.

(i) Pelaburan kewangan HFT

Aset kewangan FVTPL adalah aset kewangan yang diperoleh terutamanya bagi tujuan jualan jangka pendek, iaitu dipegang untuk dagangan.

(ii) Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan hutang belum diterima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut dalam pasaran aktif.

Pinjaman dan penghutang Kumpulan dan Syarikat meliputi 'deposit berjangka', 'pinjaman', 'pendahuluan dan pembiayaan', 'pinjaman belum berbayar daripada subsidiari', 'jumlah belum berbayar daripada subsidiari', 'penghutang perniagaan dan penghutang lain' dan 'tunai dan setara tunai' dalam penyata kedudukan kewangan.

(iii) Pelaburan kewangan AFS

Pelaburan kewangan AFS adalah bukan derivatif yang dikhususkan dalam kategori ini atau tidak dikelaskan dalam mana-mana kategori lain.

(iv) Pelaburan kewangan HTM

Pelaburan kewangan HTM adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap yang mana pengurusan Kumpulan dan Syarikat mempunyai hasrat yang positif dan mampu untuk memegangnya sehingga matang. Jika Kumpulan dan Syarikat ingin menjual selain daripada jumlah tidak ketara aset kewangan HTM, seluruh kategori akan berubah dan diklasifikasikan semula sebagai AFS.

(b) Pengiktirafan dan pengukuran permulaan

Pembelian dan penjualan aset kewangan secara berkala diiktiraf pada tarikh dagangan, tarikh Kumpulan dan Syarikat beriltizam untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Aset kewangan yang permulaannya diiktiraf pada nilai saksama termasuk kos urus niaga bagi semua aset kewangan tidak dibawa pada FVTPL. Aset kewangan sebagai FVTPL pada permulaan diiktiraf pada nilai saksama dan kos urus niaga dibelanjakan dalam untung dan rugi.

(c) Pengukuran seterusnya – keuntungan dan kerugian

Aset kewangan pada FVTPL dan aset kewangan AFS seterusnya dikira pada nilai saksama.

Pinjaman dan penghutang dan aset kewangan HTM seterusnya dikira pada pelunasan kos menggunakan kaedah faedah efektif.

Perubahan dalam nilai saksama aset FVTPL termasuk kesan pertukaran mata wang, pendapatan faedah dan dividen diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tempoh perubahan tersebut berlaku.

Nota-nota Penyata Kewangan (sambungan)

– 31 Disember 2017

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.5 Aset kewangan (sambungan)

(c) Pengukuran seterusnya – keuntungan dan kerugian (sambungan)

Perubahan dalam nilai saksama aset AFS dinyatakan dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali untuk kerugian rosot nilai (sila lihat polisi perakaunan Nota 2.5 (d)) dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing. Perbezaan pertukaran bagi aset-aset kewangan dinyatakan dalam untung dan rugi.

Faedah dan pendapatan dividen atas aset kewangan AFS adalah dinyatakan secara berasingan dalam untung dan rugi. Faedah atas sekuriti hutang AFS dikira menggunakan kaedah faedah efektif dan dinyatakan dalam untung dan rugi. Pendapatan dividen atas instrumen ekuiti AFS dinyatakan dalam penyata pendapatan apabila hak Kumpulan dan Syarikat untuk menerima bayaran telah ditentukan.

(d) Pengukuran seterusnya – Rosot nilai aset kewangan

Aset dibawa pada kos dilunaskan

Kumpulan dan Syarikat menilai pada penghujung tempoh laporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan rosot nilai. Aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan rosot nilai dan kerugian rosot nilai berlaku hanya jika terdapat bukti objektif rosot nilai akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (satu 'kejadian kerugian') dan kejadian kerugian tersebut (atau kejadian-kejadian) mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Bukti rosot nilai mungkin termasuk petunjuk bahawa peminjam atau sekumpulan peminjam mengalami kesulitan kewangan yang ketara, kemungkinan mereka akan diisytiharkan muflis atau penyusunan semula keingkar atau kegagalan pembayaran faedah atau pokok atau jika terdapat data yang boleh diperhati menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang besar dalam anggaran aliran tunai masa depan, seperti perubahan dalam keadaan ekonomi yang berhubung kait dengan kegagalan bayaran.

Jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa aliran tunai masa hadapan yang dianggarkan (tidak termasuk kerugian kredit masa depan yang belum dialami) dikurangkan pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan. Jumlah bawa aset dikurang dan jumlah kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan. Jika 'pinjaman dan penghutang' mempunyai kadar faedah yang berubah-ubah, kadar diskaun bagi pengukuran sebarang kerugian rosot nilai adalah kadar faedah berkesan semasa yang ditentukan di bawah kontrak. Sebagai langkah segera yang praktikal, Kumpulan dan Syarikat boleh mengukur rosot nilai pada asas nilai saksama instrumen menggunakan harga pasaran pemerhati.

Jika dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan boleh dikaitkan secara objektif kepada kejadian yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf (seperti peningkatan dalam penarafan kredit penghutang), pembalikan kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya diiktiraf dalam untung dan rugi.

Apabila sesuatu aset tidak boleh dikutip, ia dihapus kira daripada akaun peruntukan berkaitan. Aset tersebut dihapus kira selepas semua prosedur yang perlu telah sempurna dan jumlah kerugian telah ditentukan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.5 Aset kewangan (sambungan)

(d) Pengukuran seterusnya – Rosot nilai aset kewangan (sambungan)

Aset dibawa pada kos dilunaskan (sambungan)

(i) Taksiran individu

Kumpulan dan Syarikat akan menilai sama ada wujudnya bukti rosot nilai dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang disifatkan menjadi ketara secara individu.

Jika wujud bukti secara objektif bahawa kerugian rosot nilai berlaku, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawa pinjaman dan nilai semasa dan anggaran aliran tunai masa depan dikurangkan pada kadar faedah berkesan asal pinjaman tersebut. Jumlah bawa pinjaman dikurangkan melalui akaun peruntukan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam untung dan rugi.

Semua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan lain yang telah ditaksir secara individu, tetapi tidak dianggap mengalami rosot nilai secara bersendirian, ditaksir secara kolektif bagi rosot nilai.

(ii) Taksiran kolektif

Pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan akaun belum diterima yang tidak signifikan secara individu dan pinjaman yang telah dinilai secara individu tanpa ada sebarang bukti bagi rosot nilai adalah dikumpulkan bersama untuk tafsiran rosot nilai kolektif. Pinjaman ini dikumpulkan dalam ciri-ciri risiko kredit yang sama untuk penilaian kolektif, di mana data daripada portfolio pinjaman (seperti kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, pinjaman kepada nisbah cagaran, dan lain-lain) dan penumpuan risiko (seperti prestasi kumpulan individu berlainan) adalah diambil kira.

Aliran tunai masa depan di dalam kumpulan aset kewangan yang dinilai secara kolektif untuk rosot nilai adalah dianggarkan berdasarkan pengalaman lalu kerugian Kumpulan dan Syarikat. Pengalaman kerugian diselaraskan berdasarkan data semasa yang diperhatikan bagi mencerminkan kesan keadaan semasa yang tidak memberi kesan ke atas tempoh berdasarkan pengalaman kerugian dan untuk menghapuskan kesan keadaan dalam tempoh sejarah yang tidak wujud pada masa ini.

Anggaran perubahan dalam aliran tunai masa depan bagi kumpulan aset haruslah mencerminkan dan selaras dengan perubahan dalam data pemerhatian yang berkaitan dari semasa ke semasa. Kaedah dan andaian yang digunakan untuk menganggar aliran tunai masa depan disemak dengan kerap oleh Kumpulan dan Syarikat untuk mengurangkan perbezaan antara anggaran kerugian dan pengalaman kerugian sebenar.

Aset yang dikelaskan sebagai sedia untuk jualan

Kumpulan dan Syarikat akan menilai pada akhir tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau Kumpulan aset kewangan yang mengalami rosot nilai.

Bagi sekuriti hutang, Kumpulan dan Syarikat menggunakan kriteria pengukuran kerugian rosot nilai yang diguna pakai untuk 'aset yang dibawa pada kos pelunasan' di atas. Sekiranya, dalam tempoh yang berikutnya, nilai saksama instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai sedia untuk jualan meningkat dan kenaikan tersebut boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai telah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kerugian rosot akan dinilai semula melalui keuntungan atau kerugian.

Nota-nota Penyata Kewangan (sambungan)

– 31 Disember 2017

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.5 Aset kewangan (sambungan)

(d) Pengukuran seterusnya – Rosot nilai aset kewangan (sambungan)

Aset yang dikelaskan sebagai sedia untuk jualan (sambungan)

Dalam sekuriti ekuiti yang dikelaskan sebagai “sedia untuk jualan”, sebagai tambahan kepada kriteria bagi ‘aset yang dibawa pada kos pelunasan’ di atas, penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti di bawah kosnya juga dianggap sebagai petunjuk bahawa aset ini mengalami rosot nilai. Jika bukti tersebut wujud bagi aset kewangan sedia untuk dijual, kerugian terkumpul yang telah dinyatakan secara langsung dalam ekuiti dikeluarkan daripada ekuiti dan dinyatakan dalam penyata pendapatan. Jumlah kerugian terkumpul yang dikelaskan semula kepada penyata pendapatan adalah perbezaan antara kos perolehan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai ke atas aset kewangan yang sebelumnya diiktiraf dalam penyata pendapatan. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan daripada instrumen ekuiti yang dikelaskan sebagai sedia untuk jualan tidak akan dinilai semula melalui untung dan rugi bagi tempoh yang berikutnya.

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak bagi menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan dan Syarikat telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan tersebut.

(e) Penyahiktirafan

Apabila pelaburan kewangan AFS dijual, maka pelarasan nilai saksama terkumpul yang dinyatakan di dalam pendapatan komprehensif yang lain akan dikelaskan semula kepada untung dan rugi.

(f) Pengelasan semula aset kewangan

Kumpulan dan Syarikat boleh memilih untuk mengelaskan semula aset kewangan bukan derivatif dipegang untuk urus niaga (“HFT”) keluar daripada kategori HFT di mana:

- dalam keadaan yang jarang berlaku, ia tidak lagi dipegang untuk tujuan jualan atau membeli balik dalam tempoh terdekat; atau
- ia tidak lagi dipegang untuk tujuan perniagaan, ia telah memenuhi definisi pinjaman dan jumlah belum terima pada pengelasan awal dan Kumpulan dan Syarikat mempunyai niat dan keupayaan memegangnya untuk masa akan datang, sehingga matang pada tarikh pengelasan semula.

Pengelasan semula dibuat pada nilai saksama pada tarikh pengelasan semula.

2.6 Rosot nilai aset bukan kewangan

Aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak untuk rosot nilai apabila peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan nilai bawaan mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerugian rosot nilai dinyatakan jumlahnya apabila nilai bawaan aset melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula. Jumlah yang boleh diperolehi semula adalah nilai lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan penilaian rosot nilai, aset-aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai yang boleh dikenal pasti (unit penjana tunai). Aset bukan kewangan selain daripada muhibah yang mengalami rosot nilai disemak bagi kemungkinan pembalikan rosot nilai pada setiap tarikh laporan.

Kerugian rosot nilai dicaj kepada penyata pendapatan melainkan jika ia bertentangan dengan penilaian semula sebelumnya, yang mana ia dicaj kepada lebihan penilaian semula. Kerugian rosot nilai atas muhibah tidak boleh dinilai semula. Berhubung dengan aset lain, sebarang peningkatan dalam jumlah yang boleh diperolehi semula dinyatakan dalam penyata pendapatan kecuali kerugian rosot nilai ke atas aset yang dinilai semula yang mana ia akan dibawa kepada lebihan rizab penilaian semula.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.7 Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinilai pada kos pelunasan, kecuali liabiliti urus niaga yang telah ditetapkan pada nilai saksama, yang mana ianya dipegang pada FVTPL. Liabiliti kewangan yang tidak dibawa pada FVTPL pada mulanya ia dikenal pasti mengikut nilai saksama termasuk kos urus niaga. Liabiliti kewangan yang telah dinyatakan pada FVTPL pada permulaan dikenal pasti mengikut nilai saksama, dan kos urus niaga akan dicajkan di dalam untung dan rugi. Liabiliti kewangan ini akan mengalami penyahiktirafan apabila ia dihapuskan.

(a) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Liabiliti kewangan pada FVTPL

Kategori ini terdiri daripada dua sub-kategori: liabiliti kewangan dipegang untuk urus niaga ("HFT") dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada FVTPL pada pengiktirafan permulaan.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai HFT jika ia diperolehi atau kewujudannya berlaku dengan tujuan untuk penjualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat atau jika ia adalah sebahagian daripada portfolio untuk instrumen kewangan dikenal pasti yang diuruskan secara bersama dan terdapat bukti terkini corak sebenar pengambilan untung jangka pendek. Derivatif juga dikategorikan sebagai HFT melainkan jika dikhususkan sebagai perlindungan nilai.

Liabiliti kewangan lain diukur pada kos pelunasan

Liabiliti kewangan lain pada permulaannya diiktiraf pada nilai saksama termasuk kos urus niaga. Selepas itu, liabiliti kewangan yang diukur semula pada kos pelunasan menggunakan kadar faedah efektif.

Liabiliti kewangan lain diukur pada kos pelunasan adalah "jumlah belum berbayar kepada BNM", "Dana BNM", "SEGS", "TUK", "Dana Kerajaan", "saham keutamaan", "SEFF", "pinjaman belum berbayar kepada kepentingan tidak dikawal", "jumlah belum berbayar kepada subsidiari", "tuntutan yang belum berbayar" dan "perdagangan dan pemiutang lain".

(b) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila ia telah ditebus atau terhapus.

2.8 Instrumen kewangan derivatif

Pada permulaan, derivatif dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimeterai dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama. Nilai saksama diperoleh daripada siar harga nilai pasaran dalam pasaran aktif termasuk pasaran urus niaga yang terkini dan teknik penilaian, termasuk model aliran tunai berdiskaun dan model opsyen penetapan harga, yang mana sesuai. Kesemua derivatif dibawa sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan sebagai liabiliti apabila nilai saksama adalah negatif.

Bukti terbaik bagi nilai saksama derivatif pada pengiktirafan permulaan adalah harga urus niaga (iaitu nilai saksama bayaran yang diberi atau diterima) kecuali nilai saksama instrumen ini mempunyai bukti perbandingan dengan urus niaga yang boleh dilihat daripada pasaran semasa yang lain di dalam instrumen yang sama (iaitu tanpa pengubahsuaian atau penukaran semula) atau berdasarkan teknik penilaian yang mana pembolehubahnya termasuk hanya data daripada pasaran yang boleh diperhatikan.

Derivatif Kumpulan dan Syarikat tidak layak untuk perakaunan lindung nilai. Ianya dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan (HFT) dan diambil kira mengikut dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2.5.

Nota-nota Penyata Kewangan (sambungan)

– 31 Disember 2017

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.9 Pajak operasi

Pajakan operasi merupakan pajakan aset yang mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemajak. Pembayaran yang dibuat ke atas pajakan operasi dicajkan kepada penyata pendapatan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Kos awal langsung yang ditanggung oleh Kumpulan dan Syarikat dalam perundingan dan pengaturan pajakan operasi diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila ditanggung.

Apabila pajakan operasi dihentikan sebelum tamat tempoh pajakan, sebarang pembayaran penalti yang perlu dibuat kepada pemajak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana penamatan tersebut berlaku.

2.10 Tunai dan setara tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, setara tunai dipegang bagi tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk pelaburan atau tujuan lain. Tunai dan setara tunai merangkumi tunai dalam tangan, deposit panggilan yang dipegang dalam institusi kewangan, pelaburan berkecairan tinggi dengan kematangan asal 3 bulan atau kurang yang boleh ditukar segera kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.11 Perdagangan dan bayaran belum diterima yang lain

Perdagangan belum diterima adalah amaun yang terhutang daripada pelanggan untuk barangan yang dijual atau perkhidmatan yang diberi dalam operasi biasa perniagaan. Penghutang lain biasanya timbul daripada urusan niaga di luar aktiviti operasi biasa Kumpulan dan Syarikat.

Perdagangan dan bayaran belum diterima yang lain pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama.

Selepas pengiktirafan, Perdagangan dan bayaran belum diterima lain kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan, kurang peruntukan untuk rosot nilai. Sila rujuk kepada dasar perakaunan Nota 2.5 (d) mengenai rosot nilai aset kewangan.

2.12 Modal saham

Saham biasa

Saham biasa adalah dikelaskan sebagai ekuiti. Kenaikan kos secara langsung yang berkaitan dengan penerbitan saham baharu dan opsyen dinyatakan dalam ekuiti sebagai pemotongan bersih cukai, daripada hasil terbitan.

Saham keutamaan

Saham keutamaan dikelaskan sebagai liabiliti jika ia boleh ditebus pada tarikh tertentu, atau mengikut pilihan pemegang saham keutamaan, atau jika bayaran dividen tidak ditetapkan. Dividen diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah dalam penyata pendapatan.

2.13 Perdagangan belum bayar

Perdagangan belum bayar mewakili liabiliti bagi barangan atau perkhidmatan yang diberikan kepada Kumpulan dan Syarikat sebelum akhir tahun kewangan yang belum dibayar.

Perdagangan belum bayar pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan seterusnya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.14 Cukai pendapatan semasa dan tertunda

Cukai semasa

Perbelanjaan cukai bagi tempoh tersebut terdiri daripada cukai pendapatan semasa dan tertunda. Perbelanjaan atau kredit cukai pendapatan bagi tempoh tersebut adalah cukai yang belum dibayar atas pendapatan bercukai tempoh semasa berdasarkan kadar cukai pendapatan yang dikenakan bagi setiap bidang kuasa yang diselaraskan oleh perubahan dalam aset dan liabiliti cukai tertunda yang boleh diagih kepada perbezaan sementara dan kerugian cukai yang tidak digunakan. Cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali setakat yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti. Merujuk perkara ini, cukai juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti masing-masing.

Caj cukai pendapatan semasa dikira berdasarkan undang-undang cukai yang digubal atau digubal secara substantif pada akhir tempoh pelaporan di negara-negara di mana Kumpulan dan Syarikat beroperasi dan menjana pendapatan bercukai.

Pihak Pengurusan secara berkala menilai kedudukan yang perlu diambil dalam borang cukai terhadap situasi di mana peraturan cukai yang dikenakan adalah tertakluk kepada tafsiran. Mereka membuat peruntukan yang sesuai atas dasar jumlah yang perlu dibayar kepada pihak berkuasa percukaian. Liabiliti ini dikira menggunakan anggaran yang terbaik yang akan berlaku.

Cukai tertunda

Cukai tertunda disediakan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti iaitu perbezaan sementara yang wujud antara jumlah aset dan liabiliti untuk tujuan percukaian dan jumlah bawa di dalam penyata kewangan. Cukai tertunda ditentukan dengan menggunakan kadar percukaian (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada akhir tempoh laporan dan dijangka akan digunakan apabila aset cukai tertunda berkaitan dikenal pasti atau liabiliti cukai tertunda ini sudah diselesaikan.

Aset cukai tertunda dikenal pasti pada tahap yang terdapat kemungkinan akan adanya keuntungan bercukai. Perbezaan sementara yang dibenarkan atau kerugian cukai yang belum digunakan boleh ditolak daripadanya.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh dikenakan cukai yang berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara.

Aset cukai pendapatan tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara boleh kurang yang timbul daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pengaturan bersama hanya setakat yang kemungkinan perbezaan sementara akan ditarik balik pada masa hadapan dan terdapat keuntungan bercukai mencukupi yang boleh digunakan di mana perbezaan sementara boleh kurang boleh digunakan.

Aset dan liabiliti daripada cukai pendapatan tertunda dan cukai pendapatan akan diimbangkan apabila wujudnya penguatkuasaan hak yang dikuatkuasakan bagi mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda yang berkaitan dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian yang sama kepada entiti yang sama boleh cukai atau entiti yang berbeza boleh cukai di mana terdapatnya hasrat untuk menyelesaikan baki bersih cukai.

2.15 Kebajikan kakitangan

Kebajikan kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan manfaat bukan kewangan adalah diakru dalam tempoh tahun kewangan yang mana perkhidmatan tersebut telah diberikan oleh kakitangan Kumpulan dan Syarikat dan diukur pada jumlah yang dijangka akan dibayar apabila liabiliti dijelaskan. Liabiliti dibentangkan sebagai pemiutang lain dalam penyata kedudukan kewangan.

Nota-nota Penyata Kewangan (sambungan)

– 31 Disember 2017

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.15 Kebajikan kakitangan (sambungan)

Kebajikan kakitangan jangka pendek (sambungan)

Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf peruntukan di mana kewajipan berkontrak atau di mana terdapat amalan masa lalu yang telah mewujudkan kewajipan konstruktif.

Pelan caruman wajib

Kumpulan dan Syarikat menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") iaitu pelan caruman yang ditetapkan. Caruman Kumpulan dan Syarikat kepada pelan caruman ini dicajkan kepada untung dan rugi tahun kewangan berkenaan. Apabila caruman telah dibayar, Kumpulan dan Syarikat tidak lagi mempunyai obligasi atas pembayaran tersebut.

2.16 Geran Kerajaan

Manfaat daripada pinjaman Kerajaan pada kadar faedah di bawah paras pasaran diambil kira sebagai geran Kerajaan. Pinjaman Kerajaan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan, dan diukur mengikut MFRS 139 'Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran'. Geran Kerajaan diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan permulaan pinjaman Kerajaan yang ditentukan mengikut MFRS 139 dan jumlah yang diterima. Geran Kerajaan dibentangkan sebagai pendapatan tertangguh dalam penyata kedudukan kewangan.

Geran Kerajaan dikenal pasti apabila terdapat jaminan yang wajar bahawa geran tersebut akan diterima, dan Kumpulan dan Syarikat akan mematuhi syarat-syarat yang disertakan bersama pemberian tersebut. Geran Kerajaan dikenal pasti dalam untung dan rugi secara teratur sepanjang tempoh di mana perbelanjaan bagi kos yang berkaitan dengan tujuan geran tersebut diberikan.

Kumpulan dan Syarikat telah mengguna pakai peruntukan peralihan dalam MFRS 120 'Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan bagi Bantuan Kerajaan' dan Pindaan bagi MFRS 1 'Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia' ke atas Pinjaman Kerajaan. Peruntukan perakaunan MFRS 120 patut diguna pakai secara prospektif untuk pemberian yang belum diterima atau kena bayar balik setelah tarikh efektif piawaian tersebut. Geran tersebut adalah 'Tabung Usahawan Kecil' dan 'Skim Jaminan Usahawan Kecil'.

Pinjaman Kerajaan yang wujud pada tarikh peralihan adalah 'Dana daripada BNM' bagi Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i dan langganan saham Danajamin Nasional Berhad, 'dana Kerajaan', 'saham keutamaan' dan 'Dana Kewangan Usahawan Kecil'. Pinjaman Kerajaan ini dinyatakan pada nilai bawaannya yang dahulu.

2.17 Peruntukan bagi tuntutan di bawah Skim Jaminan

Peruntukan bagi tuntutan untuk pendedahan Kumpulan dan Syarikat terhadap jaminan yang diberi berdasarkan notis daripada institusi kewangan apabila akaun dikelaskan sebagai tidak berbayar dan apabila tuntutan dibuat oleh institusi kewangan.

Peruntukan bagi tuntutan diambil kira secara langsung kepada untung dan rugi. Pindahan lebihan atau kurangan yang melibatkan rizab khas dibuat melalui keuntungan terkumpul.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.18 Peruntukan

Peruntukan dikenal pasti oleh Kumpulan dan Syarikat apabila semua syarat berikut dipenuhi:

- (i) Kumpulan dan Syarikat mempunyai obligasi undang-undang atau obligasi konstruktif hasil daripada peristiwa yang lepas;
- (ii) Aliran keluar sumber mungkin diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut; dan
- (iii) Anggaran yang munasabah bagi jumlah obligasi boleh dibuat.

Peruntukan diukur pada nilai semasa anggaran terbaik pihak pengurusan bagi perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan menggunakan kadar sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus terhadap kewajipan tersebut. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan kos kewangan.

2.19 Pendapatan tertunda (tidak termasuk geran Kerajaan)

Pendapatan tertunda merangkumi yuran langganan yang dibayar secara pendahuluan dan yuran daripada pakej prabayar. Pendapatan tertunda dikenal pasti sebagai hasil dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan pelunasan sepanjang tempoh untuk fi langganan dan berdasarkan penggunaan pakej prabayar atau tamatnya perjanjian untuk pakej prabayar, yang mana lebih terdahulu.

2.20 Luar jangkaan

Kumpulan dan Syarikat tidak mengenal pasti aset dan liabiliti luar jangka, tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tidak terjadinya satu atau lebih kejadian di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat atau obligasi semasa yang tidak dikenal pasti kerana aliran keluar sumber tidak diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam keadaan yang amat luar biasa di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh dikenal pasti kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti. Walau bagaimanapun, liabiliti luar jangka tidak meliputi kontrak jaminan kewangan.

Aset luar jangka adalah aset yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tidak terjadinya satu atau lebih kejadian akan datang di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat. Kumpulan dan Syarikat tidak mengenal pasti aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya apabila pengaliran masuk faedah ekonomi berkemungkinan wujud, tetapi tidak semestinya berlaku.

2.21 Pengiktirafan hasil

Hasil diukur pada nilai saksama daripada pembayaran yang telah diterima atau akan diterima daripada jualan barangan atau perkhidmatan dalam perjalanan biasa aktiviti Kumpulan dan Syarikat. Hasil ditunjukkan selepas ditolak cukai barangan dan perkhidmatan, kembalikan, rebat dan diskaun dan jumlah yang dikumpul bagi pihak ketiga dan selepas penghapusan jualan dalam Kumpulan dan Syarikat.

Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf hasil apabila jumlah hasil boleh diukur dengan pasti, berkemungkinan bahawa manfaat masa depan ekonomi akan mengalir ke entiti dan kriteria tertentu telah dipenuhi bagi setiap aktiviti Kumpulan dan Syarikat yang dinyatakan di bawah. Kumpulan dan Syarikat membuat anggaran berasaskan kepada keputusan masa lalu, dengan mempertimbangkan jenis pelanggan, jenis urusan niaga dan perincian setiap perjanjian.

- (i) Yuran jaminan dikenal pasti mengikut nisbah menggunakan asas akrual sepanjang tempoh masa jaminan-jaminan yang telah diberikan.

Nota-nota Penyata Kewangan (sambungan)

– 31 Disember 2017

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.21 Pengiktirafan hasil (sambungan)

- (ii) Pendapatan faedah/keuntungan dikenal pasti menggunakan kaedah faedah/keuntungan efektif. Apabila pinjaman dan akaun penghutang merosot, Kumpulan dan Syarikat akan mengurangkan nilai bawaan kepada nilai yang boleh diperolehi, yang mana aliran tunai masa depan yang dianggarkan akan didiskaunkan pada kadar efektif asal faedah/keuntungan instrumen, dan terus didiskaunkan sebagai pendapatan faedah/keuntungan. Pendapatan faedah/keuntungan ke atas pinjaman rosot nilai dan penghutang diiktiraf menggunakan kadar faedah efektif yang asal.
- (iii) Pendapatan faedah lain, termasuk pelunasan premium atau tambahan diskaun, dikenal pasti berdasarkan pembahagian masa yang mengambil kira hasil efektif aset tersebut.
- (iv) Pendapatan sewa dikenal pasti mengikut kadar masa apabila kegagalan pembayaran sewa telah berlaku dan sewa tertunggak masih belum dijelaskan, di mana pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Selepas digantung, pendapatan sewa dikenal pasti berasaskan penerimaan bayaran sehingga kesemua tunggakan habis dibayar.
- (v) Jualan perkhidmatan terlibat dalam peruntukan perkhidmatan rujukan kredit, penarafan kredit dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan biro kredit. Perkhidmatan ini disediakan sebagai kontrak harga tetap, dengan jangka kontrak yang biasanya kurang daripada satu tahun hingga tiga tahun.
- (vi) Pendapatan lain dikenal pasti apabila jumlah pendapatan dapat diukur dengan pasti dan berkemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir kepada entiti. Pendapatan subsidiari dikenal pasti apabila perkhidmatan diberi dan diterima oleh pelanggan.

2.22 Mata wang asing

(a) Mata wang fungsi dan pembentangan

Item yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang utama persekitaran ekonomi di mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan mata wang fungsian dan pembentangan Kumpulan dan Syarikat.

(b) Urus niaga dan baki mata wang asing

Urus niaga mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran semasa mengikut tarikh urus niaga atau nilai di mana barangan itu dinilai semula. Keuntungan dan kerugian daripada urus niaga tersebut dan daripada terjemahan kepada kadar pertukaran akhir tahun bagi aset dan liabiliti kewangan dinyatakan dalam untung dan rugi.

Perubahan dalam nilai saksama sekuriti kewangan yang didominasi dalam mata wang asing diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan AFS dianalisis antara perbezaan pertukaran yang terhasil daripada pertukaran sekuriti dalam kos pelunasan dan pertukaran yang lain dalam nilai bawa bagi sekuriti. Perbezaan terjemahan yang berkaitan dengan perubahan dalam kos pelunasan dinyatakan di dalam untung dan rugi, dan perubahan yang lain dalam nilai bawa dinyatakan di dalam pendapatan komprehensif yang lain.

Perbezaan pertukaran daripada aset dan liabiliti seperti ekuiti yang dipegang pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian akan dikenal pasti di dalam penyata pendapatan sebagai sebahagian daripada keuntungan nilai saksama atau kerugian. Perbezaan pertukaran ke atas aset kewangan bukan kewangan, seperti ekuiti yang dikelaskan sebagai sedia untuk jualan, akan dimasukkan ke dalam pendapatan komprehensif yang lain.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.23 Pengimbangan instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan jumlah bersih dibentangkan di dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi jumlah yang dikenal pasti dan terdapat tujuan untuk menyelesaikan secara bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara pada masa serentak. Hak mengikut undang-undang tidak boleh bergantung pada peristiwa masa hadapan dan hendaklah boleh dikuatkuasakan dalam urusan perniagaan biasa dan sekiranya berlaku keingkar, insolvensi atau muflis.

2.24 Kontrak-kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan Kumpulan atau Syarikat untuk membuat bayaran tertentu bagi membayar balik kepada pemegang bagi kerugian yang dialami kerana penghutang tertentu gagal membuat bayaran apabila tiba masanya, mengikut terma-terma instrumen hutang.

Kontrak jaminan kewangan dikenal pasti sebagai liabiliti kewangan pada masa jaminan tersebut dikeluarkan. Liabiliti pada mulanya diukur pada nilai saksama dan seterusnya pada yang lebih tinggi daripada jumlah yang ditentukan mengikut MFRS 137 "Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka" dan jumlah yang dikenal pasti pada permulaan ditolak pelunasan terkumpul, di mana sesuai.

Nilai saksama bagi jaminan kewangan ditentukan sebagai nilai semasa perbezaan dalam aliran tunai bersih antara bayaran kontrak di bawah instrumen hutang dan bayaran yang akan diperlukan tanpa jaminan, atau jumlah anggaran yang akan dibayar kepada pihak ketiga untuk mengambil alih tanggung jawab.

Jaminan kewangan berhubung dengan pinjaman atau yang kena dibayar daripada subsidiari yang disediakan oleh Syarikat bagi sebarang pampasan, nilai saksama diambil kira sebagai sumbangan dan dikenal pasti sebagai sebahagian daripada kos pelaburan dalam subsidiari.

3. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL

Anggaran dan asas andaian akan disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan adalah dikenal pasti dalam tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa depan jika semakan memberi kesan kepada tempoh semasa dan akan datang. Kumpulan dan Syarikat membuat anggaran dan andaian mengenai masa hadapan. Anggaran perakaunan yang terhasil akan, mengikut definisinya jarang menyamai keputusan sebenar.

Anggaran dan andaian yang berisiko tinggi menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah bawaan aset dan liabiliti pada tahun kewangan yang akan datang adalah seperti berikut.

(a) Nilai saksama produk berstruktur dan instrumen kewangan lain

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak diniagakan dalam pasaran aktif (contohnya, derivatif "over-the-counter") ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian. Kumpulan dan Syarikat menggunakan pertimbangan untuk memilih pelbagai kaedah dan membuat anggaran terutamanya yang berdasarkan kepada keadaan pasaran yang wujud pada akhir setiap tempoh pelaporan. Sila lihat Nota 44(d) untuk andaian penting yang digunakan bagi menganggarkan nilai saksama instrumen kewangan.

Nota-nota Penyata Kewangan (sambungan)

– 31 Disember 2017

3. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL (SAMBUNGAN)

Anggaran dan andaian yang berisiko tinggi menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah bawaan aset dan liabiliti pada tahun kewangan yang akan datang adalah seperti berikut. (sambungan)

(b) Peruntukan kerugian pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Anggaran dan pertimbangan perakaunan yang berkaitan dengan rosot nilai pinjaman dan peruntukan bagi kedudukan di luar kunci kira-kira adalah anggaran perakaunan yang kritikal kerana andaian asas yang digunakan untuk kedua-dua nilai rosot nilai secara individu dan kolektif boleh berubah dari semasa ke semasa dan boleh memberi kesan ketara kepada keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat.

Dalam mentaksir rosot nilai bagi aset, pertimbangan pihak pengurusan diperlukan. Penentuan peruntukan rosot nilai yang diperlukan bagi pinjaman yang dianggap penting secara individu memerlukan penggunaan pertimbangan pengurusan yang besar mengenai perkara-perkara seperti keadaan ekonomi tempatan, prestasi kewangan pihak berkaitan dan nilai cagaran yang dipegang, yang mana pasaran yang boleh diakses belum tersedia. Jumlah sebenar aliran tunai masa hadapan dan waktunya mungkin akan berbeza daripada anggaran yang digunakan oleh pihak pengurusan dan seterusnya menyebabkan kerugian sebenar akan berbeza daripada peruntukan yang dilaporkan.

Peruntukan rosot nilai bagi pinjaman yang secara individunya adalah penting tetapi tidak ada bukti objektif yang rosot nilai wujud akan ditentukan secara kolektif. Peruntukan rosot nilai kolektif dikira berasaskan portfolio menggunakan model statistik yang menggabungkan banyak anggaran dan pertimbangan, oleh itu ia tertakluk kepada ketidakpastian anggaran. Kumpulan dan Syarikat kerap melakukan kajian semula model dan data dan andaian setakat yang mungkin bagi mencerminkan keadaan ekonomi semasa. Kebarangkalian kelalaian, kerugian mungkin, dan tempoh kehilangan pengenalan, antara lain, semua ini akan diambil kira semasa kajian ini dilakukan.

(c) Aset cukai tertunda

Pertimbangan penting diperlukan dalam menentukan aset cukai tertunda kerana ia melibatkan keuntungan boleh cukai masa depan tertunda. Keputusan akhir keuntungan boleh cukai masa depan adalah berbeza daripada anggaran permulaan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada aset cukai dan liabiliti tertunda dalam tahun kewangan penentuan tersebut dibuat.

(d) Peruntukan bagi tuntutan di bawah skim jaminan

Peruntukan bagi tuntutan oleh institusi kewangan di bawah skim jaminan dibuat berdasarkan notis pinjaman tidak berbayar dan penyerahan tuntutan oleh institusi kewangan dengan menggunakan peratusan jumlah pinjaman yang tidak berbayar dan penyerahan tuntutan berdasarkan pengalaman lepas.

(e) Peruntukan bagi rosot nilai pelaburan dalam syarikat subsidiari (CBM)

Syarikat menaksir rosot nilai pelaburan dalam sebuah syarikat subsidiari setiap tahun menurut dasar perakaunannya dalam Nota 2.6 kepada penyata kewangan. Jumlah yang boleh dikutip semula dalam subsidiarinya dinilai berasaskan kepada nilai kegunaan. Nilai kegunaan ditentu menggunakan nilai semasa anggaran masa hadapan wang tunai yang dijangka akan dijana daripada perniagaan subsidiari tersebut, menggunakan anggaran seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Bangunan RM'000	Tanah pajakan jangka panjang RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat RM'000	Perabot kelengkapan & lekapan RM'000	Pengubah- suaian RM'000	Peralatan komputer RM'000	Kerja dalam proses RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan									
Kos	39,081	5,010	144	3,413	4,428	9,360	15,518	1,346	78,300
Pada 1 Januari 2017	—	—	—	492	380	2,957	921	4,681	9,431
Tambahan	—	—	—	(124)	(253)	(266)	(1,962)	—	(2,605)
Pelupusan	—	—	—	47	316	513	5	(881)	—
Pindahan daripada kerja dalam proses	—	—	—	—	—	—	—	(354)	(354)
Pengelasan semula kepada aset tidak ketara (Nota 5)	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Pada 31 Disember 2017	39,081	5,010	144	3,828	4,871	12,564	14,482	4,792	84,772
Tolak: Susut nilai terkumpul									
Pada 1 Januari 2017	31,265	2,834	143	2,159	3,033	5,329	12,997	—	57,760
Caj bagi tahun kewangan	1,564	28	—	407	449	1,542	921	—	4,911
Pelupusan	—	—	—	(110)	(233)	(266)	(1,962)	—	(2,571)
Pada 31 Disember 2017	32,829	2,862	143	2,456	3,249	6,605	11,956	—	60,100
Nilai buku bersih:									
Pada 31 Disember 2017	6,252	2,148	1	1,372	1,622	5,959	2,526	4,792	24,672
Kos	39,081	5,010	144	2,795	3,879	8,043	14,042	4,650	77,644
Pada 1 Januari 2016	—	—	—	703	948	1,650	1,583	2,008	6,892
Tambahan	—	—	—	(325)	(590)	(333)	(261)	—	(1,509)
Pelupusan	—	—	—	240	191	—	154	(585)	—
Pindahan daripada kerja dalam proses	—	—	—	—	—	—	—	(4,727)	(4,727)
Pengelasan semula kepada aset tidak ketara (Nota 5)	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Pada 31 Disember 2016	39,081	5,010	144	3,413	4,428	9,360	15,518	1,346	78,300
Tolak: Susut nilai terkumpul									
Pada 1 Januari 2016	29,701	2,806	143	2,147	3,338	4,752	12,367	—	55,254
Caj bagi tahun kewangan	1,564	28	—	337	249	858	747	—	3,783
Pelupusan	—	—	—	(325)	(554)	(281)	(117)	—	(1,277)
Pengelasan semula daripada aset tidak ketara (Nota 5)	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Pada 31 Disember 2016	31,265	2,834	143	2,159	3,033	5,329	12,997	—	57,760
Nilai buku bersih:									
Pada 31 Disember 2016	7,816	2,176	1	1,254	1,395	4,031	2,521	1,346	20,540

Nota-nota Penyata Kewangan (sambungan)

– 31 Disember 2017

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Syarikat	Bangunan RM'000	Tanah pajakan jangka panjang RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat RM'000	Perabot kelengkapan & lekapan RM'000	Pengubah- suaian RM'000	Peralatan komputer RM'000	Kerja dalam proses RM'000	Jumlah RM'000
Kos									
Pada 1 Januari 2017	39,081	5,010	144	3,301	4,273	9,017	13,426	1,256	75,508
Tambahan	–	–	–	484	324	2,843	809	4,681	9,141
Pelupusan	–	–	–	(124)	(253)	(266)	(1,962)	–	(2,605)
Pindahan daripada kerja dalam proses	–	–	–	47	316	513	–	(876)	–
Pengelasan semula kepada aset tidak ketara (Nota 5)	–	–	–	–	–	–	–	(269)	(269)
Pada 31 Disember 2017	39,081	5,010	144	3,708	4,660	12,107	12,273	4,792	81,775
Tolak: Susut nilai terkumpul									
Pada 1 Januari 2017	31,265	2,834	143	2,072	2,884	4,988	11,397	–	55,583
Caj bagi tahun kewangan	1,564	28	–	399	442	1,534	778	–	4,745
Pelupusan	–	–	–	(110)	(233)	(266)	(1,962)	–	(2,571)
Pada 31 Disember 2017	32,829	2,862	143	2,361	3,093	6,256	10,213	–	57,757
Nilai buku bersih:									
Pada 31 Disember 2017	6,252	2,148	1	1,347	1,567	5,851	2,060	4,792	24,018
Kos									
Pada 1 Januari 2016	39,081	5,010	144	2,706	3,728	7,700	12,398	4,398	75,165
Tambahan	–	–	–	680	944	1,650	1,222	1,977	6,473
Pelupusan	–	–	–	(325)	(590)	(333)	(261)	–	(1,509)
Pindahan daripada kerja dalam proses	–	–	–	240	191	–	67	(498)	–
Pengelasan semula kepada aset tidak ketara (Nota 5)	–	–	–	–	–	–	–	(4,621)	(4,621)
Pada 31 Disember 2016	39,081	5,010	144	3,301	4,273	9,017	13,426	1,256	75,508
Tolak: Susut nilai terkumpul									
Pada 1 Januari 2016	29,701	2,806	143	2,066	3,194	4,415	10,873	–	53,198
Caj bagi tahun kewangan	1,564	28	–	331	244	854	641	–	3,662
Pelupusan	–	–	–	(325)	(554)	(281)	(117)	–	(1,277)
Pengelasan semula daripada aset tidak ketara (Nota 5)	–	–	–	–	–	–	–	–	–
Pada 31 Disember 2016	31,265	2,834	143	2,072	2,884	4,988	11,397	–	55,583
Nilai buku bersih:									
Pada 31 Disember 2016	7,816	2,176	1	1,229	1,389	4,029	2,029	1,256	19,925

5. ASET TIDAK KETARA

Kumpulan	Perisian RM'000	Kos data RM'000	Jumlah RM'000
Kos			
Pada 1 Januari 2017	58,408	8,104	66,512
Tambahan	3,078	877	3,955
Dihapus kira	(506)	—	(506)
Pengelasan semula daripada hartanah, loji dan peralatan (Nota 4)	354	—	354
Pada 31 Disember 2017	61,334	8,981	70,315
Tolak: Pelunasan terkumpul			
Pada 1 Januari 2017	42,651	5,198	47,849
Caj pelunasan pada tahun kewangan	4,812	1,204	6,016
Dihapus kira	(480)	—	(480)
Pada 31 Disember 2017	46,983	6,402	53,385
Nilai buku bersih			
Pada 31 Disember 2017	14,351	2,579	16,930
Kos			
Pada 1 Januari 2016	48,740	7,072	55,812
Tambahan	4,970	1,033	6,003
Dihapus kira	(29)	(1)	(30)
Pengelasan semula daripada hartanah, loji dan peralatan (Nota 4)	4,727	—	4,727
Pada 31 Disember 2016	58,408	8,104	66,512
Tolak: Pelunasan terkumpul			
Pada 1 Januari 2016	39,226	4,000	43,226
Caj pelunasan pada tahun kewangan	3,425	1,198	4,623
Pada 31 Disember 2016	42,651	5,198	47,849
Nilai buku bersih			
Pada 31 Disember 2016	15,757	2,906	18,663

Credit Guarantee Corporation
Malaysia Berhad
Laporan Tahunan 2017

Nota-nota Penyata Kewangan (sambungan)

– 31 Disember 2017

5. ASET TIDAK KETARA (SAMBUNGAN)

Syarikat	Perisian RM'000	Kos data RM'000	Jumlah RM'000
Kos			
Pada 1 Januari 2017	46,431	–	46,431
Tambahan	2,590	–	2,590
Dihapus kira	(483)	–	(483)
Pengelasan semula daripada hartanah, loji dan peralatan (Nota 4)	269	–	269
Pada 31 Disember 2017	48,807	–	48,807
Tolak: Pelunasan terkumpul			
Pada 1 Januari 2017	33,267	–	33,267
Caj pelunasan pada tahun kewangan	4,332	–	4,332
Dihapus kira	(480)	–	(480)
Pada 31 Disember 2017	37,119	–	37,119
Nilai buku bersih			
Pada 31 Disember 2017	11,688	–	11,688
Kos			
Pada 1 Januari 2016	36,982	–	36,982
Tambahan	4,857	–	4,857
Dihapus kira	(29)	–	(29)
Pengelasan semula daripada hartanah, loji dan peralatan (Nota 4)	4,621	–	4,621
Pada 31 Disember 2016	46,431	–	46,431
Tolak: Pelunasan terkumpul			
Pada 1 Januari 2016	30,246	–	30,246
Caj pelunasan pada tahun kewangan	3,021	–	3,021
Pada 31 Disember 2016	33,267	–	33,267
Nilai buku bersih			
Pada 31 Disember 2016	13,164	–	13,164

6. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

	Syarikat	
	31.12.2017 RM'000	31.12.2016 RM'000
Saham tidak tersiar harga, pada kos	23,650	23,650
Tolak: Peruntukan bagi rosot nilai	(23,650)	(18,468)
	–	5,182

6. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Pada 17 Mei 2016, syarikat subsidiari Credit Bureau Malaysia Sdn. Bhd. ("CBM") telah memperoleh perintah daripada Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur supaya mengurangkan modal saham diterbitkan dan dibayar daripada RM33,000,000 yang dibahagikan kepada 33,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 kepada RM13,200,000 yang dibahagikan kepada 33,000,000 saham biasa bernilai RM0.40 setiap satu.

Peruntukan bagi rosot nilai

